UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ANALISIS ADVERBA BAHASA MELAYU DALAM STRUKTUR PENERANG DAN KETERANGAN BERDASARKAN DATA KORPUS BERKOMPUTER

MOHAMAD MOJAHID BIN A LATIF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis data korpus berkomputer yang berfokuskan penyelidikan berkaitan golongan kata adverba dengan penumpuan kepada aspek penerang dan keterangan. Dalam reka bentuk kajian, disertasi ini menggunakan pendekatan data korpus berkomputer yang dibangunkan melalui perisian *Antconc 3.2* berdasarkan tiga buah novel yang digunakan dalam bahan Komponen Kesusateraan Melayu (KOMSAS), iaitu novel *Kabus Di Perbukitan* karya Mohamad Kholid Hamzah, *Sutera Dalam Lukisan* karya Abd. Talib Hassan dan *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L. Kadir. Data ini kemudiannya dikeluarkan dalam bentuk baris-baris konkordans dan daripada baris konkordans ini, kehadiran kata adverba dalam bentuk sintaktik dianalisis secara manual. Dalam konteks ini, pengkaji melihat keperluan untuk meneliti golongan kata ini berdasarkan teori berasaskan struktural kerana golongan kata ini hanya dapat ditentukan apabila sudah berada dalam strukturnya. Oleh itu, pendekatan yang digunakan oleh Knowles dan Zuraidah Mohd Don (2008), Norliza Hj. Jamaluddin (2011), Van Valin Jr. & R.J LaPOlla (1997) dan Quirk *et al.* (1995) dijadikan asas dalam kajian ini. Aspek fungsian adverba dalam binaan sintaktik akan diteliti menerusi gatra dan unsur pengisi. Hasil analisis dan tinjauan data korpus berkomputer yang dilakukan menunjukkan bahawa fungsi adverba dalam struktur penerang lazimnya diisi oleh golongan kata sifat, kata kerja, kata nama dan kata adverba. Golongan kata ini lazimnya akan berfungsi menerangkan kata kerja inti, kata sifat inti dan kata adverba. Dalam struktur keterangan pula, gatra ini boleh diisi sekurang-kurangnya satu perkataan sahaja untuk membentuk frasa keterangan. Namun, secara tipikalnya, gatra ini akan diisi oleh unit bahasa bertaraf frasa dan klausa yang dilihat berdasarkan penanda kata sendi dan kata hubung pancangan keterangan. Kajian ini dapat memberi implikasi yang mendalam terhadap fungsi dan peranan golongan kata ini dalam proses pemahaman berkaitan nahu bahasa. Penghuraian yang dilakukan dalam dapatan kajian membolehkan pengguna bahasa memahami dengan lebih jelas berkaitan perilaku kata adverba dalam struktur penerang dan keterangan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ADVERB ANALYSIS OF MALAY LANGUAGE IN MODIFIER AND ADJUNCT BASED ON COMPUTERISED CORPUS DATA

ABSTRACT

This study aims to analyse the computerized corpus data by focusing research on the adverb word class on modifier and adjunct. In the design of the study, this dissertation uses a computerized corpus data which is developed through *Antconc 3.2* software with three novels used in Malay Literature (*KOMSAS*), namely *Kabus di Perbukitan* by Mohamad Kholid Hamzah, *Sutera dalam Lukisan* by Abd. Talib Hassan and *Kembara Amira* by Amer Hamzah L. Kadir. This data is then released in the form of concordance lines and from that concordance lines, the presence of the adverb form of syntactic was analysed manually. In this context, the researchers saw the need to examine these word class based on structural theory because the word class can only be determined when it is in its structure. Therefore approach used by Knowles and Zuraidah Mohd. Don (2008), Norliza Hj. Jamaluddin (2011), Van Valin Jr. and R.J LaPOlla (1997) and Quirk et al. (1995) is used as the basis for this study. The functional aspects of adverb in syntactic development were studied through slots and fillers. Results of computerized data corpus analysis and surveys conducted shows that the function of adverbs in the structure of the modifier is usually filled by adjectives, verbs, nouns and adverbs. The word class usually modify the verb, adjective and adverb. In the adjunct, slot can be filled by at least one word to form adjunct phrase. However, typically, this slot will be filled by the unit class language phrases and clauses that are seen by the marker prepositions and conjunctions of embedded adjunct. This study may provide profound implications for the functions and role of word class in the process of understanding of grammar. Elaboration made in this study allows the language user to better understand adverb in the modifier and adjunct structures.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN		**ii**
PENGHARGAAN		**iii**
ABSTRAK		**iv**
ABSTRACT		**v**
SENARAI KANDUNGAN		**vi**
SENARAI JADUAL		**x**
SENARAI RAJAH		**xi**
SENARAI CARTA		**xii**
BAB 1	**PENDAHULUAN**	**1**
1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Tujuan Kajian	11
1.4	Kepentingan Kajian	12
1.5	Batasan Kajian	14
1.6	Definisi Operasional	15
	1.6.1 Penerang	16
	1.6.2 Keterangan	17
	1.6.3 Kata Adverba	19
	1.6.4 Kata Kerja	22
	1.6.5 Kata Adjektif	25
	1.6.6 Data Korpus Berkomputer	27
1.7	Kesimpulan	30

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 31

2.1 Pengenalan 31
2.2 Kajian Literatur Berkaitan Kata Adverba 32
2.2.1 Konsep Kata Adverba 32
2.2.2 Istilah Kata Adverba 38
2.2.2 Pengolongan Kata Adverba 45
2.2.3 Subgolongan Kata Adverba 52
2.2.3.1 Kriteria Bentuk 53
2.2.3.1.1 Bentuk Morfologi 54
2.2.3.1.2 Bentuk Fungsi dan Perubahan Golongan Kata 67
2.2.3.2 Kriteria Semantik 69
2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Data Korpus 72
2.3.1 Data Korpus Dalam Bidang Tatabahasa 75
2.4 Kerangka Teori 82
2.4.1 Struktur Sintaktik 82
2.4.1.1 Gatra 83
2.4.1.2 Unsur Pengisi 84
2.4.2 Sesesaran Sintaktik 86
2.4.3 Struktur Adverba Bahasa Melayu 86
2.4.3.1 Unsur Penerang 86
2.4.3.2 Unsur Keterangan 88
2.4.3.3 Aplikasi Pandangan Van Valin Jr. & R.J LaPolla (1997) 88
2.4 Kesimpulan 89

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 91

3.1 Pengenalan 91
3.2 Reka Bentuk Kajian 92
3.2.1 Kaedah Penyelidikan Kepustakaan 93
3.2.2 Pendekatan Data Korpus Berkomputer 94
3.2.2.1 Pemilihan Teks 95
3.2.2.2 Jumlah Teks 96
3.2.2.3 Saiz Data Korpus 97
3.2.3 Peranti Antconc 99
3.2.3.1 Senarai Kata (*Wordlist)* 100
3.2.3.2 Konkordans 101
3.3 Prosedur Pengeluaran Data 102
3.4 Kesimpulan 107

BAB 4 ANALISIS DATA 108

4.1 Pengenalan 108
4.2 Adverba Dalam Struktur Penerang 109
4.2.1 Aspek Kata Inti 109
4.2.1.1 Kata Kerja Sebagai Inti Frasa 111
4.2.1.2 Kata Sifat Sebagai Inti Frasa 117
4.2.2 Golongan Kata Berfungsi Sebagai Adverba dan Aspek Posisi 119
4.2.2.1 Kata Sifat Sebagai Adverba 120
4.2.2.2 Kata Kerja Sebagai Adverba 125
4.2.2.3 Kata Nama Sebagai Adverba 131
4.2.2.4 Adverba Sebagai Penerang 134
4.3 Adverba Dalam Struktur Keterangan 137

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.1 Kata Sebagai Keterangan 139
4.3.2 Frasa Sebagai Keterangan 145
4.3.3 Klausa Sebagai Keterangan 151
4.4 Kesimpulan 154

BAB 5 PENUTUP 155

5.1 Pengenalan 155
5.2 Kesesuaian Pendekatan Data Korpus 156
5.3 Dapatan Kajian 158
5.4 Implikasi Kajian 162
5.5 Kajian Hadapan 164
5.6 Kesimpulan 165

BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI JADUAL

MUKA SURAT

No. Jadual

1.1	Perbezaan Istilah Adverba	6
2.1	Jumlah Subgolongan Adverba Berdasarkan Kriteria Semantik	70
3.1	Senarai Token Mengikut Teks	97
4.1	Jumlah Kata Sifat Penerang Kata Kerja Dalam Baris Konkordans	120
4.2	Jumlah Kata Sifat Sebagai Penerang Kata Sifat Dalam Baris Konkordans	124
4.3	Jumlah Kata Kerja Sebagai Penerang Kata Kerja Dalam Baris Konkordans	127
4.4	Jumlah Kata Kerja Sebagai Penerang Kata Sifat Dalam Baris Konkordans	130
4.5	Jumlah Kata Nama Sebagai Penerang Kata Kerja Dalam Baris Konkordans	131
4.6	Jumlah Kata Nama Sebagai Penerang Kata Sifat Dalam Baris Konkordans	134
4.7	Jumlah Adverba Sebagai Penerang Adverba Dalam Baris Konkordans	135
4.8	Jumlah Kata Dasar Dalam Struktur Keterangan Dan Posisinya	140
4.9	Jumlah Kata Terbitan Dalam Struktur Keterangan dan Posisinya	142
4.10	Jumlah *Kata Bilang + "kali"* Dalam Struktur Keterangan dan Posisinya	143
4.11	Jumlah Baris Konkordans dan Posisi Frasa Dalam Struktur Keterangan Berdasarkan Penanda Kata Sendi	145
4.12	Jumlah Baris Konkordans dan Posisi Klausa Dalam Struktur Keterangan Berdasarkan Penanda Kata Hubung	151

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI RAJAH **MUKA SURAT**

No. Rajah		
2.1	Penggolongan Kata Adverba Sebagai Golongan Kata Utama	45
2.2	Penggolongan Kata Dalam *Pelita Bahasa Melayu*	47
2.3	Penggolongan Kata oleh Marsden	48
2.4	Aliran Perkembangan Kajian Berasaskan Data Korpus	72
2.5	Arah Aliran Penggunaan Teori Dalam Kajian *"Corpus Barsed*"	77
2.6	Struktur Adverba	87
3.1	Aliran Reka Bentuk Kajian	92
3.2	Aliran Kaedah Penyelidikan Kepustakaan	93
3.3	Peranti *Antconc*	99
3.4	Senarai Kata (Wordlist)	100
3.5	Proses Pengisihan Data	102
3.6	Paparan Awal Peranti Data Korpus	103
3.7	Paparan Fail Simpanan Data	104
3.8	Paparan Ikon Mengakses Data	105
3.9	Paparan Senarai Kata	106
3.10	Paparan Data Dalam Bentuk Konkordans	106
4.1	Struktur Frasa Inti	109
4.2	Struktur Frasa Kerja	114
4.3	Struktur Frasa Sifat	118
4.4	Struktur Adverba Sebagai penerang	135
4.5	Struktur Keterangan	137

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI CARTA **MUKA SURAT**

No. Carta

4.1	Perbezaan Peratusan Kata Inti	110
4.2	Perbezaan Peratusan Kata Dalam Struktur Keterangan	140
5.1	Peratusan Keseluruhan Fungsi Kata Adverba	160

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa merupakan satu anugerah yang diberi oleh pencipta selari dengan fitrah dan kebolehan semula jadi manusia. Kehadiran bahasa membolehkan manusia berhubung antara satu sama lain melalui alat artikulasi sebagai medium perantaraan komunikasi. Alat perhubungan ini dilihat amat kompleks dan unik kerana manusia yang bertutur dapat mengujarkan ayat dengan teratur dan tersusun tanpa melalui proses pembelajaran formal. Fenomena ini membawa kepada satu bidang kajian yang khusus untuk mengkaji dan menelaah serta menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan peraturan berbahasa yang dikenali sebagai bidang tatabahasa. Sejarah pengkajian tatabahasa merupakan cabang ilmu yang tertua dan telah melalui kronologi sejarah yang amat panjang, sejak abad ke-15 sebelum masihi, iaitu semenjak kelahiran pandangan falsafah yang lahir pada zaman tradisional seperti Yunani dan Romawi (Jos Daniel Parera, 1986: 40).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Perkembangan ilmu bahasa pada zaman Yunani ditunjangi oleh tokoh-tokoh ilmuan seperti Plato, Aristotle dan Socretes. Sarjana-sarjana Yunani itu telah lama cenderung dan maju dalam mengkaji ilmu falsafah, justeru pengkajian bahasa turut dilihat dari sudut falsafah (Abdullah Hassan, 1992: 4). Kehadiran ilmuan-ilmuan Yunani telah memberi sumbangan besar terhadap perkembangan ilmu bahasa. Misalnya, Plato telah melahirkan konsep *onoma* dan *rhema*, yakni perlakuan dan perbuatan yang membawa pengertian yang subjek dan predikat serta Aristotle pula telah mengemukakan konsep *logos* dan *lexis* yang membawa maksud ayat dan nahu, manakala kumpulan Stoic pula telah memperkembangkan kaedah menghuraikan nahu bahasa mereka dengan mengenal pasti golongan kata, deklensi, konjugasi dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 2011:7).

Selepas kegemilangan zaman Yunani berakhir, kelangsungan bidang pengkajian bahasa telah diteruskan pada zaman Romawi. Kajian linguistik pada zaman ini berkembang agak pesat dan pada zaman ini juga terhasilnya tatabahasa Latin yang agak lengkap oleh ahli-ahli bahasa seperti Varro, Priscian dan lain-lain (Abdullah Hassan, 1992: 5). Namun, kepesatan bidang pengkajian bahasa zaman Romawi merupakan hasil pengalaman mereka dalam hubungan dengan karya-karya ilmu kebahasaan Yunani. Menurut Jos Daniel Parera (1986: 48) linguistik Romawi banyak dipengaruhi dan diaplikasikan daripada pemikir-pemikir pada zaman Yunani. Perkembangan bidang pengkajian bahasa pada peringkat tradisional berlaku secara berterusan sehingga melalui beberapa zaman seperti Arab, India, pertengahan dan Renaissance. Walaupun pengkajian bahasa pada peringkat tradisional dilihat bersifat nosional, iaitu berdasarkan tanggapan dan logik serta berasaskan falsafah, namun

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sumbangannya cukup besar dalam menjadi permulaan kepada penelitian dan pendeskripsian bahasa.

Pada awal abad ke-20, bidang pengkajian linguistik melalui proses pemodenan dengan lahirnya aliran struktural yang diperkenalkan oleh Ferdinand de Saussure. Kehadiran Saussure telah membawa perubahan dalam pengkajian bahasa apabila kajian ini telah dimasukkan dalam satu kerangka teori. Perkembangan aliran ini telah melahirkan dua tahap perkembangan, iaitu teori struktural klasik dan teori struktural moden. Teori struktural klasik telah dipelopori oleh Saussure dari tahun 1857 hingga 1913 yang berkembang di Perancis, manakala teori Struktural moden telah dipelopori oleh Edward Sapir dan Leonard Bloomfield yang berkembang di Amerika Syarikat (Asmah Haji Omar, 2011:7). Kehadiran aliran pemikiran ini merupakan asas kepada peralihan bentuk pendekatan bahasa, iaitu daripada bentuk tradisional kepada bentuk moden yang berasaskan teori.

Semasa linguistik moden aliran Bloomfield berada pada kemuncak perkembangan, aliran yang dibawa oleh Noam Chomsky telah muncul sebagai satu revolusi dalam pemikiran linguistik. Melalui bukunya *Syntactic Structures* dan *Aspects of the Theory of Syntax,* Chomsky telah memperkenalkan teori kebahasaan transformasi generatif yang membawa aliran baharu dalam bidang pengkajian bahasa. Menurut Nik Safiah Karim (1988:2) kehadiran aliran transformasi lahir daripada reaksi terhadap linguistik struktural kerana aliran ini dapat mengatasi masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan melalui analisis struktural. Pemikiran Chomsky terus berkembang pesat dan proses pemantapan teorinya turut dilakukan melalui penulisan dalam karya seperti G*enerative Semantics, Government and Binding Theory*, dan *Minimalist Program*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Perkembangan yang berlaku dalam bidang pengkajian bahasa di peringkat Eropah turut mempengaruhi aliran pemikiran linguistik di peringkat tempatan. Sama seperti kronologi yang dilalui oleh bidang linguistik antarabangsa, linguistik tempatan turut melalui kronologi perkembangannya sendiri. Pada peringkat awal, perkembangan tatabahasa Melayu telah dipelopori oleh pengkaji dari luar seperti Belanda, Inggeris dan negara Eropah lain atas pengaruh imperialisme pada ketika itu. Menurut Nik Safiah Karim (2010: 7), tulisan paling awal oleh orang tempatan tentang bahasa Melayu telah dilakukan oleh Raja Ali Haji melalui bukunya Bustan al-Khatibin dan dua karyanya yang lain, iaitu *Kitab Pengetahuan Bahasa* dan *Pemimpin Johor*. Pada tahun 1900 hingga 1929 lahir beberapa orang tempatan telah menghasilkan beberapa penulisan berkaitan tatabahasa Melayu seperti *Kitab Permulaan Pertuturan Melayu* (1911), *Senjuh Suratan* (1922), *Kitab Pelita Mengarang* (1923), *Punca Bahasa* (1928) dan *Rencana Bahasa* (1928).


Kehadiran Za'ba merupakan permulaan kepada penghasilan sebuah tatabahasa yang mantap dan lengkap. Walaupun, sebelum itu terdapat beberapa buku tentang tatabahasa Melayu, namun tidak terperinci dan mendalam seperti dalam *Pelita Bahasa Penggal I-III* yang dihasilkan Za'ba. Linguistik moden yang berdasarkan teori muncul ke dalam bahasa Melayu dalam pertengahan abad ke-20. Keadaan ini telah melahirkan tokoh-tokoh bahasa seperti Asmah Haji Omar, Abdullah Hassan, Nik Safiah Karim dan Arbak Othman. Tokoh-tokoh ini telah memanfaatkan sumbangan pengkaji-pengkaji Barat dan menerapkannya ke dalam bahasa Melayu.

Pelbagai pendekatan telah diperkenalkan oleh ahli-ahli linguistik ini berdasarkan kepada idea dan pemikiran yang ditonjolkan. Kehadiran ahli-ahli bahasa seperti yang diterangkan sebelum ini, sama ada dari barat, mahupun tempatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

membolehkan peraturan berbahasa ditentukan agar penutur mendapat landasan berbahasa yang dikatakan betul oleh ahli bahasa dan peraturan ini lebih bersifat preskriptif, iaitu menentukan peraturan betul salah dalam berbahasa. Keadaan ini menyebabkan terdapat bentuk-bentuk yang tidak mematuhi rumus tetapi penggunaannya agak meluas dan produktif akan diketepikan. Keadaan ini berlainan dengan tatabahasa bersifat deskriptif yang lebih mengiktiraf kepelbagai variasi dan bentuk bahasa, walaupun penggunaannya agak meluas (Zaharani Ahmad, 2006: 1).



Menurut Zaharani Ahmad (2006: 1) nahu yang terdiri daripada sehimpunan rumus berperanan menghurai pola dan regulatif yang wujud serta pendeskripsian terhadap rumus yang dilakukan ini perlu dilakukan berdasarkan analisis terhadap data yang empiris. Kecanggihan teknologi komputer pada hari ini telah dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji bahasa untuk meneliti bahasa berdasarkan data sebenar yang dikumpul dan disimpan dalam bentuk digital yang lebih sistematik dan tersusun. Akhirnya, kajian yang bersifat empirikal melalui data yang autentik akan dapat diperoleh.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.2 Pernyataan Masalah

Dalam bidang tatabahasa, pendapat mengenai penghuraian peraturan berbahasa dengan betul kadangkala dapat dilihat berlakunya perbezaan antara tokoh-tokoh bahasa disebabkan pendekatan yang digunakan dalam menghuraikan bahasa adalah berbeza. Perbezaan yang berlaku bukanlah satu perkara yang membawa kelemahan dalam bidang ilmu pengkajian bahasa ini, sebaliknya perbezaan ini menggambarkan perkembangan dan kekayaan sesuatu bidang ilmu yang lebih luas. Namun, tidak dapat dinafikan perbezaan yang wujud juga akan menimbulkan kekeliruan kepada pengguna bahasa.

Dalam konteks tatabahasa bahasa Melayu terdapat perbezaan pendapat antara penahu-penahu berkenaan dengan kehadiran kata adverba bahasa Melayu. Perbezaan dan polemik jenis kata ini secara awalnya dapat dilihat dari segi istilah yang digunakan oleh setiap ahli bahasa. Secara umumnya terdapat empat istilah yang berbeza telah digunakan oleh ahli bahasa untuk merujuk golongan kata adverba. Keadaan yang lebih jelas dapat dilihat pada jadual di bawah:

Jadual 1.1

Perbezaan Istilah Adverba

Istilah "sifat kata"	**Istilah "kata adverba"**	**Istilah "kata keterangan"**	**Istilah "kata adverbi"**
Zainal Abidin Ahmad @Za'ba (1957)	1. Asmah Haji Omar 2. Abdullah Hassan *3. Tatabahasa Dewan*	1. Liaw Yock Fang 2. Arbak Othman 3. Sutan Takdir Alisjahbana	C.A Mees (1969)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penahu awal, iaitu Za'ba telah menggunakan istilah "sifat kata" yang merujuk sama jenis kata adverba. Beliau telah membezakan antara "sifat nama" dan "sifat kata". Sifat nama yang digunakan oleh Za'ba adalah merujuk kepada fungsi adjektif dalam konteks penahu moden, iaitu kata sifat yang menjalankan fungsi penerang nama, manakala "sifat kata" merupakan penerang kepada kata selain kata nama. Istilah "adverba" telah digunakan oleh Asmah Haji Omar (2009), Abdullah Hassan (2008) dan Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008). Istilah yang digunakan ini diambil daripada istilah bahasa Inggeris, iaitu *adverb*. Selain itu, terdapat istilah lain yang digunakan, iaitu "kata keterangan"dan istilah ini telah digunakan oleh Liaw Yock Fang (1998), Sutan Takdir Alisjahbana (1963) dan Arbak Othman (1981), manakala, penahu tatabahasa Indonesia, C.A Mees (1969) telah menggunakan istilah "adverbi". Perbezaan istilah yang digunakan akan membawa kekeliruan kepada pengguna bahasa terutamanya mereka yang tidak mempunyai pengetahuan bahasa atau ilmu kebahasaan di peringkat tinggi (Roksana Bibi, 2012). Perbezaan istilah yang pelbagai ini juga mewujudkan kekeliruan dalam menentukan istilah yang paling sesuai digunakan untuk merujuk konsep sebenar yang didukung oleh golongan kata ini.

Permasalahan utama yang mendasari kajian ini juga adalah berkaitan dengan fungsi yang dijalankan oleh kata adverba. Pelbagai definisi telah dikemukakan oleh ahli bahasa berkaitan kata adverba dan beberapa contoh yang saling perbezaan antara satu dengan yang lain dapat dilihat disebabkan perbezaan teori yang digunakan. Secara dasarnya, istilah adverba diambil daripada istilah dalam bahasa Inggeris, *adverb* yang merujuk kepada golongan kata yang berfungsi menerangkan kata kerja. Justeru, fungsi adverba yang menerangkan kata kerja telah dipersetujui oleh semua

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ahli bahasa. Namun, dalam bahasa Melayu, kata adverba bukan sahaja berfungsi menerangkan kata kerja tetapi turut menjalankan fungsi keterangan kepada golongan kata lain dan hal inilah yang menimbulkan ketidakseragaman dalam menentukan golongan kata adverba yang menjalankan fungsi penerang kepada golongan kata lain. Contohnya:

1) Mereka bergerak *perlahan* (Kata adverba menerangkan kata kerja)
2) Pendaki itu sejuk *benar* (Kata adverba menerangkan kata sifat)
3) Orang tua itu berjalan lambat *benar* (Kata adverba menerangkan kata adverba)

Pada contoh (1). Kata adverba *perlahan* telah menjalankan fungsi menerangkan kata kerja *bergerak* yang menunjukkan kata adverba berfungsi menerangkan kata kerja. Pada contoh (2) dan (3) pula, kata adverba *benar* telah menjalankan fungsi menerangkan kata adjektif dan kata adverba sendiri, iaitu *sejuk* dan *lambat*. Keadaan ini menunjukkan kata adverba bukan sahaja menjalankan fungsi menerangkan kata kerja, sebaliknya turut menerangkan golongan kata lain. Namun, penentuan golongan kata yang diterangkan oleh kata adverba masih lagi tidak dapat ditentukan atau diseragamkan. Selain itu, *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008) telah meletakkan pendirian bahawa kata adverba turut berfungsi menerangkan frasa sendi nama dan kata nama. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

1) Ahli perniagaan itu *sering kali* ke London

2) Hari jadinya ialah hari *esok*

(Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2008: 289)

Dalam contoh ayat (1) di atas, kata adverba *sering kali* dianggap sebagai kata adverba yang berfungsi menerangkan frasa sendi nama *ke London*. Namun, menurut

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Abdullah Hassan (2008) kata adverba tidak boleh berfungsi menerangkan frasa sendi dalam pola yang ditunjukkan oleh penulis *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* kerana dilihat telah berlaku kejanggalan kesan daripada berlakunya pengguguran kata kerja dalam pola tersebut. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

1) Ahli perniagaan itu *sering kali* (pergi) ke London

(Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2008: 289)

Kata adverba pada contoh di atas tidak menerangkan frasa sendi nama *ke London*. Sebaliknya, kata adverba ini sebenarnya telah menjalankan fungsi menerangkan kata kerja yang telah digugurkan, iaitu *pergi.* Menurut Abdullah Hassan (2008) kehadiran kata kerja pada pola ini akan melengkapkan fungsi adverba yang menerangkan kata kerja

Selain itu, penulis *Tatabahasa Dewan* turut menyatakan kata adverba dapat berfungsi sebagai penerang kata nama dalam definisi yang diberikan. Namun, penghuraian yang dilakukan oleh penulis *Tatabahasa Dewan* telah memberi contoh yang agak terhad berkaitan bentuk kata adverba yang menjalankan fungsi menerangkan kata nama. Contohnya:

1) Hari jadinya ialah hari *esok*

(Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, 2008: 289)

Menurut *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008), perkataan *esok* pada ayat di atas telah menjalankan fungsi adverba kerana perkataan tersebut telah berfungsi menerangkan kata nama *hari*. Keadaan ini dilihat berbeza dengan beberapa ahli bahasa lain yang tidak meletakkan fungsi adverba sebagai penerang kepada kata


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


nama, namun pendirian ini mempunyai asas tersendiri berdasarkan pendekatan teori penghuraian bahasa yang digunakan.

Dalam konteks perbincangan adverba, perbezaan antara adverba dalam struktur penerang dan keterangan dilihat perlu untuk diperjelaskan dengan terperinci. Nik Safiah Karim *et al.* (2008) telah menggunakan dua istilah yang berbeza untuk menunjukkan perbezaan fungsi antara adverba dan adverbial dengan menggunakan istilah "adverba" yang merujuk kepada kata adverba dan istilah "keterangan" yang merujuk kepada frasa keterangan. Contohnya:

Dia berjalan *pantas*



Ahmad mengayuh basikal *dengan pantas*



Adverba dan *keterangan* merujuk kepada dua istilah yang menjalankan fungsi pada tingkat yang berbeza, iaitu *adverba* merujuk kepada perkataan atau kata yang berfungsi pada tingkat frasa sebagai penerang, manakala *keterangan* menjalankan fungsi pada tingkat klausa. Namun, terdapat beberapa ahli bahasa yang menyamakan kedua-dua istilah ini sehingga mewujudkan kekeliruan. Oleh itu, timbul persoalan sama ada kedua-dua istilah ini menjalankan fungsi yang sama atau wujud ciri-ciri khusus yang membezakan antara kedua-duanya. Justeru, kajian khusus berkaitan adverba dengan memberikan tumpuan kepada struktur penerang dan keterangan perlu dilakukan untuk menunjukkan perbezaan yang jelas tentang fungsi sebenar yang dilakukan oleh kata adverba.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.3 Tujuan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang ditunjukkan, kajian ini akan meneliti golongan kata adverba dalam bahasa Melayu. Berdasarkan maklumat data korpus yang diperoleh, kajian ini akan memperlihatkan perilaku sebenar adverba dalam dua sturktur yang berbeza, iaitu penerang dan keterangan . Secara khususnya, kata adverba akan dilihat berdasarkan fungsinya dalam struktur sintaktik agar fungsi sebenar dapat diperlihatkan dan seterusnya menjawab tujuan kajian berikut:

1) Mengenal pasti kata inti yang diterangkan oleh adverba dalam struktur penerang. Dalam konteks ini, kata adverba akan dilihat dalam fungsi sebenar struktur sintaktik berdasarkan data korpus berkomputer dan seterusnya membawa kepada penghuraian fungsi, pola-pola asas, bentuk dan posisinya dalam struktur.
2) Menghuraikan unit-unit tatabahasa seperti frasa dan klausa yang berada dalam struktur keterangan dalam bahasa Melayu. Dalam konteks ini, pengkaji akan melihat unit-unit tatabahasa yang mengisi gatra ini dalam struktur ayat sama ada diisi oleh unit kata, frasa atau kluasa.
3) Menunjukkan perbezaan antara adverba dalam struktur penerang dan keterangan dalam bahasa Melayu. Dalam konteks ini, kajian ini akan menunjukkan ciri-ciri yang membezakan kedua-duanya gatra tersebut.

Berdasarkan ketiga-tiga objektif yang ditunjukkan di atas, maka penghuraian yang lebih jelas dapat diberikan kepada pengguna bahasa berkaitan golongan kata tersebut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian berkaitan kata adverba dan frasa keterangan kurang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji bahasa terutama pada peringkat pengajian lanjutan seperti sarjana dan doktor falsafah. Keadaan ini membolehkan masalah-masalah yang berkaitan kata adverba dan frasa keterangan dapat dimurnikan melalui kajian secara empirikal berdasarkan data korpus berkomputer. Selain itu, kajian ini dapat menunjukkan secara jelas dan tuntas perilaku kata adverba dalam struktur sintaksis terutama perkara yang berkaitan dengan fungsi dan pola-pola yang wujud dalam strukturnya. Hal ini demikian sangat penting supaya penutur dan pengguna bahasa Melayu dapat mengenal pasti golongan kata yang diterangkan oleh kata adverba yang sebelum ini menjadi polemik dan kekeliruan dalam beberapa buku penahu tempatan.

Kajian ini juga diharapkan menjadi satu lagi kosa ilmu dalam bidang tatabahasa dan menjadi sebahagian koleksi khazanah ilmu bahasa. Kelebihan kajian ini berbanding kajian sebelumnya berkaitan kata adverba adalah kerana kajian ini melihat perilaku sebenar kata adverba berdasarkan data korpus berkomputer yang sememangnya terdiri daripada jumlah data yang banyak dan tersusun secara sistematik melalui teknologi digital. Justeru, kajian bahasa dilihat benar-benar bersifat empirikal dan saintifik serta lebih mendalam dan tidak terlalu dikongkong dengan bentuk umum yang diberikan oleh penahu-penahu bahasa Melayu. Justeru, kajian berkaitan kata adverba ini diharapkan memberi sumbangan kepada koleksi khazanah ilmu ketatabahasaan yang berubah berdasarkan kecanggihan teknologi yang selari dengan peredaran zaman teknologi.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada pengguna bahasa Melayu yang menelaah pada peringkat pengajian tinggi. Di peringkat pengajian tinggi, pembelajaran bidang tatabahasa tidak hanya tertumpu pada satu-satu penghuraian ahli bahasa semata-mata, sebaliknya penelitian terhadap pendapat daripada pelbagai penahu sama ada tempatan, mahupun di peringkat luar dianggap sebagai satu keperluan. Justeru, kajian ini diharapkan dapat menjadi kajian pendampingan terhadap pendapat penahu-penahu yang membincangkan berkaitan kata adverba. Keadaan ini membolehkan pelajar terutama di peringkat pengajian tinggi memahami peranan dan fungsi kata adverba dan frasa keterangan, sekali gus memahami fenomena yang dibincangkan ini dengan lebih jelas berdasarkan tinjauan dan penelitian daripada pelbagai pendapat ahli bahasa.

Kajian ini juga perlu dilakukan dalam memberi panduan kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Melayu, sama ada di peringkat sekolah, mahupun di peringkat pengajian tinggi dalam memahami peranan kata adverba. Golongan kata adverba dianggap sedikit kompleks dalam usaha memahaminya berbanding golongan kata yang lain. Hal ini demikian kerana kata adverba adalah kata nahuan atau struktural yang tidak mempunyai penanda yang dapat membezakan kata tersebut dengan golongan kata yang lain serta sukar untuk dilihat dalam hubungan semantik. Penentuan kata ini hanya dapat ditentukan apabila kata ini hadir dalam konteks ayat dan fungsinya. Dalam konteks ini, ilmu daripada kajian yang dilakukan ini diharapkan dapat menjadi pertimbangan oleh pendidik sebagai satu maklumat baharu yang wajar diselitkan dalam pembelajaran mereka.

Panduan yang diberikan berdasarkan dapat kajian ini membolehkan semua pengguna bahasa Melayu terutamanya mereka yang terlibat secara langsung dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dunia penulisan dapat memahami secara mendalam perilaku kata adverba dan frasa keterangan. Kajian ini dapat memperkayakan lagi khazanah ilmu bahasa Melayu yang telah lama berkembang sejak dahulu lagi. Keadaan ini membolehkan pengguna bahasa Melayu secara umum memahami dengan lebih baik setiap persoalan-persoalan yang timbul dalam konteks golongan kata ini secara khusus.

1.5 Batasan Kajian

Kajian ini membataskan penelitian terhadap golongan kata adverba dan frasa keterangan sahaja. Golongan kata lain tidak akan dibincangkan dalam kajian ini, namun sedikit sebanyak pengkaji akan menyentuh beberapa golongan kata untuk memperlihatkan hubungan fungsi kata adverba dengan golongan kata yang lain dalam binaan sintaksis. Selain itu, bertitik tolak daripada pandangan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2008) dan beberapa ahli bahasa yang lain seperti Za'ba (1958 & 2000), Asmah Haji Omar (2008), Abdullah Hassan (2006), Abdul Hamid Mahmood (2006), Liaw Yock Fang (1994), Arbak Othman (1981), Asraf (2007), C.A Mees (1969) dan Sutan Takdir Alisjahbana (1986). yang berkaitan kata adverba akan digunakan sebagai kerangka teori dan pandangan utama untuk ditinjau dengan menggunakan data korpus. Dalam melalui tinjauan pandangan ini dengan menggunakan data korpus, pandekatan gatra dan unsur pengisi (*slot and filler*) dalam kerangka teori Norliza Jamaluddin (2011) turut digunakan untuk memantapkan lagi penghuraian pengkaji dalam kajian ini.

Kajian tentang perilaku golongan kata adverba dan frasa keterangan ini akan menggunakan data korpus berkomputer yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan menggunakan perisian *Antconc* yang dimuat turun melalui sistem internet. Data korpus yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji adalah untuk memudahkan perjalanan kajian ini yang memerlukan pengkaji untuk mengeluarkan data dalam pelbagai taraf tatabahasa, sama ada pada peringkat kata, frasa atau ayat. Pemilihan alat peranti *Antconc* dilihat sesuai kerana data boleh dikeluarkan dalam bentuk kata, frasa dan ayat serta dapat dilihat dalam konteks dengan lebih jelas.

Dalam kajian ini juga, pengkaji telah menentukan jumlah kata yang akan digunakan, iaitu sebanyak 150 000 kata yang diambil daripada tiga buah novel yang dijadikan bahan pengajaran *Kompenan Kesusasteraan Melayu* (KOMSAS) di sekolah akan dijadikan sebagai sumber data. Tiga novel tersebut, ialah:

1. *Kembara Amira* (Amer Hmzah L.Kadir, 2010)
2. *Sutera Dalam Lukisan* (Abd. Talib Hassan, 2010)
3. *Kabus Di Perbukitan* (Mohamad Kholid Hamzah, 2010)

Penentuan jumlah kata dan pemilihan jenis data ini selaras dengan sifat data korpus yang representatif dengan mengambil kiri saiz, keberadaan dan keautentikan. Justeru, justifikasi aspek pemilihan data kajian ini akan dibincangkan pada bab 3 kajian ini.

1.6 Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, beberapa istilah dan konsep perlu diberikan definisi dan penjelasan yang lebih lanjut berdasarkan keperluan kajian ini. Hal ini demikian penting kerana definisi dan konsep yang dijelaskan akan melancarkan lagi pembacaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan pemahaman pembaca dalam kajian ini. Definisi dan konsep yang akan dijelaskan adalah seperti berikut:

1. Penerang
2. Keterangan
3. Kata adverba
4. Kata kerja
5. Kata adjektif
6. Data korpus berkomputer

Istilah dan konsep ini dirasakan penting untuk dijelaskan kerana pengkajian melihat hubungan dan keterikatan antara setiap konsep dalam kajian ini. Huraian definisi kata adverba, kata kerja dan kata adjektif diperlukan kerana melibatkan fungsi adverba yang menerangkan golongan-golongan kata tersebut, manakala penerangan berkaitan data korpus adalah untuk memberi penjelasan tentang pendekatan yang digunakan dalam kajian ini.

1.6.1 Penerang

Penerang bererti sesuatu kata diletakkan di dalam sesuatu struktur yang telah mempunyai kata inti di dalamnya dan di sini penerang merupakan unsur tambahan kepada struktur tersebut (Knowles dan Zuraidah Mohd Don dalam Norliza Hj Jamaluddin, 2011: 41). Menurut Asmah Haji Omar (1962: 450) peranan penerang dalam strukturnya sering kali diisi oleh golongan kata sifat. Dalam konteks ini juga, kata sifat tersebut dikenali berdasarkan kata inti yang diterangkan, iaitu jika kata tersebut menerangkan kata nama, maka kata sifat tersebut dikenali sebagai penerang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

nama, manakala jika kata tersebut menerangkan kata kerja, maka kata tersebut dikenali sebagai penerang kerja (Norliza Haji Jamaluddin, 2011)

1.6.2 Keterangan


Dalam konteks penahu tempatan, terdapat beberapa istilah yang berbeza digunakan untuk merujuk kepada keterangan. Misalnya, Za'ba telah menggunakan istilah "penerang hal" yang merujuk kepada perkataan-perkataan yang meluaskan atau menerangkan "hal" atau predikat, manakala Asmah Haji Omar dan Abdullah Hassan mempunyai persamaan dengan menggunakan istilah adverba yang menduduki posisi gatra adjung. Nik Safiah Karim *et al.* (2010) telah menggunakan istilah keterangan yang menunjukkan fungsi tipikal kepada frasa sendi nama, manakala Norliza Haji Jamaluddin (2011) telah menggunakan istilah penerang predikat.

Walaupun dalam sesebuah ayat, kehadiran subjek dan predikat merupakan unsur yang paling penting untuk membina sesebuah ayat, namun kehadiran unsur lain seperti penerang predikat dapat memastikan penghuraian dengan lebih lanjut dapat diperolehi pembaca atau pendengar. Dalam sesebuah ayat, kehadiran subjek dan predikat merupakan unsur teras yang wajib hadir. Elemen selain daripada predikat pula merupakan unsur sekunder yang hadir di luar unsur teras dan istilah yang digunakan bagi konstituen yang hadir di luar unsur teras dikenali sebagai periferi atau sampingan (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 126). Kehadiran frasa ini dalam ayat akan menduduki bahagian adjung ayat (Asmah Haji Omar 2010: 358). Justeru, penerang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

predikat atau keterangan berperanan untuk memberi penghuraian yang lebih lanjut terhadap gatra predikat.



Pada contoh di atas, ayat teras terdiri daripada "kami" sebagai subjek dan "akan menziarahi mereka" merupakan unsur predikat, manakala frasa keterangan pada contoh tersebut ialah frasa "pada esok hari" yang bersifat pilihan, iaitu sama ada boleh dikekalkan ataupun boleh digugurkan. Hal ini demikian kerana sekiranya frasa "pada esok hari" digugurkan, ayat teras, iaitu "kami akan menziarahi mereka" masih lagi merupakan ayat yang gramatis kerana unsur subjek dan predikat yang merupakan unsur wajib masih lagi wujud.

Menurut Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 128) gatra keterangan ini mempunyai pergerakkan yang bebas dalam ayat berdasarkan konteks kata sifat yang dibincangkan. Unsur keterangan boleh hadir pada bahagian akhir (lazim), tengah dan bahagian awal ayat. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

1) ***Dengan penuh teliti,*** emak menjahit baju kurung anaknya itu
2) Emak ***dengan penuh teliti*** menjahit baju kurung anaknya itu
3) Emak menjahir baju kurung anaknya itu ***dengan penuh teliti***

Berdasarkan contoh di atas, frasa "dengan penuh teliti" yang menduduki gatra ajung boleh hadir pada posisi awal, tengah dan akhir tanpa menjejaskan maksud asal

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

ayat tersebut. Walaupun contoh ayat 1 dan 2 menunjukkan frasa keterangan tersebut hadir dalam ayat teras tetapi frasa tersebut masih lagi merupakan unsur sampingan, iaitu boleh digugurkan tanpa menjejaskan maksud ayat (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 129).

1.6.3 Kata Adverba

Jenis kata ini dilihat agak berbeza dengan golongan kata yang lain kerana kata adverb bersifat struktural, iaitu tidak ada penanda khusus yang boleh diguna pakai untuk menentukan sesuatu kata itu sama ada adverba atau tidak melainkan kata tersebut berada dalam fungsi ayat. Dalam konteks ini, pengkaji akan memperlihatkan beberapa definisi daripada pelbagai ahli bahasa, namun tidak secara mendalam kerana perbincangan ini akan dilanjutkan dalam bab 2 kajian ini.

Penahu awal Zainal Abidin Ahmad @ Za'ba (2000) telah menghuraikan golongan kata adverba dalam jenis "perkataan sifat". Menurut beliau perkataan sifat terbahagi kepada dua, iaitu sifat nama dan sifat kata. Sifat nama merujuk kepada kata yang menerangkan nama dan gantinya manakala sifat kata merujuk kepada kata yang menerangkan selain daripada nama dan gantinya. Definisi sifat nama lebih merujuk kepada fungsi adjektif sebagai penerang nama dalam penghuraian linguistik moden, manakala sifat kata inilah yang merujuk kepada fungsi adverba. Perbezaan antara sifat nama dan sifat kata dapat dilihat seperti di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sifat nama	**Sifat kata**
budak *kecil*	terbang *tinggi*
baju *baharu*	*terlalu* jahat
busuk baunya	pergi *segera*

Pada contoh di atas, Za'ba (2000: 161) dilihat telah memisahkan antara fungsi sifat nama dan sifat kata serta dalam istilah moden boleh dirujuk kepada fungsi adjektif dan fungsi adverba. Kata *kecil, baharu* dan *busuk* merupakan kata yang tergolong dalam sifat nama kerana berfungsi sebagai penerang kepada kata dan frasa nama *budak, baju* dan *baunya.* Manakala, kata *tinggi, terlalu* dan *segera* berfungsi sebagai sifat kata kerana menerangkan kata kerja *terbang* dan *pergi* serta kata adjektif *jahat.*

Menurut Za'ba (2000) sesetengah perkataan boleh mendukung dua fungsi, sama ada fungsi sifat nama dan sifat kata bergantung pada kedudukannya yang berada di dalam ayat. Keadaan ini boleh dilihat pada contoh di bawah:

Sifat Nama	**Sifat Kata**
Rumah *lama* itu sudah runtuh	Saya *lama* diam di sana
Bukit itu terlalu *tinggi*	Burung itu terbang terlalu *tinggi*
Wang saya *sedikit* sahaja	Perlahan *sedikit* bercakap

(Zainal Abidin Ahmad, 2000: 162)

Pada contoh di atas, kata *lama, tinggi* dan *sedikit* dapat berfungsi dalam dua jenis perkataan sifat, iaitu sifat nama dan juga sifat. Kata *lama, tinggi* dan *sedikit* akan berfungsi sebagai sifat nama apabila berfungsi menerangkan kata dan frasa nama, iaitu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

rumah, bukit itu dan *wang saya*. Ketiga-tiga perkataan itu dapat berfungsi sebagai sifat kata apabila kata tersebut berfungsi sebagai penerang kepada kata selain kata nama, iaitu *diam, terbang* dan *bercakap.* Keadaan ini memperlihatkan bahawa Za'ba (2000) telah menggolongkan perkataan dengan menggunakan kaedah fungsi apabila satu-satu perkataan akan dapat ditentukan jenis golongan katanya apabila berada dalam struktur ayat.

Nik Safiah Karim *et al.* (2010) mendefinisi kata kata adverba sebagai perkataan yang berfungsi untuk menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama dan frasa sendi nama dari segi cara, masa dan tempat. Dalam konteks ini, Nik Safiah Karim *et al.* (2008) dilihat mempunyai pendirian tersendiri dengan tidak memisahkan antara fungsi adjektif dan fungsi adverba seperti yang telah dilakukan oleh Za'ba. Sebaliknya, takrifan yang diberi lebih umum, iaitu semua perkataan yang berfungsi menerangkan golongan kata utama dan frasa sendiri nama merupakan adverba. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

Kami *selalu* memperkatakan hal itu

Olahragawan itu sihat *sentiasa*

Hari jadinya ialah hari *esok*

Ahli perniagaan itu *sering kali* ke London

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 290)


Pada contoh di atas, kata *selalu, sentiasa, esok* dan *sering kali* merupakan kata adverba kerana berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja *memperkatakan,* kata adjektif *sihat,* kata nama *hari* dan frasa sendi nama *ke London.* Menurut Nik Safiah Karim *et al*. (2010) kata adverba boleh hadir di hadapan dan di belakang kata yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

diterangkannya. Kata adverba juga tidak dianggap sebagai golongan kata utama kerana tidak dapat berfungsi sebagai unsur inti dalam sesuatu frasa seperti yang dilakukan oleh golongan kata utama, sebaliknya kata adverba diletakkan dalam golongan kata tugas.

Asmah Haji Omar (2010: 202) menyatakan bahawa kata adverba ialah kata yang berfungsi pada ajung ayat dalam struktur *Subjek-Predikat-Objek-Adjung*. Dalam konteks ini, Asmah Haji Omar (2010) melihat definisi adverba pada tingkat frasa yang berfungsi menerangkan sesebuah ayat. Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas pada contoh di bawah:



Pada contoh di atas, frasa bersama adiknya merujuk kepada kata adverba yang ditakrifkan oleh Asmah (2010), iaitu kata yang berfungsi pada ajung ayat. Definisi yang dikemukakan Asmah dilihat sedikit berbeza berbanding ahli bahasa yang lain kerana kata adverba tidak menerangkan sesuatu kata daripada pelbagai golongan kata sebaliknya berfungsi untuk menerangkan ayat yang gatra predikatnya diisi oleh frasa kerja.

1.6.4 Kata Kerja

Golongan kata ini dalam bahasa Melayu berfungsi untuk menunjukkan makna perbuatan atau perlakuan yang dilakukan oleh sesuatu unsur atau pelaku. Secara

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

umumnya, kata kerja dalam bahasa Melayu merupakan golongan kata utama bersama-sama kata nama dan menjalankan fungsi tipikalnya sebagai predikat dalam ayat. Kebanyakan ahli bahasa seperti Liaw Yock Fang (1998), Abdullah Hassan (2006) dan Nik Safiah Karim *et al.* (2008) bersetuju bahawa golongan kata kerja dalam bahasa Melayu dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

Kata kerja transitif merupakan kata kerja yang memerlukan objek sebagai penyambut selepas kata tersebut, manakala kata kerja tak transitif merupakan kata kerja yang tidak memerlukan objek sebagai penyambut, tetapi terdapat beberapa kata dalam jenis ini yang memerlukan pelengkap. Hal ini demikian dilihat mempunyai persamaan dengan pecahan jenis kata kerja yang dilakukan Za'ba (2000), iaitu perbuatan melampau (kata kerja transitif) dan perbuatan tiada melampau (Kata kerja Tak Transitif). Keadaan ini dapat dilihat seperti contoh di bawah**:**


Kata Kerja Transitif

Cikgu Solehah *membaca* buku di tepi tasik taman tersebut.



Kata Kerja Tak Transitif

Amin *tersenyum* apabila namanya dipanggil.



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada dua contoh di atas, terdapat perbezaan antara kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kata kerja *membaca* merupakan kata kerja transitif kerana kata ini memerlukan objek, iaitu *buku* untuk melengkapkan makna ayat yang disampaikan. Kata *tersenyum* dalam ayat tersebut tidak memerlukan objek, sebaliknya kata ini boleh berdiri sendiri dalam ayat sebagai predikat lengkap atau kata ini boleh terus diikuti oleh frasa keterangan selepasnya. Menurut Nik Safiah Karim *et al*. (2010: 88) terdapat sejumlah kata kerja tak transitif yang perlu diikut oleh pelengkap yang fungsinya berbeza dengan fungsi objek. Contohnya:

Kamil beransur *pulih* daripada kecederaan.

KK Tak Transitif

Cikgu Fatimah memuji *pelajar itu* kerana berkelakuan baik.

KK Transitif

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2010: 88)

Pada contoh di atas memperlihatkan perbezaan antara pelengkap dan objek. Kata *pulih* yang hadiri selepas kata kerja *beransur* berfungsi sebagai pelengkap yang berfungsi untuk melengkapkan makna kata kerja dalam fungsi predikat, manakala frasa *pelajar itu* berfungsi sebagai objek yang hadir selepas kata kerja transitif dan kata kerja transitif yang diikuti oleh objek boleh melalui proses pasif, iaitu objek dibawa ke hadapan ayat sebagai fokus. Keadaan inilah yang membezakan antara pelengkap dan objek.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.6.5 Kata Adjektif

Menurut Arbak Othman (1985) kata sifat ialah perkataan yang menerangkan keadaan atau sifat sesuatu nama dalam rangkaian kata nama seperti *baharu, moden* dan *hitam* dalam rangkaian kata *kereta baharu*, *zaman moden* dan *dakwat hitam*. Menurut Harimurti Kridalaksana (1982: 3), kata adjektif ialah kata yang menerangkan benda. Nik Safiah Karim *et al.* (2010: 225) mendefinisikan kata adjektif yang juga dikenali dengan kata sifat sebagai perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif yang boleh terdiri daripada hanya satu perkataan atau beberapa perkataan. Secara umumnya, golongan kata ini membawa pengertian sifat dan berfungsi sebagai penerang dalam rangkaian kata nama serta menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif.

Secara umumnya, golongan kata ini mempunyai dua istilah yang berbeza, iaitu istilah *sifat* dan istilah *adjektif* (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011). Dalam konteks ini, pengertian atau definisi ini dilihat penting untuk memisahkan antara fungsi adjektif dan fungsi adverba yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Istilah "sifat" digunakan oleh pengkaji bahasa seperti Za'ba (1958 & 2000), Arbak Othman (1981), Asmah Haji Omar (2008), Liaw Yock Fang *et al.* (1994), dan Norliza Hj, Jamaluddin (2011), manakala, Nik Safiah Karim *et al.* (2008) dan C.A Mees (1969) telah menggunakan istilah "adjektif" untuk golongan kata ini.


Tokoh terawal Za'ba telah menggunakan "perkataan sifat" yang merujuk kepada perkataan yang menerangkan sifat sesuatu, sama ada manusia, benda, haiwan dan bentuk-bentuk kata yang lain termasuk kata kerja. Namun, istilah dan penghuraian kata adjektif yang lebih tepat dapat dilihat dalam penghuraian "sifat nama" oleh Za'ba

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang melihat fungsi golongan kata ini sebagai penerang nama. "Sifat nama" merupakan kata sifat yang menerangkan nama atau gantinya. Dalam konteks ini, Zaba telah meletakkan fungsi "sifat nama" sebagai penerang nama yang selari dengan penahu-penahu moden pada hari ini. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

Sifat Nama:



Pada contoh di atas, "sifat nama" berperanan sebagai kata yang menerangkan nama, iaitu perkataan *besar* dan *bulat* dalam rangkai kata kereta besar dan *meja bulat* pada contoh (1) dan (2), digolongkan sebagai "sifat nama" kerana hadir selepas kata nama untuk menerangkan perkataan *kereta* dan *meja* yang merupakan kata nama.

Liaw Yock Fang (1998: 39) dalam *Nahu Melayu Moden* telah mendefinisikan "kata sifat " berdasarkan istilah Za'ba dengan menyatakan bahawa golongan kata ini menjalankan segala peranan yang memberi keterangan tentang nama atau kata ganti nama. Berdasarkan pendapat tersebut, jelas bahawa Liaw Yock Fang *et al.* (1998) hanya menggunakan konsep "sifat nama" dalam definisi golongan kata ini, sebaliknya tidak menyentuh berkaitan "sifat kata". Menurut Abdullah Hassan (2006), "sifat kata" lebih mirip kepada fungsi adverba dan bukannya fungsi adjektif dalam pengertian moden.

Berlainan dengan Asmah Haji Omar (1986: 148) yang menggunakan istilah "sifat" telah menyatakan bahawa kata sifat merupakan subgolongan daripada kata

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

karyaan bersama-sama kata kerja. Hal ini demikian kerana kedua-dua kata ini dilihat mempunyai persamaan dalam ayat kerana tidak menerima objek. Pendapat beliau turut dipersetujui oleh Mashudi Kader (1981). Namun, bagi kedua-dua ahli bahasa ini terdapat perbezaan antara kedua-duanya, iaitu kata sifat boleh memasuki skala perbandingan tetapi kata kerja tidak. Definisi golongan kata adjektif mengikut tokoh ini dilihat berbeza kerana melibatkan penghuraian berasaskan fungsinya dalam struktur sintaksis.

Istilah "adjektif" yang digunakan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2010) merupakan kata yang berfungsi sebagai inti dalam struktur binaan frasa adjektif. Selain itu, istilah "adjektif" yang digunakan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2010) dilihat seiringan dengan istilah "*adjective"* yang digunakan dalam bahasa Inggeris. Menurut Mees (1969) dalam Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 503), istilah "adjektif" yang digunakan beliau selari dengan istilah bahasa Inggeris yang merujuk kepada kata yang berfungsi sebagai penerang kata nama, namun menyedari hakikat bahawa bukan sahaja kata adjektif yang menerangkan kata nama, sebaliknya kata nama juga berfungsi sebagai penerang menyebabkan istilah "nomin adjektif" digunakan oleh beliau dalam buku *Tatabahasa dan Tatakalimat Bahasa Melayu.*

1.6.7 Data Korpus Berkomputer

Menurut Sinclair (1996) dalam Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari (2008: 13) menyatakan bahawa korpus berkomputer ditakrifkan sebagai korpus yang diberi penanda, kod dan diformatkan secara piawai serta dapat dicapai dan diproses dengan komputer. McEnery (2001) dipetik oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2005) menyatakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bahawa linguistik korpus mungkin boleh diterjemahkan untuk ketika ini dalam bahasa mudah sebagai pengkajian bahasa yang berasaskan contoh-contoh "kehidupan sebenar" penggunaan bahasa. Malah, McEnery seterusnya menambah, ahli linguistik korpus mengkaji penggunaan sebenar bahasa dan bukan seperti ahli linguistik lain yang memikirkan bahasa berdasarkan rumus dan kadangkala mencipta ayat-ayat tertentu yang bercanggah dengan penggunaan sebenar penutur asli.

Renouf (1988) mentakrifkan korpus sebagai himpunan teks bertulis atau lisan yang diprogramkan secara digital dan penting untuk penyelidikan bahasa. Dalam konteks pengkajian linguistik, terdapat dua bentuk korpus berkomputer yang dibangunkan dalam pengkajian bahasa data korpus berkomputer yang dibangunkan khas oleh pengkaji dan data korpus berkomputer yang dibangunkan oleh pihak-pihak tertentu

Data korpus berkomputer yang dibangunkan khas oleh pengkaji ialah korpus yang dibangunkan atas inisiatif pengkaji untuk mendapatkan data kajiannya sendiri. Dalam konteks ini, data korpus yang dibangunkan adalah bersifat khas untuk kajian yang dilakukannya. Korpus yang dibangunkan akan menggunakan perisian tertentu dan perisian yang sering digunakan untuk pengkaji membangunkan korpusnya ialah perisian *WordSmith Tools* yang dibina oleh Mike Scott. Antara ciri korpus yang dibangunkan berdasarkan perisian ini adalah:

1) *Wordlist* – senarai perkataan dan kelompok perkataan dalam teks
2) *Concord* – penjanaan konkordans yang membolehkan perkataan dilihat dalam konteks

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3) *Keyword* – pencarian melalui kata kunci untuk mencari kata dalam teks

(Berasaskan *Oxford WordSmith Tools* 4.0, 2004)

Korpus yang dibangunkan ini membolehkan kajian dilakukan terhadap teks tertentu yang diinginkan oleh pengkaji yang selari dengan kajiannya. Sumber data korpus dalam bentuk teks biasanya terdiri daripada bahan seperti akhbar, majalah, buku, jurnal, dan sebagainya. Norliza Hj Jamaludin (2000: 107) menyatakan bahawa sumber bahan korpus yang dipilih perlu menggambarkan penggunaan bahasa tersebut dalam pelbagai bidang atau laras dan sumber tersebut dapat mewakili penggunaan bahasa sebenar oleh penutur natifnya.

Data korpus berkomputer yang dibangunkan oleh pihak tertentu pula merupakan projek korpus yang dibangunkan oleh institusi tertentu sebagai kemudahan untuk pengkajian bahasa dan antara projek data korpus yang terawal dibangunkan ialah Korpus Brown yang disediakan oleh Universiti Stanford (Rusli Abdul Ghani *et al.*, 2008: 21). Selepas itu wujud projek korpus lain seperti korpus *Birmingham Collection of English Text*, *British National Corpus*, korpus Jerman dan korpus Dutch (Rusli Abdul Ghani, 2008 21 & Mohd Zulkifli Bahari, 1993: 30). Di peringkat tempatan, terdapat pihak-pihak tertentu yang menyediakan kemudahan pangkalan data korpus untuk memudahkan penyelidikan bahasa dilakukan, iaitu pangkalan data korpus yang dibangunkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pangkalan Data Korpus ini dibangunkan atas kerjasama antara Dewan Bahasa dan Pustaka dengan Universiti Sains Malaysia. Sistem korpus ini merupakan perisian yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidik Unit Terjemaham Melalui Komputer di USM dalam rangka kerjasama antara USM dengan pihak DBP berasaskan Memorendum Persefahaman

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang termeterai pada 1993 (Ibrahim Haji Ahmad & Zaidi Ismail, 2009: 96). Korpus yang dibangunkan memberi kemudahan untuk pengkaji-pengkaji meneliti bahasa secara objektif dan autentik.

1.7 Kesimpulan

Pada bahagian ini, pengkaji telah memberi penerangan berkaitan asas perjalanan dan fokus utama dalam kajian ini. Aspek seperti tujuan kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian dan batasan kajian telah diterangkan dan kesemua aspek yang diterangkan ini merupakan aspek yang penting dalam memberi gambaran awal yang jelas dalam menentukan hala tuju perjalanan kajian ini.

Kajian ini akan memberi fokus kepada kajian berkaitan kata adverb dan frasa keterangan dalam bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan berasaskan data korpus berkomputer. Penelitian berasaskan data korpus ini, dapat menunjukkan bentuk bahasa sebenar yang dihasilkan oleh penutur dan pengguna bahasa Melayu. Keadaan ini dapat mengelakkan kajian ini daripada melakukan tanggapan bersifat intuisi atau “nosional” tanpa bukti daripada data sebenar. Kajian ini diharapkan akan menjadi sebahagian daripada khazanah ilmu bahasa tempatan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, penghuraian berkaitan kepelbagaian pandangan terhadap kata adverba akan dibincangkan berdasarkan pendapat tokoh-tokoh bahasa. Umum mengetahui bahawa setiap ahli bahasa mempunyai aliran pandangan dalam menghuraikan aspek tatabahasa yang sangat berkaitan rapat dengan perbezaan pendekatan yang digunakan. Perbezaan ini membawa kepada kepelbagaian pendapat yang menggambarkan kekayaan ilmu dalam bidang ini. Ilmu dan pemikiran yang dibawa oleh setiap ahli bahasa telah menjadi rujukan kepada pengguna bahasa yang peka terhadap penggunaan bahasa yang tepat dan betul. Penelitian adverba lazimnya akan dilihat berdasarkan teori struktural kerana golongan kata ini hanya akan dapat diketahui apabila sudah berada dalam strukturnya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan huraian berkaitan kata adverba oleh tokoh-tokoh bahasa, pengkaji akan melihat kecenderungan pendapat dan pegangan mereka berkaitan golongan kata ini. Selain itu, kajian lepas dapat memberi satu gambaran awal kepada pengkaji dalam menjalankan kajian seterusnya. Dalam konteks ini, kajian ini akan meneliti huraian-huraian berkaitan kata adverba bahasa Melayu melalui tokoh seperti Zaba, Asraf, Arbak Othman, Asmah Haji Omar, Nik Safiah Karim, Abdullah Hassan, Abdul hamid Mahmood, Che Hamid Mahmood, CA Mees, Sutan Takdir Alisjahbana, Hasan Alwi dan juga tokoh-tokoh lain yang berkaitan dalam kajian data korpus berkomputer.

2.2 Kajian Literatur Berkaitan Kata Adverba

Dalam konteks kajian literatur ini, perbincangan kata adverba akan melihat aspek konsep, istilah, penggolongan dan subgolongan kata adverba.


2.2.1 Konsep Kata Adverba

Gambaran sebenar berkaitan konsep adverba perlu dilihat terlebih dahulu untuk mendapatkan asas penting berkaitan tajuk kajian ini. Justeru, konsep asas adverba akan dilihat dari aspek fungsi, kategori, posisi dan penjenisannya. Secara umumnya, masih terdapat perbezaan yang ditunjukkan dalam memberi definisi berdasarkan fungsi adverba, iaitu terdapat definisi yang melihat adverba secara terikat menerangkan kata kerja dan juga definisi yang melihat kata adverba yang tidak hanya menerangkan kata kerja. Dalam konteks ini perbezaan yang wujud disebabkan aplikasi teori yang berbeza. Secara relatifnya, kata adverba sangat berkait rapat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dengan kata kerja, iaitu berfungsi sebagai penerang. Hal ini disebabkan, secara tipikalnya dalam bahasa Inggeris frasa predikat dijalankan oleh frasa kerja.



Justeru, keadaan ini membawa kepada bentuk definisi yang hanya mengaitkan adverba sebagai penerang kepada kata kerja. Keadaan ini boleh dilihat pada definisi yang dikemukakan oleh Anita K. Barry (2002)

> It is difficult like adverbs beause several different things are given the name adverb in grammatical description. Most people think of adverb as those word that modify verb
>
> (Anita K. Barry, 2002: 111)

Dalam perkembangan penyelidikan tatabahasa yang dilakukan oleh para sarjana menyebabkan konsep dan definisi tatabahasa semakin diperluas. Dalam konteks ini, kata adverba dilihat tidak hanya berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja sahaja, malah turut menerangkan kata adjektif, nama, dan adverba yang lain seperti mana yang diperkatakan oleh J.C. Nesfield (1964), Randolph Quirk & Sidney Greenbaum (1972) dan Rodney Haddleston & Geoffrey K. Pullum (2005). Menurut Rodney Haddleston & Geoffrey K. Pullum (2005) secara asasnya kata adverb berfungsi sebagai kata yang memodifikasikan kata kerja, tetapi dalam perkembangan penyelidikan bahasa menunjukkan kata ini turut berfungsi sebagai penerang (*modifiers*) adjektif dan juga kata adverba. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

He *almost <u>died</u>*	[Kata Kerja]
He was *almost <u>dead</u>*	[Kata Adjektif]
He was wounded *almost <u>fatally</u>*	[Kata Adverba]

(Rodney Haddleston & Geoffrey K. Pullum, 2005: 122)

Kedua, dalam melihat konsep asas golongan kata ini, perbezaan antara kategori dan fungsi perlu dibezakan. Justeru, perbezaan antara adverb (*adverb)*, adverbial (*adverbial*) dan penerang (*modifier)* perlu diketahui dengan jelas. Keith Brown & Jim Miller (1991: 93) telah melihat perbezaan antara kedua-duanya dengan membezakan antara kategori dan fungsi. Secara umumnya, *adverb* lebih merujuk kepada kategori, manakala *adverbial* dan *modifier* merujuk kepada fungsi. Keadaan ini dapat dilihat juga pada rajah di bawah:

	Ahmad	menemui	iparnya	di padang itu	semalam
Fungsi	S	P	O	KET1	KET2
Kategorikal	N	KK	N	FPrep	N

(Ubahsuai daripada: Azmi Abdullah, 2007: 6)

Berdasarkan rajah di atas, perbezaan antara fungsi dan kategori perlu diketahui dengan jelas. Dalam konteks ini, fungsi merupakan gatra atau *slot* yang ada dalam struktur bahasa, manakala kategori merupakan unsur pengisi yang menduduki sesuatu gatra atau fungsi. Misalnya, perkataan *Ahmad* pada contoh diatas merupakan kategori kata nama yang mengisi gatra atau fungsi subjek.

Ketiga, dari segi posisi adverba yang hadir mempunyai posisi tersendiri mengikut bahasa tertentu. Contohnya, dalam bahasa Inggeris, *adverb* yang berfungsi memodifikasikan *verb* mempunyai posisi yang berbeza dengan kata adjektif yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

memodifikasikan kata nama. Rodney Haddleston & Geoffrey K. Pullum, (2005) dalam penghuraian ringkas telah memperlihatkan perbezaan antara *modification of noun* dan *modification of verb*. Keadaan ini dapat dilihat seperti berikut:

Penerang Kata Nama *(Adjective)*		**Penerang kata kerja *(Adverb)***
a) A *happy* family	b)	They all lived *happily* ever after
b) A *greedy* child	b)	The child devoured it *greedily*

(Rodney Haddleston & Geoffrey K. Pullum, 2005)

Pada contoh di atas, adverba *happily* dan *greedily* hadir pada posisi selepas kata inti yang diterangkan, manakala adjektif *happy* dan *greedy* hadir sebelum kata inti yang diterangkan. Dalam konteks ini, adverba dalam bahasa Inggeris mempunyai penanda tersendiri yang membezakan golongan kata ini dengan golongan kata yang lain, iaitu kehadiran penanda *–ly*. Seperti contoh di atas, kata *happy* dan *greedy* yang asalnya kata adjektif telah berubah golongan kata menjadi kata adverba *happly* dan *greedily*.

Keempat, dari segi penjenisan dalam penghuraian sarjana barat mengenai golongan kata ini turut memperlihatkan perbezaan dari segi pecahan atau subgolongan kata adverba. J.C Nesfield (1964: 85) telah membahagikan jenis mengikut struktur dan makna. Menurut beliau, selain daripada adverba menerangkan kata kerja, kata adjektif dan adverba lain, golongan kata ini juga boleh berada sebagai golongan kata depan dan sebagai subordinat konjungsi bagi sesetengah keadaan. Selain itu, terdapat adverb yang boleh hadir di awal ayat dan juga berfungsi menerangkan Nominal atau Pronominal.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hadir di awal Ayat

Unfortunately the thief was not caught

Perhaps they will come by the next train

Nominal atau Pronominal

Even a child could understand that

Only you can give us the information

Dari segi makna, beliau telah memecahkan adverba kepada tiga jenis, iaitu bentuk tunggal, bentuk tanya dan bentuk konjungsi. Setiap jenis ini dipecahkan lagi mengikut makna yang didukung oleh kata adverba tersebut. Penghuraian yang dilakukan oleh J.C Nesfield (1964) lebih bersifat preskriptif dan perbezaan antara adverba dan adverbial tidak ditunjukkan dalam penghurainya.

Penghuraian Randolph Quirk & Sidney Greenbaum (1972) berkaitan penjenisan adverba dilihat lebih mendalam serta perbezaan antara adverba sebagai konsep kategori telah ditunjukkan oleh beliau. Dalam konteks ini, adverba dilihat dapat menjalankan dua fungsi, iaitu sebagai adverbial dan sebagai penerang (*modifier*). Quirk *et al.* (1972) telah menghuraikan konsep adverbial dalam bentuk yang lebih umum dengan membahagikannya kepada tiga jenis, iaitu adjung, disjung dan konjung.

a) Adjung – terpadu di dalam sesebuah struktur klausa. Contohnya:

They live *in a bungalow*

She walked *to the school*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada contoh di atas, *in a bungalow* dan *to the school* merupakan frasa adjung yang terpadu dalam sesebuah struktur klausa untuk berfungsi menerangkan ayat

b) Disjung – mengungkapkan penilaian atau komen terhadap apa yang sedang diperkatakan sama ada terhadap bentuk yang mendefinisikan syarat pertuturannya atau kandungan komunikasi (Quirk *et al.*,1972 dalam Azmi Abdullah, 2007)

Frankly, I am tired

Fortunately, no one complained

Pada contoh di atas, *frankly* dan *fortunately* berfungsi sebagai disjung untuk mengungkapkan penilaian atau komen terhadap perkara yang diperkatakan

c) Konjung – lebih bersifat penghubung untuk mengaitkan perkara yang diperkatakan dengan perkara yang telah diperkatakan, iaitu perkara yang terkandung pada klausa sebelumnya. Seperti disjung, konjung juga dikatakan tidak terpadu di dalam sesebuah klausa.

> We have complained several times about the noise, and *yet* he does nothing about it.
>
> (Quirk *et al*., 1972: 126)

Pada contoh di atas, *yet* berfungsi sebagai konjung yang menghubungkan perkara yang sedang diperkatakan dengan perkara yang telah diperkatakan sebelumnya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, Quirk *et al.* (1972) telah menyatakan bahawa adverba juga telah menjalankan fungsi sebagai penerang (*modifier*) untuk memodifikasikan kata adjektif, adverba, frasa preposisi, penunjuk dan frasa nama. Contoh yang diberi oleh Quirk *et al.* (1972) dapat dilihat seperti berikut:

That was a *very funny* film	(Penerang Kata Adjektif)
They are smoking *very heavily*	(Penerang Kata Adverba)
The nail went *right throught the wall*	(Penerang Frasa Proposisi)
Nearly every body came to our party	(Penerang Penunjuk)
He was *rather a mess*	(Penerang Frasa Nama)

(Quirk & Sidney Green Baum, 1972: 124)

Penjenisan yang ditunjukkan oleh dua orang sarjana barat ini menunjukkan adverba boleh dilakukan penjenisannya sama ada dari sudut bentuk, fungsi dan semantik. Selain itu, penjenisan adverba dalam bahasa Melayu yang dihuraikan oleh ahli bahasa tempatan akan diperincikan dalam bahagian 2.2.3.

Secara keseluruhan, konsep kata adverba yang diperkenalkan oleh sarjana bahasa ini memperlihatkan keutamaan pendekatan secara preskriptif telah diberi keutamaan. Justeru, kajian ini melihat kepentingan untuk sesuatu peraturan bahasa yang ditetapkan oleh sarjana secara preskriptif dihubungkaitkan dengan tinjauan sebenar melalui data yang diperoleh daripada penutur natif

2.2.2 Istilah Kata Adverba Bahasa Melayu

Istilah bagi golongan kata adverba dalam bahasa Melayu menunjukkan beberapa perbezaan berdasarkan pemerhatian dalam huraian setiap ahli bahasa tempatan. Istilah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang pelbagai ini perlu diteliti untuk menentukan istilah yang dilihat benar-benar sesuai bagi menampung konsep yang tepat untuk merujuk kepada golongan kata ini dalam bahasa Melayu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terdapat beberapa istilah yang digunakan untuk merujuk kepada golongan kata ini, iaitu *sifat kata, kata adverba, kata adverbi*, dan *kata keterangan*. Namun, istilah *adverbi* merujuk istilah yang hampir sama dengan istilah *adverba*, justeru dalam perbincangan seterusnya istilah *adverba* dan *adverbi* akan dibincangkan secara bersama.

Perbezaan istilah yang wujud terhadap golongan kata ini adalah disebabkan pendekatan yang digunakan adalah berbeza-beza bagi setiap ahli bahasa. Menurut Azmi Abdullah (2007: 39) terdapat tiga punca dan sebab berlakunya perbezaan istilah terhadap golongan kata ini, iaitu

1. Kebanyakan ahli bahasa tempatan telah melakukan penghuraian dengan teras teori tatabahasa yang berlainan seperti teori struktural, transformasi generatif dan teori-teori bahasa yang lain. Namun, kata ini merupakan golongan kata yang bersifat struktur, iaitu jenisnya hanya akan diketahui apabila sudah berada dalam ayat. Oleh itu, kesesuaian teori bersifat struktural dilihat perlu dijadikan keutamaan.
2. Tidak dapat dinafikan terdapat ahli bahasa yang menghuraikan tatabahasa berdasarkan teori struktural, namun teori tersebut digunakan pada tahap yang lebih tinggi (ayat) dan berlainan serta bukannya pada golongan kata ini.
3. Terdapat ahli bahasa yang kurang menegaskan aspek klasifikasi unsur-unsur dengan aspek fungsional unsur-unsur sintaktik. Contohnya, kata adverba boleh diperluas menjadi frasa dan klausa adverba, namun dari segi fungsinya tetap

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berstatus seperti klasifikasinya yang asal, iaitu kata adverba dan begitu juga dengan golongan kata yang lain.

(Azmi Abdullah, 2007: 39)


Kehadiran teori yang pelbagai merupakan antara punca berlakunya perbezaan istilah dan konsep bagi golongan kata ini. Walaupun, terdapat pelbagai teori yang hadir untuk menghuraikan fenomena bahasa, namun semua ahli bahasa sepakat bahawa tidak terdapat satu teori yang benar-benar lengkap untuk menghuraikan sesuatu bahasa, justeru pendekatan secara eklektik atau gabungan beberapa pendekatan sering menjadi penyelesaian dalam penghuraian bahasa. Dalam konteks golongan kata adverba, pendekatan bersifat struktural perlu diberi keutamaan kerana sifat golongan kata ini boleh diketahui jenisnya apabila menjalankan fungsi dalam struktur sintaktiknya. Oleh itu, istilah yang digunakan perlu mendukung dengan tepat konsep yang perlu ada pada golongan kata ini dalam bahasa Melayu.

Istilah paling awal yang digunakan untuk merujuk golongan kata adverba dalam bahasa Melayu adalah “sifat kata” yang digunakan oleh Zainal Abidin Ahmad atau Za’ba (1957, 2000). Dalam konteks ini, “sifat kata” diletakkan bersama-sama satu lagi jenis yang sama, iaitu “sifat nama” di bawah satu golongan kata yang lebih besar, iaitu “perkataan sifat”. Sifat nama merujuk kepada golongan kata yang berfungsi menerangkan nama dan gantinya, manakala sifat kata merujuk kepada golongan kata yang menerangkan kata selain daripada kata nama dan gantinya. Contohnya:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sifat Nama: **Sifat Kata:**



Golongan "perkataan sifat" yang diwujudkan oleh Za'ba adalah dengan membahagikannya berdasarkan kepada aspek fungsian yang berbeza dengan golongan kata yang lain seperti nama (kata nama) dan perbuatan (kata kerja) yang dilihat berdasarkan aspek semantik. Dalam konteks ini, "sifat nama" lebih mirip merujuk kepada adjektif yang berfungsi sebagai penerang nama atau atribut kepada kata nama, manakala "sifat kata" lebih merujuk kepada fungsi adverba. Dalam contoh di atas, *baharu* merupakan sifat nama kerana berfungsi menerangkan kata nama *rumah* dan *pantas* serta *membulat* merupakan sifat kata kerana berfungsi sebagai penerang bagi selain kata nama, iaitu *berlari* dan *besar* yang merupakan kata kerja dan kata sifat. Konsep sifat kata yang dikemukakan oleh Za'ba dilihat menggambarkan perilaku sebenar bahasa Melayu, iaitu sifat kata tidak hanya berfungsi menerangkan kata kerja sahaja.

Dalam sejarah linguistik moden atau lebih tepat lagi perkembangan ilmu tatabahasa Melayu selepas Za'ba memperlihatkan dua bentuk istilah yang digunakan oleh ahli bahasa untuk menamakan golongan kata ini, iaitu istilah "kata keterangan" dan "kata adverba". Istilah "keterangan" merupakan istilah yang digunakan oleh sesetengah ahli bahasa yang merasakan istilah ini lebih tepat untuk menggantikan istilah adverba. Istilah kata keterangan telah digunakan oleh peneliti bahasa seperti,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sutan Takdir Alisjahbana (1986), Asraf Abdul Wahab (2007), Arbak Othman (1981), dan Liaw Yock Fang (1994). Peneliti bahasa yang menggunakan istilah "keterangan" bukan sahaja meletakkan perbezaan istilah, namun konsep yang mendukung istilah tersebut harus dibezakan antara bahasa Melayu dengan bahasa yang lain terutama bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana istilah adverba merujuk kepada kata yang berada dalam predikat ayat untuk menerangkan kata kerja sahaja. Namun, dalam bahasa Melayu frasa predikat ayat bukan sahaja dilakukan oleh frasa kerja, tetapi terdapat tiga pola yang lain. Oleh itu, istilah adverba hanya sesuai digunakan oleh bahasa-bahasa yang mempunyai satu struktur frasa predikat, iaitu frasa kerja seperti bahasa Inggeris. Justeru, istilah adverba dirasakan mereka perlu diganti dengan istilah "keterangan" yang lebih sesuai bagi bahasa Melayu yang mengandungi empat struktur frasa predikat (Puteri Roslina Abdul Wahid, 1999: 959)

Terdapat sebahagian ahli bahasa yang menggunakan istilah *adverba, adverbi* dan *adverbia* yang dilihat seiring dengan istilah yang digunakan dalam bahasa Inggeris, iaitu *adverb*. Antara ahli bahasa yang menggunakan istilah ini ialah Asmah Haji Omar (2008), Nik Safiah Karim *et al.* 2008), Hasan Alwi *et al.* (1988) dan CA Mees (1969). Dalam konteks ini, ahli bahasa yang menggunakan istilah adverba melihat bahawa istilah ini lebih tepat dan sesuai digunakan dalam menamakan golongan kata ini kerana fungsi adverba pada asasnya bukan sahaja berfungsi sebagai kata yang menerangkan kata kerja sahaja, sebaliknya turut menerangkan golongan kata lain seperti adjektif dan adverba yang lain. Keadaan ini juga diperkuatkan lagi dengan definisi daripada ahli-ahli bahasa Inggeris yang menyatakan bahasa golongan kata ini juga menerangkan kata selain kata kerja. Keadaan ini dapat dilihat seperti di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

> *" a word which modifies a verb or adjective or another adverb.*
>
> (Mario Pei & Frank Gaynor, 1980)

> *"is a part of speech which can be used to qualify of a verb, adjective or another verb"*
>
> (Hartmann, 1976)

Definisi *adverb* yang dikemukakan oleh ahli bahasa Inggeris memberi gambaran, konsep *adverb* tidak hanya terbatas kepada kata yang hanya berfungsi menerangkan kata kerja atau frasa kerja dalam predikat sahaja, sebaliknya turut menerangkan golongan kata lain, iaitu kata adjektif dan kata adverba yang lain. Dalam konteks ini, istilah "keterangan" pula dilihat terlalu luas makna dan konsepnya (C.A Mees,1969). Hal ini demikian kerana, adverba sememangnya berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja, adjektif dan adverba yang lain, namun perlu diambil perhatian bahawa fungsi menerangkan kata bukan hanya dilakukan oleh golongan kata adverba, sebaliknya turut dilakukan oleh kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang nama. Justeru, istilah "keterangan" yang digunakan oleh sesetengah peneliti bahasa dilihat terlalu luas sekiranya digunakan kerana konsep ini akan membawa kepada keadaan tumpang tindih konsep antara adverba dan adjektif.

2.2.2.1 Justifikasi Pemilihan Istilah *Adverba* dalam Kajian

Dalam perbincangan sebelum ini (Lihat 2.2.2.), pengkaji telah memperlihatkan pelbagai istilah yang digunakan oleh ahli bahasa kesan daripada perbezaan aplikasi teori yang digunakan dalam penghuraian mereka. Justeru, pada bahagian ini pengkaji akan menyatakan pemilihan istilah yang dilihat sesuai untuk menampung konsep dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

fungsi adverba berdasarkan teori yang akan dihuraikan dalam kajian ini. Istilah yang digunakan untuk golongan kata ini perlu menampung konsep dan fungsi yang dijalankan oleh golongan kata ini. Oleh itu, kajian ini melihat istilah "adverba" dilihat sangat sesuai untuk digunakan dalam kajian ini berdasarkan justifikasi berikut:

1. Dalam melihat konsep asas golongan kata ini, perbezaan antara kategori dan fungsi perlu dibezakan. Justeru, perbezaan antara adverb (*adverb),* keterangan (*adjunct*) dan penerang (*modifier)* perlu diketahui dengan jelas (lihat 2.2.1). Secara umumnya, adverba (*adverb)* lebih merujuk kepada kategori atau golongan, manakala *adjunct* dan *modifier* merujuk kepada fungsi.
2. Istilah yang digunakan perlu menampung konsep dan fungsi adverba dalam kajian ini. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, golongan kata ini merupakan golongan kata yang bersifat struktur, iaitu jenisnya hanya akan diketahui apabila sudah berada di dalam ayat. Oleh itu, kesesuaian teori bersifat struktural dilihat perlu dijadikan keutamaan.
3. Dalam pendekatan sintaktik, iaitu struktur *inti + penerang* yang digunakan dalam kajian ini memperlihatkan gatra penerang boleh diisi oleh dua golongan kata, iaitu adjektif dan adverba. Oleh itu, pemisahan kedua-dua golongan kata ini perlu dilakukan dengan jelas. Dalam konteks ini, jenis kata inti akan menentukan golongan kata yang menduduki gatra penerang, iaitu adjektif akan menerangkan kata nama, manakala adverba menerangkan kata kerja, adjektif dan adverba lain.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.2.3 Penggolongan Kata Adverba

Setiap ahli bahasa mempunyai pandangan yang tersendiri dan kadangkala pandangan mereka saling menyokong antara satu sama lain dalam meletakkan dan menggolongkan kata adverba ini. Perbezaan pendapat yang timbul disebabkan pendekatan yang digunakan dalam menghuraikan golongan kata ini. Secara umumnya, penggolongan kata adverba dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:


1) Golongan kata utama
2) Golongan kata bukan utama

Penghuraian beberapa ahli bahasa dalam menggolongkan kata adverba ini dilihat mempunyai perbezaan dan hujah yang tersendiri dalam meletakkan adverba sebagai golongan kata utama (major) atau golongan kata bukan utama (minor). Terdapat ahli bahasa yang menggolongkan kata adverba sebagai golongan kata utama seperti Hassan Alwi *et al.* (1988) dan Arbak Othman (1981). Penghuraian mereka lebih jelas dengan memisahkan golongan kata adjektif dan kata adverba dalam penghuraian mereka dengan membentuk empat golongan kata utama, iaitu bersama-sama dengan kata nama, kata kerja dan kata adjektif.

Menurut Abdullah Hassan (2006: 37), penggolongan berdasarkan ciri sintaksis, iaitu kata adjektif dan kata adverba yang berfungsi sebagai penerang kepada kata nama dan kata kerja membolehkan golongan kata major terdiri daripada empat, iaitu kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata adverba. Secara keseluruhan, keadaan ini dapat dilihat seperti di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



Rajah 2.1: Penggolongan Kata Adverba Sebagai Golongan Kata Utama

Beberapa ahli bahasa telah meletakkan kata adverba sebagai golongan kata utama seperti yang digambarkan dalam rajah di atas. Hassan Alwi *et al.* (1988) telah menyatakan bahawa golongan kata utama terbahagi kepada empat jenis, iaitu nominal, verba, ajektiva dan adverbia. Arbak Othman (1981) telah meletakkan kata adverba sebagai golongan kata utama bersama-sama lapan golongan kata yang lain seperti kata nama, kata kerja, kata adjektif, kata depan, kata sendi, kata tanya, kata seruan dan kata bilangan. Secara rumusannya, ahli bahasa yang meletakkan kata adverba bersama-sama kata nama, kata kerja dan kata adjektif adalah disebabkan pendekatan penghuraian yang melihat fungsi kata adverba sebagai penerang yang sama seperti fungsi yang dijalankan oleh kata adjektif.


Dalam tatabahasa Melayu, selain daripada ahli bahasa yang mengelompokkan kata adverba sebagai golongan kata utama terdapat juga kumpulan ahli bahasa yang tidak menggolongkan kata ini sebagai kata utama, sebaliknya digolongkan sebagai golongan kata bukan utama atau minor. Kebanyakan ahli bahasa yang mengelompokkan kata adverba sebagai golongan kata bukan utama adalah kerana kata

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

jenis ini tidak boleh berfungsi sebagai unsur inti dalam predikat ayat dasar. Antara ahli bahasa yang mengelompokkan kata adverba sebagai golongan kata bukan utama adalah Za'ba (1956), Marsden (1812), dan Nik Safiah Karim *et al.* (2008).

Za'ba (2008) dalam penghuraiannya telah meletakkan kata adverba bersama-sama kata adjektif di bawah jenis "perkataan sifat", iaitu golongan kata ini merupakan golongan kata utama bersama-sama kata nama dan kata kerja. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas pada rajah di bawah:




Rajah 2.2: Penggolongan Kata Dalam *Pelita Bahasa Melayu*

Berdasarkan rajah di atas, Za'ba (2000) dilihat telah meletakkan kata adverba bersama-sama kata adjektif di bawah jenis "perkataan sifat". Golongan kata adverba yang diletakkan di bawah perkataan sifat dapat diletakkan sebagai golongan kata bukan utama. Hal ini demikian kerana, Za'ba telah menggolongkan kata adverba dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kata adjektif berdasarkan kaedah sintaksis, iaitu melihat fungsi golongan kata ini dalam struktur frasa dan klausa. Dalam erti kata lain, kedua-dua golongan kata ini telah menjalankan fungsi penerang, iaitu kata adjektif berfungsi menerangkan kata nama, manakala kata adverba berfungsi menerangkan kata selain kata nama. Selain itu, pandangan Za'ba (2000) bukan merupakan pandangan yang paling awal kerana terdapat ahli bahasa yang lebih awal, iaitu Marsden (1812) dalam bukunya *The Grammar of The Malayan: with an Introduction and Praxis* telah meletakkan pandangan yang sama dengan Za'ba dengan meletakkan kata adverba sebagai sebahagian daripada golongan kata bukan utama. Keadaan ini dapat dilihat seperti di bawah:



Rajah 2.3: Penggolongan Kata oleh Marsden

Marsden (1812) telah meletakkan kata adverba di bawah golongan kata kerjaan bersama-sama kata kerja. Begitu juga dengan kata adjektif yang telah diletakkan di bawah golongan kata namaan bersama-sama kata nama. Hal ini

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

demikian kerana Marsden telah melakukan penggolongan kedua-dua kata ini berdasarkan aspek fungsi, iaitu kata adjektif diletakkan di bawah kata namaan bersama-sama kata nama kerana berfungsi menerangkan kata nama, manakala kata adverba diletakkan di bawah kata kerjaan bersama-sama kata kerja kerana menerangkan kata kerja. Walaupun, kedua-dua tokoh ini dilihat telah meletakkan kedua-dua golongan kata ini berdasarkan aspek fungsian, namun penghuraian Za'ba yang meletakkan kata adverba bersama-sama kata adjektif di bawah jenis perkataan sifat dilihat lebih tepat. Hal ini demikian kerana, beliau melihat bahawa, kata adverba bahasa Melayu mempunyai sifat yang lebih luas, iaitu tidak hanya menerangkan kata kerja tetapi juga menerangkan jenis kata yang lain seperti kata adjektif. Penghuraian Marsden (1812) dilihat telah menyempitkan konsep adverba yang hanya menerangkan kata kerja disebabkan pengaruh penghuraian daripada bahasa Inggeris. Justeru, penggolongan kata adverba dan adjektif di bawah satu jenis yang sama, iaitu perkataan sifat dilihat memberi pemahaman yang jelas bahawa kedua-dua jenis kata ini berfungsi sebagai penerang.

Nik Safiah Karim *et al.* (2008) dilihat mempunyai pendirian tersendiri dengan meletakkan kata adverba sebagai sebahagian daripada golongan kata tugas dan hanya kata nama, kata kerja dan kata adjektif sahaja yang terdiri daripada golongan kata utama. Keadaan ini dapat dilihat pada pemecahan kata tugas seperti di bawah:

Kelompok Kata Tugas

1. Kata Penyambung Ayat
    i. Kata Hubung Gabungan
    ii. Kata Hubung pancangan
2. Kata Praklausa
    i. Kata Seru
    ii. Kata Tanya
    iii. Kata Perintah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

iv. Kata Pembenar
v. Kata Pangkal Ayat

3. Kata Prafrasa
   i. Kata Bantu
   ii. Kata Penguat
   iii. Kata Penegas
   iv. Kata Nafi
   v. Kata Pemeri
   vi. Kata Sendi Nama
   vii. Kata Arah
   viii. Kata Bilangan

4. Kata Pascakata
   i. Kata Penekan
   ii. Kata Pembenda
5. Kata Adverba

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008)

Kata tugas merupakan kelompok kata yang akan hadir bersama-sama golongan kata utama atau kata inti dan golongan kata ini tidak boleh berfungsi secara sendiri dalam struktur sintaksis. Selain itu, antara ciri yang diletakkan kepada golongan kata tugas adalah tidak boleh menjadi inti dalam frasa-frasa endosentrik. Pengkaji menyedari bahawa, walaupun adjektif diletakkan sebagai golongan kata utama, manakala kata adverba tidak adalah kerana Nik Safiah Karim *et al.* (2008) dilihat mempunyai hujah tersendiri dalam meletakkan golongan kata ini sebagai golongan kata tugas, iaitu kritera sintaksis yang digunakan oleh Nik Safah Karim *et al.* (2008) meliputi konsep fungsi perkataan yang dapat menjadi inti frasa predikat endosentrik dan konsep ini tidak diperluaskan kepada konsep fungsi penerang seperti yang dihuraikan oleh beberapa ahli bahasa yang lain. Hal ini demikian dapat dilihat kepada definisi kata adjektif yang melihat kepada fungsi kata ini yang boleh menjadi inti kepada frasa adjektif dan kriteria semantik untuk kata adjektif yang mendukung makna sifat dilihat sangat kuat seperti definisi semantik untuk kata nama dan kata

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kerja yang juga digunakan oleh sesetengah ahli bahasa. Sebaliknya, kata adverba tidak boleh dilihat secara semantik sekiranya tidak berada dalam sturktur untuk melakukan penggolongan kata ini kerana kata ini hanya dapat ditentukan jenisnya apabila berada dalam sturktur ayat.

Selain Nik Safiah Karim *et al.* (2008), terdapat ahli bahasa awal yang telah menggolongkan kata adverba sebagai golongan kata bukan utama, iaitu Winstedt (1927). Beliau telah membahagikan perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu kepada dua golongan besar, iaitu golongan major dan golongan minor (Abdullah Hassan, 2006: 24). Keadaan ini dapat dilihat seperti di bawah:

A. Golongan Major
   i. Kata Namaan
   ii. Kata Adjektif
   iii. Kata Kerjaan

B. Golongan Minor
   i. Ganti Nama
   ii. Angka
   iii. Kata Keterangan (adverba)
   iv. Kata sendi dan kata depan
   v. Kata hubung
   vi. Kata Seru

Winstedt (1927) dalam *The Malay Grammar* telah membahagikan golongan kata utama kepada tiga, iaitu kata nama, kata kerja dan kata adjektif, iaitu hampir menyamai penggolongan yang dilakukan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2008) dan selebihnya digolongkan kepada golongan minor. Dalam konteks ini kata adverba telah diletakkan dalam golongan kata minor, iaitu bukan utama. Namun, menurut Quirk dan Greenbaum (1973) dalam Abdullah Hassan (2006) menyatakan bahawa perkataan golongan kata major adalah terbuka, iaitu perkataan yang digolongkan dalam jenisnya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

adalah banyak dan tidak terhad bilangannya dan kata adverba terhad bilangannya. Selain itu, menurut beliau, kata-kata dalam golongan major mempunyai makna tetapi kata adverba sebenarnya berfungsi tatabahasa. Berdasarkan kriteria dan alasan ini jugalah terdapat ahli bahasa yang menggolongkan kata adverba sebagai golongan bukan utama atau minor. Dalam konteks ini juga fungsi-fungsi tertentu yang dijalankan oleh golongan kata bukan utama membawa kepada pengelompokkan dalam satu kelas yang sama, iaitu kata tugas sepert yang dilakukan oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2008).

2.2.3 Subgolongan Kata Adverba

Secara umumnya, terdapat perbezaan dan persamaan yang wujud antara setiap ahli bahasa berkaitan subgolongan kata ini. Hal ini banyak dipengaruhi oleh pendekatan yang digunakan oleh ahli bahasa berdasarkan penelitian yang mendalam sehingga membawa pendirian dan hujah yang tersendiri. Dalam bahagian ini, pengkaji akan melihat subgolongan yang wujud dalam penghuraian oleh setiap ahli bahasa. Hal ini dilihat penting kerana subgolongan yang dihuraikan oleh setiap ahli bahasa menggambar sifat dan perilaku kata adverba dalam bahasa Melayu serta dapat membantu pengkaji dalam menganalisis data sebenar dalam bahagian seterusnya.

Dalam penelitian ini, pandangan beberapa ahli bahasa seperti Za'ba (1958 & 2000), Asmah Haji Omar (2008), Abdullah Hassan (2006), Liaw Yock Fang *et al.* (1994), Nik Safiah Karim *et al.* (2008), Hassan Alwi *et al.* (1988), Arbak Othman (1981), C.A Mees (1969) dan Asraf Abdul Wahab (2007). Berdasarkan penelitian ini, pengkajian mendapati terdapat dua jenis pemecahan subgolongan kata adverba, iaitu:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1) Subgolongan berdasarkan kriteria bentuk

2) Subgolongan berdasarkan kriteria semantik

Dalam konteks ini, kebanyakan ahli bahasa menggunakan kedua-dua kriteria untuk membentuk dua jenis subgolongan dalam penghuraian mereka. Namun, dalam konteks ini Za'ba (1958) dan Asraf Abdul Wahab (2007) dilihat tidak mewujudkan subgolongan berdasarkan kriteria bentuk. Subgolongan kriteria semantik telah diwujudkan oleh semua ahli bahasa dan perbezaan yang ketara dan kesamaan ini adalah dari segi jumlah jenis kata adverba berdasarkan kriteria semantik. Terdapat ahli bahasa yang memecahkan kata adverba berdasarkan makna dengan pecahan yang banyak seperti Asmah (2008) yang mewujudkan 29 jenis kata adverba dan kebanyakan ahli bahasa mewujudkannya dalam jumlah yang sederhana dan lebih padat.

2.2.3.1 Kriteria Bentuk

Setiap ahli bahasa dilihat mempunyai pandangan yang tersendiri dalam menentukan bentuk-bentuk yang wujud dalam kata adverba bahasa Melayu. Terdapat lapan ahli bahasa yang diteliti oleh pengkaji, iaitu Asmah Haji Omar (2008), Abdullah Hassan (2006), C.A Mees (1969), Arbak Othman (1981), Hassan Alwi *et al.* (1988), Nik Safiah Karim *et al.* (2008) dan Liaw Yock Fang *et al.* (1994). Berdasarkan pandangan ahli-ahli bahasa ini, pengkaji dapat membahagikan dua jenis pembahagian berdasarkan kriteria bentuk, iaitu:

1. Morfologi
2. Fungsi dan perubahan golongan kata

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.2.3.1.1 Bentuk Proses Morfologi

Kata adverba bentuk ini akan diteliti dari sudut morfologi. Oleh sebab itu, ciri ini dibahagikan bentuknya berdasarkan ciri-ciri melibatkan bentuk tunggal, proses penerbitan, proses penggandaan dan proses pemajmukan. Dalam konteks ini, kebanyakan ahli bahasa yang mewujudkan bentuk berdasarkan ciri morfologi adalah ahli bahasa yang meletakkan pendirian bahawa golongan kata ini perlu diletakkan sebagai golongan kata utama. Hal ini demikian kerana golongan kata ini juga dikatakan mampu melalui proses morfologi seperti yang dilalui oleh golongan kata utama lain seperti kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Cuma, prosesnya bersandarkan kepada golongan kata yang asalnya daripada golongan kata lain. Justeru, bentuk kata adverba berdasarkan ciri morfologi dapat dibahagikan kepada empat bentuk iaitu kata adverba dasar, kata adverba terbitan, kata adverba ganda dan kata adverba berangkap atau majmuk.

2.2.3.1.1.1 Kata Dasar

Kata adverba dasar merupakan kata adverba yang tidak mengalami sebarang proses morfologi sama ada penerbitan, penggandaan dan pemajmukan atau rangkai kata. Dari segi istilah, terdapat istilah utama yang digunakan untuk merujuk sama bentuk kata adverba jenis ini, iaitu istilah adverba "selapis" ,"dasar" dan "tunggal". Istilah "selapis" telah digunakan oleh Asmah Haji Omar, manakala istilah "tunggal" telah digunakan oleh Abdullah Hassan dan istilah "dasar" telah digunakan oleh Arbak Othman dan Hassan Alwi *et al.*(1988). Dalam konteks ini, istilah dasar dilihat lebih sesuai untuk digunakan dalam konteks ini kerana menurut Hassan Alwi *et al.* (1988:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

199) adverba tunggal bukan sahaja merujuk kepada adverba dasar, namun juga merujuk adverba terbitan yang masih lagi berbentuk tunggal tanpa proses penjamak kata. Antara bentuk adverba tunggal adalah seperti berikut:

sakit *tenat*	memandu *laju*
bercakap *kuat*	terkejut *besar*
berlari *jauh*	menari *rancak*

(Abdullah Hassan, 2006: 173-174)

Berdasarkan contoh di atas *tenat, kuat, jauh, laju, besar* dan *rancak* merupakan contoh adverba dasar yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja inti, iaitu *sakit, bercakap, berlari, memandu, terkejut* dan *menari*. Dalam konteks ini juga, kata adverba yang berbentuk tunggal lazimnya merupakan golongan kata lain dan melalui proses perubahan golongan kata apabila berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja. Selain itu, kata penguat dan kata bantu juga terdiri daripada bentuk ini. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

Kata Penguat

sungguh	→	sungguh merdu
sangat	→	sangat cantik
amat	→	amat mahal

Kata Bantu

sedang	→	sedang berlari
akan	→	akan sampai
telah	→	telah tidur

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada contoh di atas, kata penguat sungguh, sangat, amat dan kata bantu sedang, akan serta telah merupakan kata adverba bentuk dasar kerana tidak melalui sebarang proses morfologi dan kata ini berfungsi untuk menerangkan kata adjektif dan kata kerja yang merupakan ciri-ciri kata adverba (Abdullah Hassan, 2006: 172).

2.2.3.1.1.2 Adverba Terbitan

Kata adverba terbitan merupakan kata adverba yang telah melalui proses pengimbuhan sama ada awalan, sisipan, akhiran apitan. Terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh ahli bahasa untuk bentuk ini, iatu kata adverba "berlapis" yang digunakan Asmah Haji Omar (2008), kata adverba "terbitan" yang digunakan oleh Abdullah Hassan (2006) dan Arbak Othman (1981), dan istilah kata adverba "berafik" yang digunakan oleh Hassan Alwi *et al*.(1988). Namun, istilah terbitan dilihat lebih sesuai selari dengan bentuk berdasarkan kriteria morfologi yang digunakan dalam bahasa Melayu.

A) Adverba Terbitan awalan

Adverba jenis ini merupakan kata adverba yang mempunyai imbuhan awalan. Dalam konteks ini, terdapat dua jenis kata adverba yang menerima awalan, iaitu kata adverba terbitan awal yang pada asalnya terdiri daripada golongan kata lain dan imbuhan awalan tipikal yang menerbitkan kata adverba, iaitu awalan *se-*. Adverba terbitan awalan yang pada asalnya merupakan daripada golongan kata lain dapat dilihat seperti contoh:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

makan *<u>ber</u>suap*	duduk *<u>ter</u>menung*	jatuh *<u>men</u>junam*
tidur *<u>ber</u>sendirian*	menangis *<u>ter</u>sedu*	pergi *<u>meng</u>ejut*

(Abdullah Hassan, 2006: 174)

Awalan *se*-pula, bukan merupakan imbuhan penanda kepada kata adverba sahaja kerana imbuhan ini juga merupakan imbuhan yang menerbitkan kata kerja dan kata sifat. Kebanyakan ahli bahasa seperti Abdullah Hassan (2006), Asmah Haji Omar (2008), Arbak Othman (1981), C.A Mees (1969) dan Hassan Alwi *et al.* (1988) bersetuju dan sependapat bahawa awalan *se*- merupakan antara awalan yang menerbitkan kata adverba. Dalam konteks ini, huraian Asmah dilihat lebih terperinci dengan membahagikannya kepada empat bentuk pengimbuhan, iaitu:

1. *Se*- + Kata Nama

   Dalam jenis ini awalan kata nama tunggal akan diimbuhkan dengan awalan *se*-. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

   se- + masa ⟶ semasa

   se- + waktu ⟶ sewaktu

   (Asmah Haji Omar, 2008: 203)

   Menurut Asmah Haji Omar (2008), kata nama waktu seperti *masa* dan *waktu* apabila diimbuhkan dengan awalan *se*- akan menghasilkan adverba waktu, iaitu *semasa* dan *sewaktu* yang membawa pengertian semantik "pada masa" dan "pada waktu".

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2. *Se-* + Kata Kerja Utama

Kata kerja utama akan diimbuhkan dengan imbuhan *se-* juga akan mewujudkan kata adverba. Dalam konteks ini, kata kerja utama merujuk kepada kata kerja perbuatan gerak seperti *tiba, pergi, kembali, pulang* dan *sampai*. Contohnya:

se- + tiba ⟶ setiba

se- + pergi ⟶ sepergi

se- + kembali ⟶ sekembali

(Asmah Haji Omar, 2008: 203)

Menurut Asmah Haji Omar (2008), kata perbuatan gerak yang sudah mendapat awalan lain tidak boleh menerima awalan *se-* ini. Dalam erti kata lain, kata terbitan yang sudah menerima imbuhan tidak boleh menerima awalan *se-*.Kata kerja bukan perbuatan tidak boleh menerima awalan *se-*

3. Se- + Kata Kerja Bantu

Dalam konteks ini, terdapat beberapa bentuk kata bantu yang boleh diimbuhkan dengan awalan *se-* dan membentuk kata adverba syarat. Sebahagian daripada bentuk kata ini boleh digandakan dan kata ini tidak lagi dianggap sebagai kata bantu tetapi sebagai kata adverba. Contohnya:

boleh ⟶ seboleh ⟶ seboleh-boleh(nya)

dapat ⟶ sedapat ⟶ sedapat-dapat (nya)

(Asmah Haji Omar, 2008: 203)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4. Se- + Kata Sifat

Pola ini merupakan pola adverba yang paling produktif. Dalam konteks ini, awalan se- akan diimbuhkan kepada kata dasar daripada golongan kata sifat. Dalam pengimbuhan ini *–nya* diakhir pola ini berfungsi sebagai penekan dan membentuk pola *se-* +kata dasar + -nya (Asmah Haji Omar, 2008 dan Hassan Alwi *et al.* 1988). Antara kata adverba jenis ini ialah *sebaiknya*, *sebenarnya*, *sepatutnya*. Contoh ayat:

Sebaiknya kita segera membayar hutang tersebut

Sebenarnya, kami sangat menyayangi anak-anak

Sepatutnya, orang muda perlu mengunjungi orang tua.

(Asmah Haji Omar, 2008: 205)

B) Adverba Terbitan Sisipan

Menurut Abdullah Hassan (2006), imbuhan sisipan *-el-*, *-em-*, dan *-en-* mempunyai bentuk konstan yang tidak berubah-ubah dalam sebarang konteks fonologi, melainkan *-em-* yang diimbuhkan kepada *sejak* menjadi *semenjak.* Dalam konteks ini juga bentuk imbuhan ini dilihat kurang produktif untuk kata adverba. Kebanyakan kata adverba yang menerima sisipan ini akan membawa pengertian waktu. Contoh:

-el- + kelmarin ⟶ kelmarin

-em- + sejak ⟶ semenjak

-en- + sentiasa ⟶ senentiasa

(Abdullah Hassan, 2006: 175)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

C) Adverba Terbitan Akhiran

Akhiran ini yang membentuk kata adverba bukan merupakan penanda tipikal untuk golongan kata ini kerana imbuhan ini juga boleh menerbitkan kata nama dan kata adjektif. Menurut Abdullah Hassan (2008), bentuk akhiran *–an* adalah tetap dalam semua konteks fonologi. Seperti imbuhan sisipan, akhiran *–an* juga lazimnya akan membawa pengertian waktu untuk kata adverba. Antara contoh kata adverba adalah seperti:

hari	+	-an	⟶	harian
bulan	+	-an	⟶	bulanan
tahun	+	-an	⟶	tahunan

(Abdullah Hassan, 2006: 177)

D) Adverba Terbitan Apitan

Dalam konteks ini, hanya Arbak Othman (1981) sahaja yang membincangkan kata adverba terbitan ini. Menurut Arbak Othman (1981) imbuhan apitan yang terlibat untuk membentuk kata adverba adalah *se- + kata dasar + an*. Contohnya:

harian	⟶	seharian
bilang	⟶	sebilangan
orang	⟶	seorangan

(Arbak Othman, 1981: 158)

E) Adverba Terbitan Penambahan *–nya*

Dalam konteks ini, kata –nya bukan merupakan imbuhan dan kata ini juga dianggap sebagai satu bentuk proses penerbitan untuk kata adverba yang berfungsi sebagai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

partikel. Penambahan *–nya* boleh berlaku pada *kata dasar + -nya* dan juga kata berpola *se- + kata dasar/ kata ganda + -nya*. Contohnya:

Kata dasar + -nya

agak	agaknya
rupa	rupanya
akhir	akhirnya

Se- + kata dasar/kata ganda + *-nya*

sungguh	sesungguhnya
benar	sebenarnya
dapat	sepenuh-penuhnya

(Hassan Alwi *et al.*, 1988: 211 & Asmah Haji Omar, 2008: 206)

2.2.3.1.1.3 Kata Adverba Gandaan

Kata Adverba jenis ini merupakan kata adverba yang mengalami proses penggandaan yang berfungsi sebagai penerang. Antara ahli bahasa yang membincangkan jenis ini ialah Asmah Haji Omar (2008), Abdullah Hassan (2006), C.A Mess (1969), Arbak Othman (1981), dan Hassan Alwi *et al.* (1988). Walaupun, Nik Safiah Karim *et al.* (2008) tidak menjadikan kriteria morfologi sebagai ciri-ciri yang digunakan untuk mengklasifikasikan jenis kata adverba, namun adverba bentuk gandaan ini tetap dihuraikan dalam bahagian jenis kata adverba. Secara umumnya, adverba bentuk gandaan dapat dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

i. Kata Adverba Penggandaan Penuh
ii. Kata Adverba Penggandaan Separa
iii. Kata Adverba Penggandaan Berentak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

i. Kata Adverba Penggandaan Penuh

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2008) adverba gandaan ini merupakan adverba ulangan, iaitu seluruh kata diulang secara penuh. Istilah lain yang digunakan oleh ahli bahasa adalah kata ulangan yang digunakan oleh CA Mees (1969) dan istilah pengulangan kata dasar yang digunakan oleh Hassan Alwi (1988). Menurut Mees (1969), adverba gandaan penuh ini boleh terdiri daripada kata nama (substantif), kata kerja (verbal), adjektif dan kata adverba. Contohnya:

hari-hari	hati-hati	(kata nama)
tiba-tiba	buru-buru	(kata kerja)
baik-baik	tinggi-tinggi	(kata adjektif)
agak-agak	lebih-lebih	(kata adverba)

(CA. Mees, 1969: 273)

ii. Kata Adverba Penggandaan Separa

Kata adverba jenis ini merupakan kata adverba yang mengalami proses gandaan separa, iaitu hanya kata dasarnya sahaja yang digandakan, sebaliknya tidak menggandakan imbuhannya. Terdapat tiga jenis penggandaan separa (Nik Safiah Karim, 2008: 293), iaitu:

a) Penggandaan separa berawalan

Kata adverba jenis ini merupakan kata yang terhasil daripada penggandaan kata dasar sahaja tetapi tidak awalannya. Contohnya:

berdikit-dikit	sekali-kali
bermalam-malam	setinggi-tinggi

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 293)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan contoh di atas, hanya kata dasar *dikit, malam, kali* dan *tinggi* sahaja yang diulang, manakala imbuhan pada kata pertama tidak diulang.

b) Penggandaan separa berakhiran

Adverba jenis ini merujuk kepada kata adverba yang terhasil daripada proses penggandaan yang hanya melibatkan kata dasar tetapi tidak pada imbuhan akhiran. Contohnya:

gila-gilaan	mati-matian
kecil-kecilan	besar-besaran

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 293)

Dalam konteks ini, menurut Abdullah Hassan (2006) dua jenis adverba separa ini merupakan kata adverba gandaan penuh yang menerima imbuhan atau erti kata yang lain kata adverba tersebut melalui proses penggandaan terlebih dahulu dan kemudian barulah diimbuhkan dengan imbuhan awalan, akhiran atau apitan. Hal ini juga dipersetujui oleh Hassan Alwi *et al.* (1988) yang tidak menganggap bahawa kata tersebut bukan merupakan imbuhan separa, sebaliknya merupakan kata ganda penuh atau diistilahkannya dengan pengulangan kata dasar dengan menambahkan awalan (prefiks) *se-*, akhiran (sufiks) *–an* dan gabungan (afiks) *se-...-nya*. Contoh:

mati-mati + -an ⟶ mati-matian

dalam-dalam + se-…-nya ⟶ sedalam-dalamnya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Hassan Alwi *et al*. (1988), adverba tersebut merupakan adverba berupa kata ulangan yang menerima penambahan sufiks *–an* dan *se-…-nya*

iii. Kata Adverba Penggandaan Berentak

Kata adverba jenis ini merupakan perkataan yang terhasil daripada proses menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu. Contohnya:

menangis *sedu-sedan*

berbunyi *hingar-bingar*

berlari *susup-sasap*

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 295)

Menurut Abdullah Hassan (2006), terdapat satu bentuk rangkai kata yang dilihat seperti kata adverba gandaan, namun sebenarnya rangkai kata tersebut bukan kata ganda berentak. Rangkai kata tersebut merupakan kata adverba berangkap. Menurut Za'ba (1957) bentuk adverba ini pada asalnya mengandungi kata hubung di tengah-tengah rangkai kata tersebut tetapi lama-kelamaan kata hubung. tersebut gugur dan tidak disebut lagi. Justeru, kehadiran kata hubung di antara rangkai kata ini boleh dijadikan asas pengujian sama ada rangkai kata tersebut merupakan gandaan berentak atau kata adverba berangkap. Contohnya:

berjalan *lemah lembut*

menari *lemah longlai*

berperangai *tamak haloba*

(Abdullah Hassan, 2006: 178)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.2.3.1.1.4 Kata Adverba Majmuk

Kata adverba jenis ini hanya dihuraikan oleh Arbak Othman (1981), iaitu menurut beliau kata adverba dapat juga berupa kata majmuk dan contoh kata adverba bentuk ini adalah barangkali, dahulukala, kerapkali, acap kali dan sebagainya. Contoh ayat:

> *Barangkali,* dia sudah besar kini
> *Dahulukala,* kebanyakan gadis malu-malu belaka
> Ayah *kerapkali* berunding dengan saya
> Saya *acapkali* meminta pertolongan daripada abang
>
> (Arbak Othman, 1981: 159)

2.2.3.1.1.5 Kata Adverba Rangkai Kata dan Bentuk Frasa

Kata adverba rangkai kata dan gabungan kata merujuk kepada kata adverba yang hadir dalam bentuk sekumpulan perkataan, iaitu lebih daripada satu kata. Arbak Othman menggunakan istilah rangkai kata, manakala Hassan Alwi *et al.*(1988) menggunakan istilah gabungan. Menurut Arbak Othman, bentuk rangkai kata merupakan bentuk adverba yang paling biasa ditemui dalam bahasa Melayu dan ia berlaku dalam bentuk rangkai kata atau sekumpulan perkataan yang mengandungi persenyawaan makna di antara perkataan-perkataan dalam kumpulan yang tertentu. Contoh:

dari itu	dengan itu	oleh yang demikian
belum pernah	jangan tidak	lebih kurang

(Arbak Othman, 1981: 159)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Hasan Alwi *et al.* (1988) pula, adverba gabungan merupakan adverba yang terdiri daripada dua kata dasar yang digabungkan dan dalam konteks ini terdapat dua jenis, iaitu adverba gabungan yang berdamping dan adverba gabungan tidak berdamping. Contohnya

Adverba gabungan yang berdamping

Lagi pula rumahnya baru jadi minggu depan

Kami *hampir selalu* bersama-sama ke kantor

Adverba gabungan tidak berdamping

Kami *hanya* membuang-buang waktu *saja*

Dia *sangat* sedih *sekali* mendengar berita itu

(Hassan Alwi *et al.*, 1988: 201-202)

Istilah kata adverba bentuk frasa pula merujuk kepada frasa yang berfungsi sebagai adverba iaitu memberi keterangan kepada kata yang diterangkan. Contoh adverba dalam bentuk frasa adalah seperti berikut:

berjalan *lemah longlai*

bertiup *sepoi-sepoi bahasa*

membisu *seribu bahasa*

(Abdullah Hassan, 2006: 179)

Abdullah Hassan (2006) turut menyatakan bahawa kata adverba jenis ini lazimnya terdiri daripada frasa sendi. Namun, dalam konteks ini pengkaji melihat bahawa frasa sendi yang hadir selepas kata kerja berfungsi sebagai frasa keterangan atau unsur adverbial. Keadaan ini dapat dilihat seperti di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Bertiup *dengan kencangnya*

Tinggal *di tepi kolam*

2.2.3.1.2 Bentuk Berdasarkan Fungsi dan Perubahan Golongan kata

Bentuk ini merujuk kepada kriteria fungsi sintaksis yang dilakukan oleh kata adverba bahasa Melayu. Ahli bahasa yang menentukan bentuk berdasarkan kriteria ini ialah Nik Safiah Karim *et al.* (2008).

a. Kata Adverba Jati
b. Kata Adverba yang asalnya kata adjektif
c. Kata adverba yang asalnya kata kerja
d. Kata adverba bentuk gandaan

Dalam konteks ini juga, bentuk kata adverba ganda tidak akan dibincangkan lagi kerana pengkaji melihat bentuk ini merujuk kepada jenis berdasarkan kriteria morfologi seperti yang dibincangkan sebelum ini.

2.2.3.1.2.1 Kata Adverba Jati

Menurut Nik Safiah Karim *et al*. (2008:290), kata adverba jati merupakan kata yang hanya menjalankan fungsi penerang kepada golongan kata tertentu berdasarkan fungsinya, iaitu menerangkan kata kerja, kata adjektif, dan frasa sendi nama serta kata adverba ini tidak tergolong dalam mana-mana golongan kata lain. Antara contoh kata adverba jati adalah seperti berikut:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

semalam	kelmarin	esok
lusa	kelak	tadi
kemudian	barangkali	sekali gus

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 289)

Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa perkataan yang tergolong dalam bentuk adverba jadi. Nik Safiah Karim *et al.* (2008) menyenaraikan sebanyak 31 perkataan adverba jati dalam penerangan contohnya. Abdullah Hassan (1969) dalam *The Morphology of Malay* telah menyenaraikan lebih banyak kata adverba jati, iaitu sebanyak 105 perkataan sama ada dalam bentuk tunggal, mahupun dalam bentuk partikel.

2.2.3.1.2.2 Kata Adverba yang asalnya Kata adjektif

Menurut Nik Safiah Karim (2008), kata adverba jenis ini merupakan kata adjektif yang telah berubah golongan kata kepada adverba setelah kata adjektif tersebut berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif dan frasa sendiri nama. Contohnya:

Kata Adjektif	**Kata Adverba**
rumah *panjang*	berucap *panjang*
ubat *kuat*	bercakap *kuat*
angin *kencang*	bertiup *kencang*

Pada contoh di atas memperlihatkan kata adjektif telah berubah golongan kata. Kata *panjang*, *kuat* dan *kencang* akan menjadi kata adjektif apabila berfungsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menerangkan kata nama *rumah, ubat* dan *angin*, manakala kata tersebut akan berubah golongan kata apabila kata tersebut menerangkan kata kerja.

2.2.3.1.2.3 Kata Adverba yang asalnya kata kerja

Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2008: 291), kata adverba jenis ini merujuk kepada kata kerja yang berfungsi menerangkan kata kerja, kata adjektif atau frasa sendi nama, walaupun fungsi tipikalnya berada dalam predikat. Contohnya:

berjalan *mengiring* terbang *meninggi*

berenang *menelentang* duduk *bersendirian*

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 292)

2.2.3.2 Kriteria Semantik

Kebanyakan ahli bahasa telah memecahkan kata adverba kepada beberapa subgolongan dan kebanyakan pemecahan yang dilakukan adalah berdasarkan kriteria semantik, iaitu makna setiap kata adverba yang mempunyai persamaan akan menentukan subgolongan yang diduduki oleh kata tersebut. Dalam pembahagian subgolongan kata adverba, Asmah Haji Omar menggolongkan kata adverba kepada 29 subgolongan. Selain itu, Za'ba (2000) dalam penghuraian sifat katanya (kata adverba) telah membahagikannya kepada enam jenis dan di bawahnya terdapat beberapa pecahan kecil lagi. Abdullah Hassan *et al*. (2006) mencadangkan 15 subgolongan kata adverba yang boleh diajar di sekolah, manakalan Nik Safiah Karim *et al.* (2008), Sutan Takdir Alisjahbana (1963) dan Arbak Othman (1981) membahagikan lapan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

jenis kata adverba. Jumlah pecahan subgolongan adverba berdasarkan kriteria semantik untuk setiap tokoh, dapat dilihat pada jadual di bawah:

Jadual 2.1

Jumlah Subgolongan Adverba berdasarkan Kriteria Semantik

Tokoh	**Senarai Subgolongan Adverba**
Za'ba (2000)	1. Sifat kata cara atau gaya 2. Sifat kata masa 3. Sifat kata tempat 4. Sifat kata sebab atau tujuan 5. Sifat kata darjah atau kadar 6. Sifat kata penentu
Asmah Haji Omar (2008)	1. Adverba kekerapan 2. Adverba tempat 3. Adverba gaya 4. Adverba penyertaan 5. Adverba kiasan 6. Adverba manfaat 7. Adverba alat 8. Adverba cara 9. Adverba arah 10. Adverba waktu 11. Adverba perhinggaan 12. Adverba muasal 13. Adverba durasi 14. Adverba perbatasan 16. Adverba kesungguhan 17. adverba permulaan 18. Adverba tujuan 19. Adverba syarat 20. Adverba tolak ansur 21. Adverba pemastian 22. Adverba kejauhan 23. Adverba sebab musabab 24. Adverba permakinan 25. Adverba pertanyaan 26. Adverba mantera 27. Adverba rujukan 28. Adverba agentif 29. Adverba anafora 30. Adverba perbandingan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Sutan Takdir Alisjabhana (1963)	1. Kata Keterangan waktu 2. Kata keterangan tempat 3. Kata keterangan sebab dan akibat 4. Kata keterangan perlawanan 5. Kata keterangan kualiti 6. Kata keterangan perbatasan 7. Kata keterangan kualiti 8. Kata keterangan kesungguhan
C.A Mees (1969)	1. Adverbi Temporal 2. Adverbi modal 3. Adverbi lokal 4. Adverbi kwalitatif 5. Adverbi derajat dan permana 6. Adverbi intonasi
Hassan Alwi *et al.* (1988)	1. Adverbia Kuantitatif 2. Adverbia kualitatif 3. Adverbia Limitatif 4. Adverbia frekuentatif 5. Adverbia kewaktuan 6. Adverbia cara 7. Adverbia konstraktif 8. Adverbia keniscayaan
Asraf Abdul Wahab (2007)	1. Keterangan Cara 2. Keterangan masa 3. Keterangan tanya 4. Keterangan darjah 5. Keterangan tak tentu 6. Keterangan nafi
Liaw Yock Fang (1994)	1. Keterangan cara 2. Keterangan masa 3. Keterangan tempat 4. Keterangan darjat 5. Keterangan penentu

Secara keseluruhannya, jumlah untuk jenis adverba yang dihuraikan oleh setiap ahli bahasa dipecahkan berdasarkan pendekatan semantik. Dalam konteks ini, Asmah Haji Omar (2008) telah melakukan penjenisan ini dengan merujuk makna yang terperinci, manakala ahli bahasa yang lain telah melakukan penjenisan secara umum.


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.3 Kajian Literatur Berasaskan Data Korpus Berkomputer

Penyelidikan dalam bidang linguistik telah melalui tempoh yang agak panjang sehingga perkembangannya telah menghasilkan pelbagai pendekatan dalam pengkajian. Salah satu kaedah penyelidikan bahasa yang sering kali mendapat tumpuan pengkaji adalah penyelidikan berasaskan data sebenar yang diperoleh daripada penutur natif dan keadaan ini membentuk satu aliran dalam penyelidikan tatabahasa yang dikenali sebagai linguistik beraliran data korpus. Linguistik beraliran data korpus menjadikan bahasa yang terbentuk secara tabii sebagai asas atau data penyelidikan linguistik yang dilakukan. Keadaan ini memberi kelebihan kepada aliran ini yang tidak memaparkan contoh-contoh bahasa bikinan atau berasaskan intuisi semata-mata.

Menurut Fazal Mohamed Mohamed Sultan *et al.* (2012: 19), penyelidikan bahasa di Barat khususnya telah lama bermula dan mendapat perhatian para penyelidik bahasa, iaitu sekitar akhir abad ke-19. Namun, sejarah dalam penumpuan aliran ini oleh pengkaji tidak berada dalam suasana konsisten kerana aliran ini dikatakan telah melalui sejarah turun naik dalam bidang linguistik dunia. Tumpuannya mula menurun apabila munculnya aliran Chomsky yang memberi tumpuan kepada penyelidikan berasaskan "kecekapan" bahasa berbanding "perlakuan" bahasa. Gambaran perkembangan aliran data korpus dapat dilihat seperti rajah di bawah:



Rajah 2.4: Aliran Perkembangan Kajian Berasaskan Data

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada peringkat awal penggunaan data korpus, data dalam bentuk ujaran atau bahan tulisan dicatatkan pada helaian kertas dan disimpan dalam kotak kasut (McEnery, Xiao dan Tono, 2006 dalam Norliza Hj. Jamaluddin 2011: 8). Dalam erti kata lain, data penutur natif yang diperoleh akan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah manual tanpa bantuan teknologi dan data yang dikumpulkan juga berapa pada kuantiti yang agak terhad. Selain itu, aliran data korpus dikatakan telah bermula lebih awal, iaitu sebelum kemunculan aliran Chomsky kerana mereka yang berada pada aliran linguistik lapangan dan aliran struktural seperti Sapir, Bloomfield dan sebagainya telah menjadikan data sebenar sebagai data kajian mereka walaupun mereka tidak menggelarkan diri mereka sebagai ahli linguistik korpus (Norliza Jamaluddin, 2011).

Kemunculan aliran Chomsky telah memberi kesan kemerosotan kepada kajian berasaskan data korpus kerana kehadiran aliran Chomsky telah mengubah arah aliran linguistik daripada bersifat empirikal kepada rasionalisme, iaitu intuisi menjadi asas dalam penyelidikan bahasa. Namun, kekurangan yang wujud dalam amalan intuisi ini telah membuka ruang kembali kepada linguistik korpus untuk mendapat perhatian semula oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Pada peringkat ini, antara faktor yang menyumbang kepada kebangkitan linguistik data korpus adalah kerana kebijaksanaan ahli-ahli linguistik dalam aliran ini yang memanfaatkan teknologi perkomputeran dalam penyelidikan bahasa.

Kemunculan Brown Corpus pada tahun 1961 oleh W. Nelson Francis dan Henry Kučera telah menjadi titik mula kepada aliran data korpus moden kerana penghasilan data yang boleh diproses melalui teknologi komputer. Dalam konteks ini, data yang dikumpulkan melalui teknologi komputer berada dalam kuantiti yang lebih

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

besar dan mudah untuk diakses melalui pengendalian komputer. Keadaan ini membawa perkembangan yang pesat kepada bidang linguistik data korpus berkomputer sehingga membawa beberapa lagi projek pembangunan data korpus seperti *Birmingham Collection of English Texts* (BCET) dan *British National Corpus* yang wujud sekitar tahun 1970-an (Anida Sarudin, 2011). Kehadiran teknologi perkomputeran telah membantu memperkembangkan kajian bahasa secara empirikal. Menurut Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 6), terdapat tiga aspek penting yang menggambarkan ciri-ciri aliran linguistik data korpus moden, iaitu:

1. **Data Yang Autentik** – Membawa pengertian ketulenan, iaitu data yang dikumpulkan merupakan data sebenar yang dihasilkan dalam komunikasi sesama manusia. Hal ini membuktikan bahawa data yang digunakan atau diselidiki bukan direka oleh penghasil data korpus melainkan data tersebut ialah data yang terbentuk secara tabii. Data yang autentik penting kerana data ini dapat menunjukkan perilaku sebenar sesuatu bahasa semasa bahasa tersebut digunakan.
2. **Data Dalam Bentuk Elektronik** – Jutaan Data yang dikumpul sebagai korpus untuk penyelidikan akan disimpan dalam bentuk elektronik. Pengendalian data korpus melalui teknologi komputer telah meningkatkan keupayaan pemprosesan data. Keadaan ini memudahkan kerja-kerja seperti pencarian, pemilihan, pengisihan dan pemformatan data kerana dapat dilakukan dengan mudah dan cepat. Dari segi metodologi, ciri ini memberi dimensi baharu dalam penyelidikan linguistik kerana keadaan ini bukan sahaja membolehkan kajian bahasa secara kualitatif dilakukan, malah aspek kuantitatif juga boleh digunakan melalui penelitian frekuensi dan kekerapan sesuatu kata.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3. **Data Yang Bersaiz Besar** – Penggunaan teknologi komputer membawa kemudahan dalam proses penyimpanan data. Hal ini demikian kerana data mampu disimpan dalam kuantiti dan skala yang lebih besar. Berbanding data korpus yang disimpan secara manual melalui helaian-helaian kertas yang tidak sistematik dan sukar untuk dianalisis.

(Norliza Hj. Jamaluddin, 2011, 6-7)

Kehadiran aliran berasaskan data korpus berkomputer telah melahirkan ramai penyelidikan yang mendalam ilmu berkaitan tatabahasa sama ada di barat mahupun di peringkat tempatan. Di Barat antara mereka yang berada dalam aliran ini adalah seperti Renouf (1988), Francis (1992) Leech (1992) Sinclair (1996), Magnusson (2004), McEnery et al. (2006) dan Raskin dan Nirenburg (2007). Di Malaysia, aliran ini turut memdapat tempat oleh penyelidik-penyelidik bahasa antaranya Knowles & Zuraidah Mohd Don (2006), Norliza Hj. Jamaluddin (2000 & 2011), Zaharani Ahmad (2008), Nor Hashimah Jalaluddin (2008), Idris Aman (2008) dan Mohd Ra'in Shaari (2003). Penyelidikan yang dilakukan oleh ahli bahasa merangkumi pelbagai bidang, antaranya bidang semantik, leksikografi, dan tatabahasa.

2.3.1 Data Korpus Berkomputer Dalam Bidang Tatabahasa

Aliran data korpus berkomputer turut mendapat tempat dalam penyelidikan tatabahasa. Menurut Fazal Mohamed Mohamed Sultan *et al.* (2012: 23) kajian korpus dalam bidang ini telah lama bermula, iaitu sekitar abad ke-20 dengan menggunakan sumber data daripada akhbar dan novel. Antara tokoh barat yang mengkaji bidang tatabahasa dengan mengaplikasikan penggunaan data korpus berkomputer adalah seperti Jespersen (1909), Magnusson (2004), McEnery *et al.* (2006), Raskin dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P


Nirenburg (2007) dan Fries (1940). Di peringkat tempatan yang mengkaji tatabahasa berasaskan korpus adalah Norliza Hj. Jamaluddin (2011), Zaharani Ahmad (2008), Mohd Ra'in Shaari (2003) dan Imran Ho Abdullah (2008).

Kemunculan semula aliran data korpus ini adalah kesan daripada kekurangan aliran yang dibawa oleh Noam Chomsky yang lebih menekankan kepada elemen intuisi. Menurut Imran Ho Abdullah korpus sangat sesuai digunakan dalam sesuatu bidang kajian bahasa kerana ayat-ayat yang ditunjukkan melalui data korpus lebih menarik, kompleks dan semula jadi daripada ayat-ayat yang terkandung dalam buku tatabahasa yang merupakan ayat bikinan untuk tujuan contoh dan membataskan aspek tatabahasa.

Dalam penyelidikan tatabahasa berasaskan korpus, data korpus yang tersimpan dalam pangkalan data akan diterokai dengan menggunakan teori yang sesuai dan diaplikasikan serta akhirnya mampu menjelaskan fenomena bahasa yang abstrak dan konkrit (Nor Hashimah Jalaluddin, 2007: 25). Menurut Fazal Mohamed Mohamed Sultan *et al.* (2012: 23), data-data bahasa yang diperoleh daripada pangkalan data korpus yang diteliti dengan menggunakan teori bahasa yang sesuai dapat memberi penjelasan kepada fenomena bahasa dengan lebih kukuh, dan bersifat ilmiah di samping pengekalan asas impirikal yang dipegang oleh aliran ini. Hal ini demikian kerana ciri yang dimiliki oleh teori bahasa seperti pendeksripsian, penghujahan dan ramalan dapat mengukuh serta memantapkan lagi asas penyelidikan bahasa yang dilakukan. Penyatuan antara data dengan penjelasan melalui teori sangat berkait rapat dengan sebuah aliran yang dikenali sebagai kajian berasaskan korpus (*corpus-based)* dan gambaran yang lebih jelas dapat dilihat pada rajah di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F



Rajah 2.5: Arah Aliran Penggunaan Teori Dalam *Corpus-Based*

(Sumber: Pembentangan Norliza Jamaluddin dalam seminar *Kelangsungan Tatabahasa Dahulu dan Kini* pada 2011)

Penyelidikan berasaskan data korpus sering kali dilakukan dengan mengaitkannya melalui teori-teori tatabahasa. Keadaan ini lebih dikenali dengan pendekatan "Corpus-Based" yang memanfaatkan data korpus untuk menguji, memberi contoh-contoh yang autentik dan menghuraikannya secara terperinci sesuatu aspek bahasa yang sebelum ini telah dibentuk oleh teori-teori tertentu dan teori-teori yang dibentuk sebelum kewujudan data korpus diteliti semula dengan menggunakan sejumlah data yang besar kuantitinya (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 8). Penyelidikan yang menggunakan data korpus dengan sandaran teori bahasa yang sesuai dilihat lebih menarik dan kukuh kerana pengkaji bukan sahaja dapat menerangkan fenomena dan perilaku dalam sesebuah aspek bahasa tetapi juga dapat memberi penjelasan scara teoritikal di sebalik pola-pola bahasa yang wujud hasil tinjauan data korpus.

Norliza Hj. Jamaluddin (2011) telah meluaskan dan melanjutkan pengetahuan serta penyelidikan berkaitan data korpusnya hingga ke peringkat doktor falsafah dengan meneliti aspek tatabahasa. Disertasi doktor falsafah beliau adalah berjudul *Analisis Kata Sifat Bahasa Melayu berdasarkan Data Korpus Berkomputer*. Kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

beliau ini telah menggunakan data korpus yang dibangunkan sendiri dengan menggunakan perisian *WordSmith Tools 4* dengan menjadikan lima buah buku yang dihasilkan dalam siri "wanita menulis untuk wanita" telah dijadikan sebagai sumber data dan hasil daripada janaan membolehkan beliau menggunakan data korpus dengan jumlah keseluruhan kata dalam sekitar 150 000 kata. Hasil tinjauan data korpus memperlihatkan beliau telah berjaya menunjukkan beberapa pola penerang, pola predikat dan pola penerang predikat bahasa Melayu. Antara contoh pola kata sifat dalam fungsinya adalah seperti berikut:

A) Pola Penerang:

a. Kata Nama Inti + Kata Sifat Nama + (Penentu)
b. *beR-* + Kata Nama Inti + Kata Sifat Nama
c. Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Kata Sifat Nama + (penentu)
d. Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Penanda Intensiti / Penanda Perbandingan + Kata Sifat Nama + (Penentu)
e. Kata Nama Inti + Kata Hubung Relatif + Penanda Aspek/Modalitas + Sifat Nama

B) Pola Predikat:

a. Subjek + Kata Sifat Nama
b. Subjek + Penanda Intensiti + Kata Sifat
c. Subjek + Penanda aspek + Kata Sifat
d. Subjek + Penanda Modalitas + Kata Sifat

C) Pola Penerang Predikat:

a. "*Dengan*" + Kata Sifat
b. "*Secara*" + Kata Sifat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Melalui pendekatan fungsional, kajian yang dilakukan oleh beliau telah menggunakan konsep prototaip yang diperkenalkan oleh Rosch (1978) dan berdasarkan kajian yang dilakukan fungsi prototaip bagi kata sifat adalah sebagai penerang dalam binaan frasa nama. Dalam kajian ini juga, beliau telah menunjukkan bahawa kata sifat tidak hanya berfungsi sebagai penerang nama, malah berfungsi sebagai penerang kerja. Dalam konteks ini, pendekatan yang digunakan oleh Hengeveld (1992), Quick *et al.* (1995), Croft (1991, 2003), Dixon & Alexandra (2004) dan Knowles & Zuraidah Mohd. Don (2006 & 2008) dijadikan asas dalam kajian beliau.

Terdapat juga beberapa penyelidikan lanjutan tatabahasa yang berasaskan data korpus yang dilakukan oleh beberapa orang penyelidik di peringkat ijazah lanjutan mereka antaranya termasuklah kajian oleh Maslinda Yusof (2006). Kajian di peringkat doktor falsafah beliau ini adalah berjudul *Struktur Leksikal dalam Sintaksis dan Semantik: Kajian Terhadap Kata Kerja dan Proposisi Bahasa Melayu*. Kajian yang dilakukan beliau ini telah meneliti hubungan antara kata kerja dengan proposisi bahasa Melayu daripada aspek sintaksis-semantik dengan asas teorinya adalah daripada kerangka teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan (Role and Reference Grammar – RRG) yang dimanifestasikan melalui tulisan-tulisan seperti Van Valin & La Pollah (1997), Van Valin (1999a, 1999b, 2002, 2004a, 2004b, 2001a & 2001b) dan Jolly (1991 & 1993). Kajian beliau ini telah menganjurkan pengelasan baru kata kerja bahasa Melayu berdasarkan representasi dekomposisi kelas Aktionsart, iaitu kelas leksikal yang dianggotai oleh suatu kata kerja berdasarkan kepada jenis proses, keadaan dan sebagainya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam konteks ini, penyelidikan ini telah mengaplikasikan pendekatan data korpus berkomputer dengan memperoleh data daripada dua buah novel, iaitu novel *Buih* karya Azizi Hj. Abdullah dan novel *Noni* Abdullah Hussien. Analisis yang dilakukan beliau berasaskan kemudahan data korpus milik Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengaplikasikan penggunaan konkordans dan juga perisian Malay Text Analysis (MATA) untuk melihat kekerapan kata proposisi bagi tujuan pemilihan kata.

Ra'in Shaari (2003) juga merupakan antara penyelidik yang mengkaji bidang tatabahasa dengan menggunakan pendekatan data korpus berkomputer dalam tesis peringkat sarjana beliau yang berjudul *Perilaku Morfo-Sintaksis meN-kan: Analisis Data Korpus Berkomputer*. Dalam kajian tersebut beliau telah menghuraikan perilaku morfo-sintaksis imbuhan *meN-kan* berasaskan data korpus dengan mengaplikasikan beberapa teori bahasa yang digunakan secara eklektik, iaitu Pendekatan Struktural, Teori Linguistik Kognitif, Teori Transformasi Generatif dan Teori Relevan untuk menjelaskan sebarang struktur *meN-kan* yang melibatkan konteks. Dalam kajian berasaskan data korpus yang dilakukan beliau mendapati bahawa kata kerja transitif (KKT) berpenanda *meN-kan* bukan sahaja menghasilkan struktur *meN-kan+Objek* seperti huraian kebanyakan ahli bahasa, malah turut menghasilkan pelbagai struktur lain seperti:

1) meN-…-kan + KGNT
2) meN-…-kan + KSN + Objek
3) meN-…-kan + Kata Keterangan + Objek
4) meN-…-kan + Objek

Penyelidikan yang dilakukan oleh Ra'in Shaari (2003) ini dilihat sangat baik dengan penggabungan antara penggunaan data korpus sebagai asas penyelidikan dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penyertaan beberapa teori secara eklektik yang mampu memperlihatkan perilaku sebenar imbuhan *meN-kan* bahasa Melayu dan dapatan kajian yang diperoleh beliau ini turut menemui pola baru yang lari daripada preskriptif yang dihasilkan oleh penahu-penahu tempatan. Selain itu, Ra'in Shaari terus memperluaskan penyelidikan berasaskan korpus dengan menghasilkan dua penyelidikan bergeran yang berjudul *Struktur Kata Kerja Transitif: Analisis Data Korpus Berkomputer* dan *Pola Kata Bantu Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus Berkomputer*.

DI Universiti Pendidikan Sultan Idris, turut terdapat beberapa kajian yang berasaskan data korpus berkomputer antaranya adalah kajian oleh Mohd Pouzi Bin Zakaria (2008) dan Mohd Razak bin Mohd Nordin (2007). Mohd Pouzi Bin Zakaria (2008) telah melakukan kajian perbandingan antara buku *Tatabahasa Dewan* dengan data korpus berkomputer dalam kajian peringkat sarjananya yang berjudul *Kata Sendi Nama "Pada" dan "Kepada" Dalam Bahasa Melayu: Perbandingan Antara Teks Tatabahasa Dewan Dengan Data Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Manakala, Mohd Razak bin Mohd Nordin (2007) turut melakukan kajian berasaskan data korpus di peringkat sarjana yang berjudul *Penggunaan kata nafi "bukan" dan "tidak": Sumbangan Data Korpus Berkomputer*. Berdasarkan tinjauan korpus yang dilakukan beliau mendapati bahawa kata nama "bukan" tidak hanya menafikan frasa nama dan frasa sendi nama tetapi juga turut menghasilkan pelbagai pola frasa seperti frasa kerja dan frasa adjektif serta keadaan yang sama turut berlaku pada kata nafi "tidak".

Di Universiti Malaya, terdapat dua buah kajian di peringkat latihan ilmiah telah menjalankan kajian dengan menggunakan data, iaitu kajian Norliza Binti Ali (2001) yang bertajuk *Adverba Dalam Bahasa Melayu* dan Siti Noraini Ibrahim (2001) yang bertajuk *Kata Adverba: Analisis Novel Orang Lama*. Namun, data yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dianalisis bukan dijana melalui komputer, sebaliknya dianalisis secara manual. Kajian beliau dilihat sangat dekat dengan kajian ini kerana menjadikan golongan kata adverba sebagai tujuan kajian. Kedua-dua kajian ini telah menghuraikan adverba berdasarkan penghuraian adverba daripada Sanat Md. Nasir (2000)

2.4 Kerangka Teori

Kajian ini akan melihat aspek fungsi yang dijalankan oleh kata adverba dalam struktur sintaktik. Justeru, kerangka teori digunakan oleh Knowles dan Zuraidah Mohd Don (2008) dan Norliza Hj. Jamaluddin (2011) akan digunakan untuk melihatkan fungsi golongan kata ini sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif dan kata adverba. Dalam konteks ini, golongan kata adverba perlu dilihat fungsinya dalam struktur sintaksis. Hal ini demikian kerana, golongan katanya hanya dapat ditentukan apabila kata tersebut berada dalam fungsinya, iaitu sebagai penerang dan unsur keterangan. Justeru, teknik gatra dan unsur pengisi dilihat sesuai dalam analisis kajian ini. Selain itu, pandangan daripada Van Valin Jr. & R.J LaPOlla (1997) dan Quirk *et al.* (1995) juga akan dimanfaatkan dalam kajian ini.

2.4.1 Struktur Sintaktik

Dalam konteks ini, fungsi sesuatu kata akan dilihat dalam strukturnya, iaitu dalam konstituen tertentu. Secara umunya, dalam binaan sintaksis perbezaan antara fungsi dan kategori perlu diketahui, iaitu kategori dalam bahasa Melayu boleh terdiri daripada kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas, manakala fungsi melibatkan peranan golongan kata dalam binaanya seperti subjek, predikat, objek, dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

penerang (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 94). Oleh itu, fungsi adverb bahasa Melayu pada peringkat struktur penerang akan dijelaskan menerusi teknik gatra dan unsur pengisi (Knowles dan Zuraidah Mohd Don, 2008 : Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 94)

2.4.1.1 Gatra

Menurut Asmah Haji Omar (1962: 440), istilah "gatra" merupakan istilah yang digunakan oleh Slametmuljana (1960) dalam bukunya *Kaedah Bahasa Indonesia I dan II* serta istilah ini diambil daripada bahasa jawa, iaitu "gatra" yang bererti "anak kalimat" yang boleh merujuk bahagian-bahagian yang wujud dalam sesuatu binaan ayat. Menurut Asmah Haji Omar (2009: 401) dalam sesebuah ayat terkandungnya bahagian-bahagian tertentu yang lazimnya adalah bahagian seperti *Subjek-Predikat-Objek-Ajung* dan bahagian inilah yang dikenali sebagai gatra.

Saya tidak hadir pada hari ini

[Subjek] + [Predikat] + [Ajung]

↑ ↑ ↑

Gatra Gatra Gatra

Pada contoh di atas, dapat dilhat beberapa jenis gatra, iaitu subjek, predikat dan ajung dan setiap gatra dilihat saling berhubungan antara satu gatra dengan gatra yang lain untuk membentuk ayat. Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 96) telah mentakrifkan gatra sebagai posisi atau kedudukan bentuk linguistik dalam sesuatu binaan ayat. Menurut beliau, dalam sesebuah ayat terdapat beberapa gatra yang membolehkan perkataan atau beberapa perkataan dimuatkan dalam sesebuah gatra. Dalam bahasa Melayu, kata adverb mempunyai fungsi sebagai penerang dan berikut merupakan contoh fungsi kata adverba sebagai penerang:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berjalan *laju*

mengalir *lesu*

terbang *tinggi*

Berdasarkan contoh di atas, kata adverba hadir betul-betul selepas kata kerja ini dalam struktur sintaktik. Gatra ini melibatkan hubungan antara golongan kata dan fungsinya, iaitu gatra yang hadir selepas gatra kata ini, iaitu kata kerja dan adverba berfungsi sebagai penerang. Gatra fungsi inian ini berada pada posisi yang tetap, manakala golongan kata yang mengisi gatra ini boleh berubah kedudukannya, iaitu golongan kata yang sama boleh hadir lebih daripada satu posisi atau satu gatra (Norliza Jamaluddin, 2011: 96).

Secara keseluruhannya, gatra dilihat sebagai kedudukan yang menentukan fungsi tertentu dalam komponen-komponen ayat untuk diisi oleh perkataan-perkataan yang disusun mengikut gatra tertentu. Menurut Arbak Othman (1985: 12) dengan mengetahui pengisi kepada gatra-gatra tertentu dalam ayat dan hubungan antara pengisi sesuatu gatra dengan pengisi gatra yang lain serta hubungan antara unsur-unsur dalam gatra yang sama membolehkan pengetahuan sistem bahasa dapat difahami secara menyeluruh. Keadaan ini mewujudkan satu jalinan yang utuh antara setiap gatra yang membentuk rangkaian ayat yang gramatis.


2.4.1.2 Unsur Pengisi

Menurut Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 97) Unsur pengisi merupakan senarai perkataan yang mengisi sesuatu gatra fungsian. Unsur pengisi ini boleh saling bertukar ganti gatranya, iaitu unsur pengisi yang hadir dalam posisi yang sama boleh

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

menggantikan unsur lain yang terdapat dalam posisi tersebut untuk membentuk paradigma. Dalam konteks ini juga, beliau turut membezakan dengan jelas antara gatra (*slot*) dan unsur pengisi (*filer*), iaitu unsur pengisi dimuatkan dalam gatra dan gatra boleh diibaratkan seperti "sebuah bekas", manakala unsur pengisi merupakan "item" yang diisi dalam bekas berkenaan (Knowles dan Zuraidah Mohd Don, dalam Norliza Hj. Jamaluddin, 2006: 99). Keadaan ini dapat dilihat pada rajah di bawah:



Dalam konteks contoh di atas, perbezaan antara gatra dan unsur pengisi dapat dilihat dengan jelas. Penerang pada contoh di atas merupakan gatra dan kata kerja "berjalan" dan kata sifat "lurus " merupakan golongan kata yang menjadi unsur pengisi dalam gatra tersebut. Keadaan ini dapat menentukan jenis gatra tersebut sama ada gatra inti atau gatra penerang bergantung kepada jenis golongan kata yang menjadi unsur pengisi dalam gatra tersebut. Dalam erti kata yang lain, gatra merupakan posisi kehadiran sesuatu golongan kata dan gatra ini menunjukkan fungsi kata tersebut, manakala unsur pengisi ialah golongan kata yang menjalankan fungsi gatra yang didudukinya (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 100).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2.4.2 Sesesaran Sintaktik

Menurut Norliza Jamaluddin (2011) konsep sesesaran sintaktik ini merujuk kepada perubahan yang berlaku oleh sesuatu perkataan daripada fungsi tipikal kepada fungsi yang berbeza apabila berada dalam konteks yang berbeza. Dalam konteks ini, sesesaran sintaktik dilihat penting dalam analisis kajian ini kerana kata adverba merupakan kata yang bersifat struktur, maka golongan katanya hanya dapat diketahui apabila sesuatu kata itu berada pada posisi menerangkan kata kerja, kata adjektif dan kata nama. Namun, terdapat tiga aspek bagi menentu sesesaran sesuatu golongan kata, iaitu:

i. Mengenal pasti gatra asal golongan kata
ii. Mengenal pasti gatra sintaktik yang boleh diisi oleh golongan kata tersebut
iii. Arah sesesaran

(Knowles dan Zuraidah Mohd. Don, 2008 dalam Norliza Hj. Jamaluddin, 2011)

2.4.3 Struktur Adverba Bahasa Melayu

Adverba dalam bahasa Melayu boleh berada pada posisi penerang dan juga unsur keterangan. Justeru, bahagian ini akan membincangkan aspek penerang dan keterangan.


2.4.3.1 Unsur Penerang

Penerang bererti sesuatu kata diletakkan di dalam sesuatu struktur yang telah mempunyai kata inti di dalamnya dan di sini penerang merupakan unsur tambahan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kepada struktur tersebut (Knowles dan Zuraidah Mohd Don dalam Norliza Hj Jamaluddin, 2011: 41). Menurut Asmah Haji Omar (1962: 450) peranan penerang dalam strukturnya sering kali diisi oleh golongan kata sifat dan dalam konteks ini kata sifat tersebut dikenali sebagai penerang nama. Namun, dalam konteks kajian ini kata adverba berfungsi menerangkan kata kerja, kata sifat dan kata adverba. Justeru, sekiranya sesuatu golongan kata hadir pada posisi selepas kata nama, fungsinya akan menjadi penerang nama dan sekiranya kata sifat hadir pada posisi atribut selepas kata kerja, maka kata tersebut turut berfungsi sebagai penerang, iaitu penerang kerja atau adverba. Rumus asas penerang kerja dapat dilihat pada rajah di bawah:



Rajah 2.6: Struktur Adverba

(Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 119)

Berdasarkan kepada rajah di atas, kehadiran kata adjektif pancaindera sebagai penerang kerja hadir pada posisi selepas kata kerja inti. Contoh kata adjektif pancaindera yang berfungsi penerang kerja adalah seperti contoh di bawah:

(1) bercakap <u>buruk</u>

(2) membaca <u>senyap</u>

(3) berbuat <u>bising</u>

Berdasarkan contoh (1), (2) dan (3) di atas, kata adjektif *buruk, senyap* dan *bising* telah berfungsi sebagai penerang kerja atau adverba kerana hadir selepas kata kerja inti dalam frasa kerja, iaitu *bercakap*, *membaca* dan *berbuat*.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.5.3.2`Unsur Keterangan

Dalam konteks penahu tempatan, terdapat beberapa istilah yang berbeza digunakan untuk merujuk kepada unsur keterangan ini. Nik Safiah Karim *et al.* (2010) telah menggunakan istilah keterangan yang menunjukkan fungsi tipikal kepada frasa sendi nama. Misalnya, Za'ba telah menggunakan istilah "penerang hal" yang merujuk kepada perkataan-perkataan yang meluaskan atau menerangkan "hal" atau predikat, manakala Asmah Haji Omar dan Abdullah Hassan mempunyai persamaan dengan menggunakan istilah adverba yang menduduki posisi gatra ajung.

3.5.3.2.1 Aplikasi Pandangan Van Valin Jr. & R.J LaPOlla, 1997

Walaupun dalam sesebuah ayat, kehadiran subjek dan predikat merupakan unsur yang paling penting untuk membina sesebuah ayat, namun kehadiran unsur lain seperti ajung dapat memastikan penghuraian dengan lebih lanjut dapat diperoleh pembaca atau pendengar. Dalam sesebuah ayat atau klausa terdapat beberapa struktur atau unit dalam ayat yang secara keseluruhannya dapat dibahagikan kepada dua, iaitu bahagian inti (*core)* dan bahagian sipian (*periphery*) (Van Valin Jr. & R.J LaPOlla, 1997:). Keadaan ini dapat dilihat pada rajah di bawah

TERAS (*CORE*)	SIPIAN (*PERIPHERY*)
Safi Sali berlari laju	di atas padang

Seperti yang dapat dilihat pada rajah di atas, unsur inti merupakan bahagian utama dalam ayat yang terdiri daripada subjek dan predikat sahaja, manakala unsur

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sipian berada pada bahagian di luar daripada inti. Pada contoh di atas, frasa *Safi Sali* (subjek) dan *berlari laju* (predikat) merupakan unsur teras dalam ayat dan frasa *di atas padang* yang menjadi unsur keterangan dalam ayat merupakan unsur sipian yang merupakan bahagian di luar inti. Dalam konteks ini, sipian merupakan bahagian yang bersifat opsyenal yang akan mengikuti predikat yang kadang kala diistilahkan sebagai ajung atau unsur keterangan (Maslinda Yusof, 2009: 51)

Menurut Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 128) gatra ajung ini mempunyai pergerakan yang bebas dalam ayat berdasarkan konteks kata sifat yang dibincangkan. Unsur penerang predikat boleh hadir pada bahagian akhir (lazim), tengah dan bahagian awal ayat. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

1) ***Dengan penuh teliti,*** emak menjahit baju kurung anaknya itu
2) Emak ***dengan penuh teliti*** menjahit baju kurung anaknya itu
3) Emak menjahir baju kurung anaknya itu ***dengan penuh teliti***

Berdasarkan contoh di atas, frasa “dengan penuh teliti” yang menduduki gatra ajung boleh hadir pada posisi awal, tengah dan akhir tanpa menjejaskan maksud asal ayat tersebut. Walaupun contoh ayat 1 dan 2 menunjukkan frasa ajung tersebut hadir dalam ayat teras tetapi frasa tersebut masih lagi merupakan unsur sampingan, iaitu boleh digugurkan tanpa menjejaskan maksud ayat.

2.5 Kesimpulan

Kebanyakan ahli bahasa telah membincangkan dan menghuraikan golongan kata ini sebagai golongan kata utama dan fungsinya dalam struktur sintaksis turut dibincangkan secara umum. Namun, kajian berkaitan subgolongan dan peranannya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

secara lebih jelas kurang dibincangkan oleh ahli bahasa ini. Walaupun terdapat ahli bahasa yang membincangkan berkaitan fungsi kata adverba ini, namun perbincangan yang dilakukan adalah bersifat umum dan tidak secara mendalam. Dapat dirumuskan bahawa fungsi frasa adverba adalah berkait rapat dengan konsep makna golongan kata ini dan atas dasar ini juga kebanyakan ahli bahasa lebih menghuraikan jenis berdasarkan kriteria semantik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan


Bab ini menjelaskan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam melakukan kajian terhadap kata adverba dan frasa keterangan. Pada bahagian ini akan diterangkan berkaitan reka bentuk kajian yang meliputi kaedah penyelidikan kepustakaan, pendekatan data korpus berkomputer dan prosedur pengeluaran data pengkaji semasa melakukan kajian ini. Bahagian ini juga memberi penekanan kepada data korpus berkomputer yang memberi penumpuan kepada aspek pemilihan teks, jumlah teks, dan saiz data serta perkaitan antara kajian pengkaji dengan peranti *antconc,* senarai kata dan konkordans. Metodologi merupakan perkara penting yang perlu diberi perhatian kerana metodologi yang tepat akan melancarkan proses menemui jawapan kepada permasalahan kajian untuk penyelidikan ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.2 Reka bentuk kajian

Kajian ini akan menggunakan gabungan dua kaedah, iaitu kaedah penyelidikan kepustakaan dan pendekataan data korpus berkomputer. Kaedah penyelidikan kepustakaan dan pendekatan data korpus yang digunakan akan saling menyokong dan mengukuhkan antara satu sama lain sebagai satu metodologi yang mantap dan sesuai dengan kajian ini. Aliran reka bentuk kajian yang digunakan dapat dilihat dengan jelas berdasarkan gambar rajah seperti berikut:




Rajah 3.1: Aliran Reka Bentuk Kajian

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.2.1 Kaedah Penyelidikan Kepustakaan

Secara umunya, kaedah kepustakaan yang digunakan oleh pengkaji akan melalui dua tahap, iaitu sebelum penyelidikan bermula dan semasa penyelidikan. Kaedah penyelidikan kepustakaan telah digunakan oleh pengkaji sejak awal penyelidikan ini bagi memahami dengan jelas kata adverba dalam bahasa Melayu. Kaedah penyelidikan kepustakaan yang digunakan dalam kajian ini dapat dijelaskan seperti rajah di bawah:



Rajah 3.2: Aliran Kaedah Penyelidikan Kepustakan

Dalam konteks penyelidikan ini, pengkaji akan meneliti sumber primer daripada ahli bahasa awal hingga yang terkini seperti Zainal Abidin Ahmad (2000), Asraf Abdul Wahab (2007), Asmah Haji Omar (2008), Nik Safiah Karim Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008), Abdullah Hassan(2006), Liaw Yock Fang *et al.* (1994) dan Arbak Othman (1981). Selain itu, penelitian tidak hanya dilakukan terhadap sumber primer yang dihasilkan oleh ahli bahasa tempatan, sebaliknya hasil penulisan daripada penulis luar juga diteliti seperti Sutan Takdir Alisjahbana (1986) Hassan Alwi *et al.* (1988) dan C.A

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Mees (1969). Penelitian sumber penulisan daripada tokoh ini penting memandangkan setiap ahli bahasa ini mempunyai pandangan tersendiri berkaitan kata adverba dan keadaan ini membolehkan pengkajian ini benar-benar bersifat ilmiah.

3.2.2 Data Korpus Berkomputer

Data korpus berkomputer merupakan perkembangan kajian bahasa dalam dunia moden yang memanfaatkan kemajuan teknologi komputer. Seperti yang diperkatakan pada bahagian *Tinjauan Literatur*, data korpus dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu data yang dibangunkan oleh badan tertentu sebagai kemudahan umum pengkajian bahasa dan data yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji bahasa. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan data korpus yang dibangunkan sendiri berdasarkan keperluan kajian yang dilakukan ini. Menurut Norliza Haji Jamaluddin (2011), kajian yang membina data korpus berkomputer dalam saiz yang kecil untuk meneliti aspek bahasa tertentu bergantung kepada tujuan kajian. Secara keseluruhannya terdapat tiga aspek penting yang perlu diambil kira untuk membangunkan data korpus, iaitu:

1) Pemilihan Teks
2) Jumlah Teks yang memadai untuk sesuatu kajian
3) Saiz Data Korpus yang perlu dibangunkan

(Biber, 1993: 243-257 dan McEnery, Xiao dan Tono. 2006: 125 dalam Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 77).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.2.2.1 Pemilihan Teks

Menurut Norliza Hj Jamaluddin (2011:77) terdapat dua kriteria utama dalam menentukan bahan dalam data korpus, iaitu:

i. Kriteria Luaran - tujuan kajian dan genre

ii. Kriteria Dalaman - taburan ciri-ciri linguistik

Kedua-dua kriteria ini boleh digunakan dalam menentukan jenis teks atau bahan yang akan digunakan sebagai data korpus. Kriteria luaran merujuk kepada genre dan tujuan kajian serta keadaan ini berbeza-beza untuk setiap kajian yang dilakukan pengkaji. Kriteria dalaman pula merujuk kepada taburan ciri-ciri linguistik. Kriteria dalaman, iaitu tujuan kajian dan genre menjadi kriteria utama dalam penentuan jenis teks (Johansson dan Oksefjell, 1996; Suad Awab, 1999 dan Yuanwen, 2002 dalam Norliza Hj. Jamaluddin, 2011: 77).

Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan golongan kata adverba sebagai tujuan kajian. Justeru, pemilihan genre teks yang dipilih perlu mempunyai kekerapan dan taburan kehadiran adverba yang tinggi dalam teks yang dipilih. Sebenarnya, kajian yang meneliti golongan kata dan kaitannya dengan teks atau genre masih belum dilakukan terhadap bahasa Melayu. Bagaimanapun, bagi bahasa Inggeris, bahasa Russia dan beberapa bahasa yang lain, kajian perkaitan antara kekerapan golongan kata dengan sesuatu genre telah dilakukan (Norliza Hj Jamaluddin, 2011, 78). Berdasarkan kajian oleh Hoffmann (1985) dan Nakamura (1991 dalam Norliza Hj. Jamaluddin, 2011) yang meneliti frekuensi golongan kata dalam sesebuah teks mendapati bahawa kata nama, kata sifat dan kata sendi mempunyai kekerapan yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

tinggi dalam genre sains, manakala kata kerja, kata adverba dan kata ganti nama banyak terdapat dalam genre yang bersifat imaginasi.

Bertitik tolak daripada kajian tersebut, kajian yang melibatkan golongan kata adverba ini akan menjadikan genre bersifat imaginatif atau sastera sebagai teks kajian. Oleh itu, sebanyak tiga buah novel yang digunakan sebagai teks dalam Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) tingkatan lima akan dijadikan sebagai teks kajian. Dalam konteks ini, teks sastera merupakan karya yang bersifat imaginatif di dalamnya menceritakan pelbagai situasi berdasarkan jalan cerita yang dibina oleh pengarang. Justeru, penggunaan kata yang pelbagai akan digunakan oleh pengarang untuk menerangkan setiap sudut penceritaan dalam karyanya.

3.2.2.2 Jumlah Teks

Dalam konteks pemilihan teks bahan korpus ini, pengkaji telah menetapkan penggunaan bahan korpus daripada teks yang digunakan dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu, iaitu 3 buah novel KOMSAS akan digunakan sebagai sumber data kajian.

1. *Kembara Amira* (Amer Hmzah L.Kadir, 2010)
2. *Sutera Dalam Lukisan* (Abd. Talib Hassan, 2010)
3. *Kabus Di Perbukitan* (Mohamad Kholid Hamzah, 2010)

Ketiga-tiga novel ini telah dipilih sebagai bahan KOMSAS yang dimasukkan di dalam sukatan pelajar tingkatan lima. Selain itu, Pemilihan data kajian ini dipilih dengan melihat justifikasi bahawa bahan ini telah dijadikan sebagai teks sukatan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

pelajaran tingkatan 5 dan dihasilkan oleh novelis yang mempunyai pengetahuan penulisan yang baik serta bahan ini melalui proses saringan yang teliti bagi memastikan teks ini benar-benar sesuai untuk digunakan sebagai teks dalam pengajaran dam pembelajaran sekolah di seluruh Negara. Walaupun, secara keseluruhan terdapat empat buah novel tingkatan 5, namun pengkaji hanya mengambil tiga buah novel yang dinyatakan sahaja dan tidak memilih novel *Konserto Terakhir* karya Abdullah Husain. Hal ini demikian kerana kajian tatabahasa tidak memerlukan data yang besar kerana akan membawa kepada data dan pola yang berulang-ulang. (lihat 3.2.2.3)

3.2.2.3 Saiz Data Korpus

Dari segi saiz, data korpus yang dibina daripada tiga buah karya imaginatif ini mengandungi sejumlah 148,785 patah perkataan. Jadual yang berikut menyenaraikan bilangan token yang terdapat dalam setiap teks.

Jadual 3.1

Senarai Token Mengikut Teks

Bil.	Teks	Jumlah Perkataan
1.	Kembara Amira	57 947
2.	Sutera Dalam Lukisan	44 743
3.	Kabus Di Perbukitan	45 095
	JUMLAH	**148 785**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam kajian untuk penelitian adverba ini, pengkaji akan membangunkan data kajian dalam lingkungan jumlah antara 100 000 hingga 150 000 perkataan. Walaupun, jumlah ini dianggap kecil dan tidak mencapai jumlah jutaan kata atau berkapasiti besar, namun dalam kajian yang dilakukan oleh Knowles dan Zuraidah Mohd. Don (2006), Norliza Jamaluddin (2011) dan Maslinda Yusof (2009) yang menggunakan data dalam lingkungan tersebut telah membuktikan bahawa jumlah data tersebut dilihat memadai dan berupaya membekalkan data dalam menghuraikan aspek bahasa. Selain itu, kajian bertajuk *Modal Verb in English* oleh Coates yang menggunakan sejumlah 1 725 000 data telah berjaya menemui dapatan kajiannya dan begitu juga dengan kajian Mindt (1995) yang menggunakan data sebanyak 80 000 kata (Meyor, 2002). Keadaan ini juga membolehkan pengkaji mengawal data semasa analisis dilakukan. Selain itu, kajian ini bukan bersifat kuantitatif yang mengkaji jumlah kekerapan tetapi kajian ini lebih mementingkan kepada melihat fenomena dan perilaku bahasa, iaitu kata adverba dalm struktur penerang dan keterangan bahasa Melayu.


Jumlah ini dianggap sebagai sesuatu yang relevan, kerana jumlah baris yang terlalu banyak juga akan mewujudkan pemaparan data yang berulang-ulang dan keadaan ini akan memberikan data yang tidak signifikan terhadap kajian pengkaji. Sebaliknya, jika jumlah baris yang dikeluarkan terlalu sedikit akan membawa keadaan kekurangan data-data yang signifikan. Selain itu, proses penyediaan data korpus turut melalui beberapa proses secara manual seperti mengumpulkan teks dan menukar format teks daripada *microsoft word* kepada format *plan text*. Oleh itu, proses ini memerlukan jangka masa yang agak lama, justeru saiz ini dilihat sesuai berdasarkan faktor tersebut selain dapat mengurangkan risiko kesilapan data.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

3.2.3 Peranti *Antconc*

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan perisian *Antconc* yang boleh dimuat turun melalui sistem rangkaian internet. Perisian ini merupakan sejenis alat peranti yang boleh digunakan dalam penyelidikan berasaskan data korpus berkomputer dan perisian ini boleh diprogramkan untuk sistem window, Mac OS X dan Linux yang dihasilkan oleh Laurence Anthony dari Universiti Waseda Jepun untuk kemudahan penyelidikan pelbagai bahasa (Rain Shaari, 2011).



Imej ikon klik alat peranti *Antconc*

Paparan awal alat peranti *Antconc*

Rajah 3.3: Peranti *Antconc*

Dalam kajian ini, pemilihan alat peranti ini dilihat sesuai berdasarkan ciri-ciri asas data korpus yang dimiliki, iaitu :

1) *Wordlist* – senarai perkataan dan kelompok perkataan dalam teks
2) *Concordance* – penjanaan konkordans yang membolehkan perkataan dilihat dalam konteks


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dua ciri di atas dilihat memadai untuk menampung keperluan kajian ini. Justeru, kaedah pengendalian kedua-dua kemudahan yang digunakan untuk kajian adverba dalam struktur penerang dan keterangan akan diterangkan dengan lebih terperinci berdasarkan prosedur kerja pengkaji.

3.2.3.1 Senarai Kata (*WordList*)

Ciri ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan perkataan-perkataan yang terdapat dalam teks yang dipilih berserta taburan atau frekuensinya. Dalam konteks ini, peranti Antconc yang digunakan membantu pengkaji dengan menyenaraikan semua perkataan yang terdapat dalam tiga buah teks KOMSAS tersebut dan melalui *wordlist* ini, pengkaji akan mengeluarkan semua perkataan golongan kata utama, iaitu kata kerja, kata sifat dan kata nama untuk membolehkan pengkaji mengeluarkannya dalam bentuk baris-baris konkordans. Berikut merupakan beberapa contoh senarai kata daripada data korpus yang telah dibangunkan



Rajah 3.4: Senarai Kata (*Wordlist*)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada contoh di atas memperlihatkan peranti yang digunakan telah menyediakan senarai kata (*wordlist*) untuk maklumat kepada pengkaji. Daripada maklumat tersebut, pengkaji akan mengasingkan kata dasar yang wujud dalam ketiga-tiga teks yang dikaji untuk dimasukkan dalam senarai perkataan pengkaji yang akan dilihat dalam konkordans, manakala kata terbitan untuk golongan kata utama seperti kata kerja, kata adjektif dan kata nama tidak akan dikeluarkan melalui senarai kata, sebaliknya akan terus dilihat dalam baris-baris konkordans dengan menjana melalui lambang (*), contohnya, *me*, ber*, ter** dan *di**

3.2.3.2 Konkordans

Melalui maklumat yang diperolehi daripada *wordlist* untuk kata dasar bagi setiap golongan kata utama, konkordans dijana untuk meneliti taburan adverba dalam teks yang dipilih. Selain itu, seperti yang diperkatakan pada 3.2.3.1 , kata terbitan akan terus dilihat melalui janaan baris-baris konkordan dengan lambang (*). Melalui perisian *Antconc,* jumlah konteks kiri dan kanan ditentukan dalam bentuk jumlah abjad dan bukan dalam bentuk jumlah perkataan. Justeru, kira-kira 15-20 abjad, iaitu antara empat hingga lima perkataan dihadkan untuk setiap konteks kiri dan konteks kanan kata kunci dalam penelitian adverba untuk kedua-dua struktur.

Seperti kebiasaan perisian data korpus yang lain, peranti ini juga membolehkan pengkaji melakukan proses pengisihan data, sama ada isih kiri atau isih kanan. Proses pengisihan akan memudahkan pengkaji kerana perkataan pada konteks kiri atau kanan akan disusun mengikut urutan abjad. Berikut merupakan contoh data yang telah melalui proses pengisihan data pada konteks kiri.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F



Kembali | Muat Turun Keputusan

	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan	Maklumat Artikel/Bahan
11	... angkasawan di angkasa **adalah**	pantas	tetapi kelihatan perlahan kerana ...	*Tiungsat kini stabil beroperasi tanpa perlu.* Na
12	... permainan bola jaring **adalah**	pantas	dan dimainkan secara berkumpulan ...	Haryani Ngah. *Mahkota remaja Asia ubah hal*
13	... keupayaan memindah datanya **adalah**	pantas	, dan ia sangat ...	*U Series 5 berprestasi.* Teknologi Maklumat da
14	... itu dan pergerakannya **adalah**	pantas	sehingga mencapai kelajuan 30,000 ...	Dr Azmi Hassan. *Perlumbaan senjata angkasa*
15	**Adam**	pantas	menyampuk: "Kasihan, tengoklah muka ...	Zainudin Isa. *Ramai anak Champa berpenyaki*
16	Rentak awal **agak**	pantas	namun keadaan padang yang ...	ZAINUL AZHAR ASHARI. *P. Pinang hampa.* Su
17	... Jason yang bermain **agak**	pantas	dan memberi tentangan sengit ...	Rudy Sham Ab Raof. *Choon Hann juara Terbu*
18	Mesyuarat berakhir **agak**	pantas	kerana satu-satunya agenda ialah ...	Wan Hazmir Bakar. *'Saya percayakan Feng Sh*
19	... dipulihkan dalam tempoh **agak**	pantas	berbanding beberapa kejadian lalu.	Jamhariah Jaafar. *Bukan sabotaj tapi kejadian*
20	... pergerakan plot yang **agak**	pantas	dan dialog yang mencuit ...	Zainuri Misfar. *Anak Mami Kembali dijangka*

Rajah 3.5: Proses Pengisihan Data

Contoh di atas menunjukkan kata *pantas* telah dikeluarkan dalam bentuk baris-baris konkordans dan melalui pengisihan kiri kata kunci. Dalam konteks ini, kata *pantas* akan ditentukan kehadirannya sama ada dalam gatra penerang atau gatra keterangan. Berdasarkan kemudahan konkordans yang dimiliki oleh peranti ini, kata adverba dan perilakunya dapat dilihat dan dianalisis dengan mudah dalam konteksnya. Selain itu, antara sebab penting pengkaji memilih untuk membangunkan data sendiri ialah dengan menggunakan perisian ini kerana keperluan kajian yang memerlukan pengkaji menganalisis keterangan dalam binaan ayat yang lengkap dan bukannya dalam bentuk baris-baris konkordans. Kemudahan inilah yang disediakan oleh alat peranti ini.

3.3 Prosedur Penggunaan Data


Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan secara umum tentang kaedah mengeluarkan data daripada peranti *Antconc*. Data korpus yang dibangunkan oleh pengkaji adalah bersifat khusus dengan menggunakan perisian *Antconc*. Perisian yang digunakan mengandungi kemudahan seperti senarai kata dan konkordans seperti yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

diterangkan pada 3.2.3.1 dan 3.2.3.2 yang menjadi asas kepada penyelidikan bahasa berasaskan data korpus.

Pada permulaan dalam membangunkan data, pengkaji perlu memuat turun terlebih dahulu alat peranti korpus *Antconc* yang boleh diperolehi secara percuma melalui laman web yang menyediakan kemudahan muat turun peranti ini yang boleh ditemui dengan mudah melalui enjin carian *google.com*. Proses memuat turun alat peranti ini perlu mengikut prosedur yang ditetapkan sehingga terpapar ikon peranti ini pada paparan *desktop* komputer. Berikut merupakan imej ikon dan paparan alat peranti ini:




Rajah 3.6: Paparan Awal Peranti Data Korpus

Setelah imej ikon peranti ini terpapar pada skrin desktop dan sedia untuk diklik, paparan awal seperti rajah di atas akan terpapar. Dalam konteks ini, alat peranti ini sedia untuk diakses bagi tujuan kajian pengkaji. Untuk langkah permulaan dalam mengendalikan data, pengkaji terlebih dahulu perlu memasukkan kesemua bahan atau

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

teks yang telah diubah formatnya kepada *plain text* ke dalam alat peranti ini dengan mengklik pada butang <*file*> dan seterusnya <*open file*> untuk membuka fail simpanan data atau teks pengkaji. Keadaan ini dapat dilihat pada rajah di bawah:




Rajah 3.7: Paparan Fail Simpanan Data

Setelah proses membawa masuk kesemua teks pengkaji selesai, barulah pengkaji boleh memperoleh dan mengaskes data kajian yang diinginkan mengikut keperluan kajian. Alat peranti ini menyediakan tiga ciri asas yang menjadi keperluan untuk kepada pengkaji sepanjang tempoh memperoleh data, iaitu:

1. **Kata Kunci** – Kemudahan ini merujuk kepada kata-kata tertentu yang digunakan untuk membuat capaian berdasarkan data yang diinginkan oleh pengkaji. Ruangan carian berdasarkan kata kunci dapat dilihat seperti rajah di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P




Rajah 3.8: Paparan Ikon mengakses Data

Kemudahan pencarian melalui kata kunci ini boleh dibuat dengan menggunakan pelbagai teknik, selari dengan maklumat yang ingin diperoleh pengkaji, iaitu melalui kata kunci penuh atau melalui simbol bebas. Pencarian melalui kata kunci penuh dapat dicapai dengan menaip penuh kata tersebut pada ruangan kata kunci, manakala melalui penggunaan simbol bebas dapat dilakukan dengan meletakkan simbol "*" (mewakili satu aksara atau lebih) dan "?" (mewakili satu aksara) pada ruangan carian.

2. **Senarai kata** – Kemudahan ini merujuk kepada hasil statistik berkaitan teks yang dijadikan data korpus. Dalam erti kata yang lain, pengkaji dapat memperolehi bilangan keseluruhan kata dan kekerapan kata. Contoh kemudahan ini dapat dilihat seperti rajah di bawah:


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F



Rajah 3.9: Paparan Senarai Kata

3. **Konkordans** - Konkordans ialah himpunan kehadiran sesuatu bentuk kata dengan setiap bentuk kata mempunyai lingkungan teksnya yang tersendiri. Proses capai tamat dengan memaparkan baris-baris konkordans berdasarkan kata yang diinginkan oleh pengkaji, iaitu kata adverba. Kata yang ingin dikaji akan tersusun di tengah-tengah seperti contoh rajah di bawah, iaitu kata "cerita" terpapar dan terisih ditengah-tengah baris.



Rajah 3.10: Paparan Data Dalam Bentuk Konkordans

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Data yang diperolehi boleh melalui beberapa proses pengisihan sama ada kanan atau kiri. Proses pengisihan seperti ini dapat memudahkan pengkaji kerana perkataan pada isih kira pertama telah disusun secara automatik mengikut susunan abjad. Setelah korpus yang dikehendaki siap dijana, pengkaji boleh menyimpan data tersebut melalui kaedah *copy* dan *paste*.

3.4 Kesimpulan

Data korpus berkomputer merupakan pendekatan yang dipilih untuk mengkaji fungsi adverb dalam struktur penerang dan keterangan. Korpus yang digunakan ini melibatkan data korpus yang dibangunkan oleh pengkaji dengan menggunakan peranti *Antconc* yang boleh dimuat turun secara percuma dalam talian. Jumlah data yang meliputi 150 000 kata dilihat memadai dalam kajian tatabahasa kerana kajian ini bukan bersifat kuantitatif.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 4

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menerangkan hasil analisis adverba pada fungsi penerang dan keterangan serta menjawab tujuan kajian yang telah dinyatakan pada bahagian awal kajian ini. Dalam konteks ini, kebanyakan ahli bahasa telah meletakkan pendirian berkaitan fungsi adverba yang menerangkan beberapa golongan kata yang lain. Justeru, kajian ini akan melihat fungsi golongan kata ini berdasarkan data daripada penutur natif yang dianalisis untuk memperlihatkan perilaku sebenar kata adverba terutama pada fungsi penerang dengan mengenal pasti pola yang wujud untuk setiap fungsi berdasarkan penelitian terhadap data korpus berkomputer.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan tinjauan awal data korpus yang dikeluarkan, kata sifat merupakan golongan kata yang paling kerap menjalankan fungsi adverba dalam struktur penerang kepada golongan kata tertentu. Hal ini demikian sangat berkait rapat dengan fungsi tipikal golongan kata tersebut. Namun, dalam bahagian ini juga, kajian ini akan menunjukkan golongan kata lain yang turut menjalankan fungsi sebagai adverba pada struktur penerang dan keterangan.

4.2 Adverba Dalam Struktur Penerang

Pada bahagian ini, kajian ini akan menjawab tujuan kajian yang pertama dengan memberi penumpuan kepada aspek penerang seperti yang dinyatakan pada bahagian 1.3. Justeru, bahagian ini akan meliputi perbincangan seperti berikut:


1) Kata Inti yang diterangkan oleh Adverba
2) Golongan Kata Yang berfungsi Sebagai Adverba dan Posisinya

4.2.1 Aspek Kata Inti

Seperti yang diperjelas sebelum ini, penerang bererti sesuatu kata diletakkan di dalam sesuatu struktur yang telah mempunyai kata inti di dalamnya dan di sini penerang merupakan unsur tambahan kepada struktur tersebut (Knowles dan Zuraidah Mohd Don dalam Norliza Hj Jamaluddin, 2011: 41). Berdasarkan tinjauan data korpus, struktur ini dapat digambarkan seperti rajah di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F




Rajah 4.1: Struktur Frasa Inti

Dalam konteks ini, adverba secara tipikalnya akan berada dalam struktur penerang yang akan menerangkan golongan kata selain daripada kata nama inti (lihat 3.5.3.1). Antara kata inti yang ditemukan dalam analisis data korpus adalah seperti berikut:

1) Kata Kerja Sebagai Inti Frasa
2) Kata Sifat Sebagai Inti Frasa

Secara umumnya, golongan kata kerja merupakan golongan kata yang paling kerap menjadi unsur inti yang diterangkan oleh adverba dalam struktur penerang. Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas pada peratusan perbezaan di bawah:

Carta 4.1: Perbezaan Peratusan Kata Inti




UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.1.1 Kata Kerja Sebagai Inti Frasa

Secara relatifnya, kata adverba sangat berkait rapat dengan kata kerja, iaitu berfungsi sebagai penerang. Perkara yang disepakati oleh semua ahli bahasa berkaitan fungsi adverba adalah kehadiran adverba yang menerangkan kata kerja. Seperti yang dibincangkan pada bab 2, fungsi adverba yang tidak boleh dinafikan adalah sebagai penerang kepada kata kerja. Namun demikian, untuk membincangkan fungsi adverba yang menerangkan kata kerja, kajian ini harus melakukan pemisahan yang jelas antara adverba, objek dan pelengkap yang turut hadir dalam komponen frasa kerja. Hal ini demikian penting untuk menunjukkan perbezaan adverba dengan dua gatra tersebut. Justeru, perbezaan tersebut akan dihuraikan terlebih dahulu.

Pertama, perbezaan adverba dan objek dapat dilihat menerusi definisi kedua-duanya. Objek dapat didefinisikan sebagai kata atau frasa nama yang hadir untuk melengkapkan kata kerja transitif dalam binaan frasa kerja (Nik Safiah Karim Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa dan Abdul Hamid Mahmood, 2008: 386). Menurut Asmah Haji Omar (2008: 281), objek merupakan salah satu gatra yang wujud dalam struktur ayat:



(Asmah Haji Omar, 2008: 281)

Secara umumnya, objek dan adverba hadir dalam struktur binaan frasa kerja dan kedua-duanya mempunyai perbezaan yang jelas. Kerumitan mungkin timbul apabila kata nama boleh berfungsi sebagai objek dan adverba. Kata nama sebagai penerang yang mengikuti kata kerja bukan sebagai objek kerana ayat yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

mengandunginya tidak boleh dipasifkan, sebaliknya objek yang berada dalam frasa kerja boleh melalui proses pasif. Hal ini demikian kerana salah satu bentuk pengujian sama ada kata nama tersebut merupakan objek atau tidak adalah melalui proses pasif. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

Pelajar itu *membaca buku*

Pemain itu *berjalan kaki*

Pada contoh di atas dapat dilihat perbezaan antara objek dan adverba, iaitu *buku* pada contoh di atas berfungsi sebagai objek kerana boleh dipasifkan menjadi *Buku dibaca oleh pelajar itu*, manakala *kaki* merupakan adverba kerana tidak boleh dipasifkan. Menurut Nik Safiah Karim *et al.* (2008: 389) keadaan ini dapat menentukan jenis kata kerja dalam frasa tersebut sama ada kata kerja transitif (objek) atau kata kerja tak transitif (adverba).

Kedua, adverba dan pelengkap dilihat mempunyai ciri yang hampir mirip. Kedua-duanya akan mengikut kata kerja tak transitif dalam binaan frasa kerja. Dalam konteks ini, perbezaan kedua-duanya dapat dilihat melalui proses pengguguran. Hal ini demikian kerana adverba merupakan gatra yang bersifat optional atau pilihan, iaitu boleh melalui proses pengguguran. Sebaliknya, pelengkap merupakan unsur yang wajib hadir kerana pelengkap berfungsi melengkapkan kata kerja dan ketiadaan pelengkap akan membawa kejanggalan makna kepada frasa kerja tersebut. Contoh:

Wanita itu *berbuat baik*

Wanita itu *berjalan laju*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada contoh di atas memperlihatkan perbezaan yang jelas antara adverba dan pelengkap. Perkataan *baik* pada contoh di atas berfungsi sebagai pelengkap kerana merupakan unsur yang wajib hadir untuk melengkapkan kata kerja, manakala *laju* berfungsi sebagai adverba kerana bersifat pilihan dan boleh digugurkan. Selain itu, kedua-dua gatra ini dilihat hadir dengan kata kerja tak transitif.

Seperti yang diketahui, pelengkap dan objek hadir dalam jenis kata kerja yang berbeza, iaitu pelengkap akan hadir bersama-sama kata kerja tak transitif, manakala objek akan hadir bersama-sama kata kerja transitif. Dalam konteks ini, berdasarkan tinjauan data korpus berkomputer adverba secara lazimnya hadir dalam frasa kerja yang intinya jenis kata kerja tak transitif. Dalam erti kata yang lain, adverba boleh hadir dalam frasa yang intinya kata kerja tak transitif.

Adverba yang berfungsi untuk menerangkan kata kerja hadir dalam binaan frasa kerja. Dalam bahasa Melayu, frasa kerja boleh terdiri daripada kata kerja inti yang hadir bersama-sama unsur seperti objek, pelengkap dan adverba. Kata kerja inti merupakan unsur wajib yang perlu hadir dalam frasa tersebut, manakala objek, pelengkap dan adverba hadir dalam struktur mengikut jenis kata kerja yang hadir. Secara keseluruhan, rumus ringkas frasa kerja dapat dilihat seperti rajah di bawah:


Frasa Kerja : Kata kerja inti + objek @ pelengkap @ (adverba)

Berdasarkan rumus sintaksis di atas, objek dan pelengkap merupakan unsur wajib dalam frasa kerja yang ditentukan mengikut jenis kata kerja yang hadir, sebaliknya kehadiran adverba yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja inti hadir sebagai unsur pilihan yang boleh digugurkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam kajian ini unsur objek dan pelengkap tidak akan dibincangkan dan hanya adverba sahaja yang akan dilihat secara terperinci untuk menjawab tujuan kajian yang dinyatakan pada bab 1. Adverba dalam frasa kerja akan berada pada posisi penerang kata yang hadir bersama-sama sesuatu kata inti untuk meluaskan makna bagi kata yang diterangkan itu dan penerang disifatkan sebagai unsur tambahan dalam struktur frasa inti. Struktur asas untuk adverba yang berada dalam frasa kerja dapat dilihat menerusi rajah di bawah:



Rajah 4.2: Struktur Frasa Kerja

Berdasarkan kepada rajah ini, adverba akan mengisi gatra penerang dan gatra ini lazimnya terletak selepas gatra kerja, namun berdasarkan kesesuaian tertentu, sesetengah adverba boleh berubah posisinya. Dalam data korpus yang dikaji, berikut merupakan contoh perkataan yang menjalankan fungsi adverba sebagai penerang

1. "Bukan saja nama aku, nama ayah Itai pun lima huruf juga. Nama O'Hara juga lima huruf juga. Abang Rusdi juga lima huruf!" Amira *menjawab* *pantas*.
2. Sayang tunggu di sini, mungkin mereka menunggu di luar." Benny *berjalan* *pantas* menuju pintu utama
3. Setelah *berbual* *panjang,* akhirnya pak imam menyatakan hajat dan tujuannya

Berdasarkan contoh di atas, perkataan *pantas* dan *panjang* telah berfungsi sebagai adverba kerana hadir sebagai penerang selepas kata kerja inti dalam frasa

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kerja, iaitu *menjawab*, *berjalan* dan *berbual*. Dalam konteks yang lebih terperinci, kata kerja yang diterangkan oleh adverba boleh terdiri daripada pelbagai bentuk, iaitu

a) Kata Kerja Dasar + Kata Adverba

cakap banyak

bayar balik

Dalam pola ini, kata kerja ini terdiri daripada kata dasar yang tidak menerima sebarang bentuk imbuhan. Sifat bahasa Melayu yang aglutinatif menyebabkan pola kata kerja inti yang berbentuk dasar dilihat kurang produktif dalam data korpus yang dibina. Hal ini disebabkan kata kerja terbitan sering memonopoli dalam konteks kehadiran dalam struktur predikat

b) Kata Kerja dengan imbuhan *meN-* + Kata Adverba

mengalir *deras*

merenung *jauh*

Pola ini menunjukkan bahawa frasa kerja diisi oleh kata kerja inti dengan imbuhan awalan *meN-*. Dalam konteks ini, imbuhan *meN-* merupakan imbuhan untuk kata kerja aktif. Adverba boleh hadir dalam frasa yang mengandungi kata kerja tak transitif, maka unsur penerang tersebut boleh hadir sama ada dengan pelengkap atau tanpa pelengkap.

c) Kata Kerja dengan imbuhan *teR-* + Kata Adverba

terpisah *jauh*

terlajak *jauh*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam pola ini, imbuhan ter-" merupakan imbuhan kata kerja yang hadir dalam binaan sebagai kata kerja inti.

d) Kata Kerja dengan imbuhan *di-* + Kata Adverba

di<u></u>potong *halus*

di<u></u>hantar *balik*

Berdasarkan kepada contoh di atas, kata sifat yang hadir untuk menerangkan kata kerja merangkumi kata kerja pasif. Kata kerja ini digunakan bagi menerangkan perbuatan yang terkena kepada diri pelaku. Hal ini demikian kerana, menurut Abdullah Hassan & Ainon Mohd (1994: 167) kata kerja pasif merupakan perbuatan yang terkena kepada pelaku dan kata kerja tak transitif merujuk kepada kata kerja yang tidak terkena kepada pelaku.

e) Kata Kerja dengan imbuhan *beR-* + Kata Adverba

ber<u></u>cakap *banyak*

ber<u></u>tukar *ceria*

Berdasarkan tinjauan data korpus yang dilakukan, fungsi kata adverba sebagai penerang lazimnya hadir selepas kata kerja terbitan yang berawalan *beR-*. Menurut Nik Safiah Karim *et.al* (2010) imbuhan awalan *beR-* merupakan salah satu daripada imbuhan kata kerja selain daripada imbuhan *meN-*, *ter-*, *diper-* dan sebagainya. Secara relatifnya, bentuk-bentuk kata kerja inilah yang menjadi inti dalam frasa kerja yang diterangkan oleh adverba yang berfungsi sebagai penerang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.1.2 Kata Sifat Sebagai Inti Frasa

Kebanyakan ahli bahasa bersependapat bahawa kata sifat merupakan golongan kata yang menjalankan fungsi tipikal sebagai penerang nama. Sulaiman Masri *et al.* (2007) menyatakan bahawa golongan kata ini menerangkan nama dalam struktur frasa nama. Namun, dalam kajian berdasarkan tinjauan dan analisis data korpus yang dilakukan oleh Norliza Hj. Jamaluddin (2011) mendapati bahawa kata sifat menjalankan tiga fungsi utama dalam struktur sintaksis, iaitu:

1. Kata Sifat sebagai penerang
2. Kata Sifat sebagai predikat
3. Kata Sifat sebagai penerang predikat (keterangan)

Definisi kata sifat yang diguna pakai oleh beliau menunjukkan bahawa kata sifat menjalankan fungsi penerang nama sebagai fungsi tipikal dan tugas lainnya dalam struktur sintaksis. Kata sifat dalam bahasa Melayu dilihat berupaya untuk membentuk frasanya sendiri atau dalam erti kata yang lain dapat menjadi inti dalam binaan frasanya (Nik Safiah Karim *et al.,* 2008). Keupayaan kata sifat bahasa Melayu yang menjadi inti dapat menjalankan fungsi predikat. Fungsi kata sifat yang pelbagai inilah yang membolehkan adverba tidak hanya menerangkan kata kerja tetapi turut menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata sifat. Hal ini telah membezakan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris yang predikatnya hanya diisi oleh frasa kerja.


Berdasarkan tinjauan data korpus yang dilakukan, adverba dalam bahasa Melayu turut berfungsi sebagai penerang kepada kata sifat. Hal ini disebabkan keupayaan golongan kata ini menjadi inti dalam binaan frasa dan turut menjalankan fungsi predikat. Secara keseluruhannya, perbezaan yang ditunjukkan pada carta 4.1 di

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

atas memperlihatkan adverba turut menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata sifat. Namun, dari segi jumlah peratusan, adverba yang menerangkan kata kerja mempunyai jumlah yang besar dalam analisis data korpus yang dilakukan. Hal ini sangat berkait rapat dengan fungsi tipikal adverba yang menerangkan kata kerja.

Pola adverba dalam struktur frasa sifat mempunyai bentuk yang hampir sama dengan adverba dalam frasa kerja. Struktur asas untuk adverba yang berada dalam frasa sifat dapat dilihat menerusi rajah di bawah:



Rajah 4.3: Struktur Frasa Sifat

Dalam struktur aliran frasa sifat, adverba dalam struktur penerang akan hadir bersama-sama dengan kata sifat inti. Dalam konteks ini juga, penerang dilihat boleh diisi oleh tiga golongan kata utama, iaitu kata kerja, kata sifat dan kata nama. Berdasarkan tinjauan data korpus, terdapat dua bentuk pola utama yang berjaya ditemui, iaitu:

a) Kata Sifat Dasar + Kata Adverba
b) Kata Sifat berawalan *beR-* + Kata adverba

Kata sifat dalam binaan frasa sifat yang dapat hadir bersama-sama penerang dapat hadir dalam dua bentuk, sama ada kata sifat dasar atau kata sifat terbitan dengan imbuhan *ber-* . Dalam pola pertama (a), kata sifat inti terdiri daripada kata dasar yang tidak menerima sebarang bentuk imbuhan. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

cepat belajar keras kepala

kuat ketawa manis muka

Pola kedua menunjukkan kata sifat inti diisi oleh kata terbitan berawalan *beR-*. Imbuhan *beR-* dalam bahasa Melayu lazimnya merupakan imbuhan yang membentuk kata terbitan dalam golongan kata kerja. Dalam konteks pola ini, imbuhan *beR-* akan bergabung dengan kata dasar yang terdiri daripada kata inti dan dikuti dengan gabungan kata adjektif pancaindera yang membentuk pola "*beR-* + Kata Inti + Kata Adverba". Imbuhan *ber-* tidak membawa pengertian kerja sepenuhnya, tetapi terdapat imbuhan ini yang membawa pengertian *sifat, pemilikan* dan *keadaan* sesuatu. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

beR- + bulu (KN inti) + lebat (Kata Adverba) = berbulu lebat

4.2.2 Golongan Kata Berfungsi Adverba dan Aspek Posisi

Bahagian ini akan melihat golongan kata yang menjalankan fungsi adverba dalam struktur penerang. Dalam konteks ini, perbincangan pada bahagian ini akan dibahagikan mengikut kata inti yang diterangkan oleh sesuatu adverba dalam struktur penerang. Selain itu, aspek posisi akan turut diterangkan bersama-sama aspek golongan kata yang berfungsi sebagai adverba untuk memperlihatkan kehadiran adverba dalam sesuatu posisi atau kedudukan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.2.1 Kata Sifat Sebagai Adverba

Dalam konteks ini, terdapat dua golongan kata yang diterangkan oleh kata sifat dan membentuk pola-pola seperti berikut:

1) Kata Kerja Inti + Kata Sifat
2) Kata Sifat Inti + Kata Sifat

4.2.2.1 .1 Kata Kerja Inti + Kata Sifat

Secara keseluruhannya, kata sifat merupakan golongan kata yang paling kerap menjalankan fungsi penerang kepada kata kerja. Dalam fungsi ini, kata sifat yang berfungsi adverba akan hadir sebagai penerang dengan berada bersama-sama dengan kata kerja inti. Berdasarkan analisis data korpus berkomputer, jumlah peratusan baris-baris konkordans yang memperlihatkan adverba dengan pola ini dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 4.1:

Jumlah Kata Sifat Sebagai Penerang Kata Kerja Dalam Baris Konkordans

Bentuk Kata Sifat	Jumlah	Peratusan (%)
Kata Dasar	**183**	**79.9**
Kata Terbitan	**46**	**20.1**
JUMLAH:	**229**	**100**

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas, kata sifat dasar dilihat lebih cenderung dan mempunyai peratusan yang tinggi untuk menjalankan fungsi sebagai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

adverba dalam struktur penerang yang menerangkan kata kerja, iaitu sebanyak 183 atau 79.9% baris konkordans yang ditemui daripada jumlah keseluruhan kata sifat yang ditemui dalam data korpus. Berikut merupakan contoh kata sifat dasar yang hadir selepas kata kerja

berjalan *lancar*	dipegang *erat*
berfikir *panjang*	dibawa *jauh*
memandu *terus*	disusun *kemas*

Pada contoh di atas memperlihatkan kata adjektif yang menjalankan fungsi sebagai adverba yang menerangkan kata kerja dalam bahasa Melayu, iaitu perkataan *lancar, panjang* dan *terus* yang merupakan kata adjektif telah berfungsi untuk menerangkan kata kerja *berjalan, berfikir* dan *memandu*. Dalam konteks ini juga, kata adjektif yang hadir lazimnya sebagai kata adjektif tunggal yang tidak mengalami sebarang proses penerbitan.

Dari segi posisi, kata adjektif yang hadir sebagai penerang bersama-sama kata kerja inti mempunyai beberapa kategori, iaitu terdapat adverba yang boleh berada pada posisi kanan serta kiri kata kerja inti tanpa mengubah maksud asalnya dan terdapat kata adverba yang hanya boleh berada pada salah satu posisi sahaja.

	Hadir di sebelah kanan Kata kerja	**Hadir di sebelah kiri Kata kerja**
i)	bercakap *banyak* (/)	*banyak* bercakap (/)
ii)	bertiup *lembut* (/)	*lembut* bertiup (/)
iii)	berdiri *tegak* (/)	*tegak* berdiri (/)
iv)	tersergam *indah* (/)	*indah* tersergam (/)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan kepada jadual di atas, kata sifat ini dikatakan boleh hadir bersama-sama di bahagian kanan atau di sebelah kiri kata kerja apabila makna yang terhasil dalam posisi yang berbeza membawa makna yang sama. Contohnya frasa "bercakap banyak" dan "banyak bercakap" yang membawa makna yang sama, iaitu seseorang yang mempunyai perilaku terlalu gemar berkata-kata. Makna itu juga bergantung kepada konteks ayat yang digunakan serta jenis kata kerja yang digunakan. Menurut Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 13) disebabkan penerang bertujuan untuk memperincikan lagi kata inti yang diterangkannya, maka kata sifat yang berfungsi sebagai penerang ini juga boleh mendahului kata kerja. Perbezaan dalam posisi kata sifat ini hanyalah sebagai penekanan atau fokus dalam waktu komunikasi yang berlaku.

Namun, terdapat juga beberapa konteks lain yang mempunyai makna yang berbeza walaupun posisi sesuatu kata sifat itu berlainan. Dalam konteks ini juga, kata sifat tidak boleh berada pada kedua-dua posisi kerana akan membawa dua kemungkinan, iaitu berlaku perubahan makna atau sememangnya tidak boleh berubah posisi.

Selepas Kata Kerja		**Sebelum Kata Kerja**	
i)	ketawa *kuat*	i)	*kuat* ketawa
ii)	bersuara *kuat*	ii)	*kuat* bersuara
iii)	*merakam *asyik*	iii)	*asyik* merakam
iv)	*memikul *gagal*	iv)	*gagal* memikul
v)	*meyakinkan *cukup*	v)	*cukup* meyakinkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pada contoh (i) dan (ii) dapat dilihat dengan jelas bahawa, adverba yang hadir bersama-sama kata kerja boleh berada pada kedua-dua posisi, namun posisi yang berlainan telah membawa makna yang berbeza, contohnya, frasa "ketawa kuat" dan "kuat ketawa" mempunyai perbezaan makna yang ketara, iaitu "kuat ketawa" merujuk kepada sifat seseorang yang suka bernyanyi, manakala "ketawa kuat" merujuk kepada nada nyanyi seseorang yang tinggi semasa suara dilontarkan. Contoh (iii), (iv) dan (v) memperlihatkan kehadiran adverba yang tidak boleh diubah posisinya dan jika berlaku perubahan posisi, maka frasa yang terhasil adalah tidak gramatis. Contohnya, kata adverba *cukup* dalam frasa *cukup meyakinkan* tidak boleh diubah posisinya.

Seperti yang diperlihatkan dalam jadual di atas, kata sifat terbitan turut menjalankan fungsi sebagai adverba pada struktur penerang kata kerja inti. Dalam konteks ini, kata sifat dengan imbuhan *beR-* dilihat memonopoli jumlah peratusan baris-baris konkordans yang ditemui. Berikut merupakan adverba kata sifat terbitan yang menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata kerja inti

memasak *bersama*	tidur *bernaung*
lari *bertempiaran*	tinggal *bersendirian*
duduk *berhadapan*	angguk *berulangan*

Seperti yang diperlihatkan pada contoh di atas, kata sifat yang berawalan *ber-*, iaitu *bersama, bertempiaran, berhadapan, bernaung, bersendirian* dan *berulangan* telah berfungsi sebagai adverba yang menerangkan kata kerja inti dalam binaan frasa kerja. Menurut Norliza Hj. Jamaluddin (2011: 1470) imbuhan *ber-* tidak membawa pengertian kerja sepenuhnya, tetapi terdapat imbuhan ini yang membawa pengertian *sifat, pemilikan* dan *keadaan* sesuatu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain daripada kata sifat berimbuhan, pola ini juga diisi oleh kata sifat yang hadir dalam bentuk ganda. Contohnya

berselawat *kuat-kuat*

melangkah *berhati-hati*

menikam *bertalu-talu*

Dalam konteks ini, kata kerja inti diterangkan oleh kata sifat ganda dalam struktur penerang. Kata sifat *kuat-kuat, berhati-hati* dan *bertalu-talu* merupakan golongan kata sifat bentuk ganda yang telah berfungsi untuk menerangkan kata kerja *berselawat, melangkah* dan *menikam*.

4.2.2.1 Kata Sifat Inti + Kata Sifat

Dalam fungsi ini, kata Sifat yang berfungsi adverba akan hadir sebagai penerang dengan berada bersama-sama dengan kata Sifat inti. Berdasarkan analisis data korpus berkomputer, jumlah peratusan baris-baris konkordans yang memperlihatkan adverba dengan pola ini dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 4.2:

Jumlah Kata Sifat Sebagai Penerang Kata Sifat

Bentuk Kata Sifat	**Jumlah**	**Peratusan (%)**
Kata Dasar	**38**	**69.1**
Kata Terbitan	**17**	**30.9**
JUMLAH:	**55**	**100**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas, kata sifat dasar dilihat lebih cenderung dan mempunyai peratusan yang tinggi untuk menjalankan fungsi sebagai adverba dalam struktur penerang yang menerangkan kata kerja, iaitu sebanyak 38 atau 69.1% baris konkordans yang ditemui daripada jumlah keseluruhan kata sifat yang ditemui dalam data korpus. Bentuk dasar dan bentuk terbitan adverba dari golongan kata sifat dapat dilihat seperti berikut:

bodoh *sombong* putih *berkilau*

cantik *manis* merah *kehitaman*

Dari segi posisi, kebanyakan adverba yang hadir dalam posisi ini tidak boleh berpindah posisinya. Keadaan ini disebabkan kedua-dua kata, iaitu inti dan penerang adalah daripada golongan yang sama.

	Hadir di sebelah kanan Kata kerja		**Hadir di sebelah kiri Kata kerja**
i)	putih berkilau	(/)	*berkilau putih* (/)
ii)	cantik manis		*manis cantik
iii)	bodoh tongong		*tongong bodoh

4.2.2.2 Kata Kerja Sebagai Adverba

Dalam konteks ini, terdapat dua golongan kata yang diterangkan oleh kata sifat dan membentuk pola-pola seperti berikut:

1) Kata Kerja Inti + Kata Kerja
2) Kata Sifat Inti + Kata Kerja

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.2.1.1 Kata Kerja Inti + Kata Kerja

Kata kerja juga boleh hadir dalam frasa kerja untuk menerangkan kata kerja ini. Dalam konteks ini, kata kerja inti diterangkan oleh golongan kata yang sama. Keadaan ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan pada rumus di bawah:

Frasa Kerja : Kata kerja inti + Kata Kerja

Secara umumnya dalam bahasa Melayu, kata kerja mempunyai fungsi tipikal sebagai predikat, iaitu golongan kata ini paling kerap menjalankan fungsi sebagai predikat telah berubah kedudukan kepada gatra penerang yang hadir untuk menerangkan kata kerja ini. Dalam konteks ini, kata kerja telah mengalami proses sesesaran sintaktik (*drift*) akibat perubahan daripada fungsi tipikal kepada fungsi penerang, iaitu adverba.

Kata Kerja Sebagai predikat	**Kata kerja sebagai penerang (adverba)**
1. kapal itu akan *pergi* belayar pada hari esok	**1.** Kapal itu *belayar pergi*
2. Kamil sedang *terbaring* untuk menghilangkan keletihannya	**2.** Kamil sedang *tidur terbaring*
3. Hashim telah *keluar* dari dalam rumah itu	**3.** Kanak-kanak itu *meluru keluar* apabila pintu rumahnya dibuka

Dari segi pola, kata kerja yang menjalankan fungsi penerang kepada kata kerja inti dilihat mempunyai pola yang hampir sama dengan kata sifat yang menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata kerja. Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis data korpus berkomputer jumlah kata kerja yang menjalankan fungsi adverba kepada kata kerja ini dapat dilihat seperti berikut:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.3

Jumlah Kata Kerja Sebagai Penerang Kata Kerja Inti Dalam Baris Konkordans

Bentuk Kata Kerja	**Jumlah**	**Peratusan (%)**
Kata Dasar	**16**	**15.2**
Kata Terbitan	**89**	**84.8**
JUMLAH:	**105**	**100**

Jadual di atas menggambarkan keseluruhan pola *KK inti + KK* yang ditemui dalam data korpus yang dianalisis. Sebanyak 105 baris konkordans yang berpola *KK inti + KK* telah ditemui dengan mengabaikan pola yang berulang. Secara keseluruhan, kata kerja dasar dilihat kurang produktif dalam menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata kerja ini, iaitu hanya sebanyak 16 baris berbanding 89 baris untuk kata kerja terbitan. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu yang bersifat aglutinatif menyebabkan kata kerja berimbuhan sering menjalankan fungsi dalam struktur frasa dan ayat. Contoh kata kerja dasar yang mengisi posisi adverba dalam binaan frasa kerja dapat dilihat seperti berikut:

menjulur *keluar* berjalan *pergi*

menyerbu *masuk* bertolak *pulang*

Pada contoh di atas, gatra adverba diisi oleh kata kerja dasar yang berfungsi untuk menerangkan kata kerja inti. Adverba *keluar, pergi, masuk* dan *pulang* berfungsi untuk menerangkan kata kerja yang menjadi inti dalam binaan frasa kerja, iaitu *menjulur, berjalan, menyerbu* dan *bertolak*.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, kata kerja terbitan yang berfungsi adverba turut hadir dalam binaan frasa kerja. Dalam konteks ini, hanya kata kerja dengan imbuhan *ber-* dan *men-* sahaja yang ditemui dalam data korpus yang dianalisis, sebaliknya, kata kerja berimbuhan di- dan *ter-* tidak ditemui. Contoh kata kerja berimbuhan yang menjalankan fungsi adverba dalam binaan frasa kerja dapat dilihat seperti di bawah:

mengangguk *bersetuju* duduk *berlunjur*

berjalan *menyongsong* berhenti *melangkah*

Contoh di atas memperlihatkan bahawa kata kerja berimbuhan berfungsi sebagai adverba dalam binaan frasa kerja, iaitu kata *bersetuju, berlunjur, menyongsong* dan *melangkah* yang merupakan kata kerja terbitan berfungsi untuk menerangkan kata kerja *mengangguk, duduk, berjalan* dan *berhenti*. Walaupun, imbuhan kata kerja *ter-* yang menjadi adverba dalam frasa kerja, namun imbuhan ini dilihat boleh berfungsi untuk menerangkan kata kerja inti. Keadaan ini boleh dilihat pada contoh di bawah:

tidur *terlentang* bangun *terkejut*

jatuh *tercampak* jatuh *terseliuh*

(Sumber bukan daripada data korpus)

Selain itu, kata kerja terbitan yang menjalankan fungsi adverba turut diisi oleh kata kerja ganda, namun jumlah baris yang ditemui agak terhad, iaitu hanya dua contoh sahaja yang ditemui. Keadaan ini boleh dilihat pada contoh di bawah:

mimpi *meracau-racau*

minum *bersama-sama*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dari segi posisi, kata kerja yang hadir sebagai penerang bersama-sama kata kerja inti mempunyai beberapa kategori, iaitu terdapat adverba yang boleh berada pada posisi kanan serta kiri kata kerja inti tanpa mengubah maksud asalnya dan terdapat kata adverba yang hanya boleh berada pada salah satu posisi sahaja.

	Hadir di sebelah kanan Kata kerja	**Hadir di sebelah kiri Kata kerja**
i)	Melangkah masuk (/)	*masuk melangkah* (/)
ii)	tersungkur jatuh (/)	*jatuh tersungkur* (/)
iii)	bergegas keluar (/)	keluar bergegas (/)
Salah satu posisi		
iv)	berjalan *keluar* (/)	*keluar* berjalan (/)
v)	melangkah *masuk* (/)	*masuk* melangkah (/)
vi)	bertolak *pulang*	**pulang* bertolak
vii)	berpatah *balik*	**balik* berpatah

kata kerja ini dikatakan boleh hadir bersama-sama di bahagian kanan atau di sebelah kiri kata kerja apabila makna yang terhasil dalam posisi yang berbeza membawa makna yang sama seperti pada contoh (i), (ii) dan (iii). Selain itu, terdapat juga beberapa konteks lain yang mempunyai makna yang berbeza disebabkan posisi sesuatu kata kerja itu berlainan seperti pada contoh (iv) dan (v). Dalam konteks ini juga, kata sifat tidak boleh berada pada kedua-dua posisi kerana sememangnya tidak boleh berubah posisi seperti pada contoh (vi) dan (vii)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.2.1.2 Kata Sifat + Kata Kerja

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis data korpus berkomputer jumlah kata kerja yang menjalankan fungsi adverba kepada kata sifat ini dapat dilihat seperti berikut:

Jadual 4.4

Jumlah Kata Kerja Sebagai Penerang Kata Sifat Dalam Baris Konkordans

Bentuk Kata Kerja	Jumlah	Peratusan (%)
Kata Dasar	**1**	**14.3**
Kata Terbitan	**6**	**85.7**
JUMLAH:	**7**	**100**

Jadual di atas menggambarkan keseluruhan pola *Kata Sifat inti + Kata Kerja* yang ditemui dalam data korpus yang dianalisis. Sebanyak 7 baris konkordans yang berpola *Kata Sifat inti + Kata Kerja* telah ditemui dengan mengabaikan pola yang berulang. Secara keseluruhan, kata kerja dilihat kurang produktif dalam menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata ini. Hal ini disebabkan fungsi tipikal golongan ini bukan sebagai penerang, sebaliknya sebagai predikat. Bentuk dasar dan terbitan kata kerja yang menjalankan fungsi adverba dapat dilihat seperti berikut:

merah *padam* sejuk *menggigil*

besar *membulat* luas *terbentang*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.2.3 Kata Nama Sebagai Adverba

Dalam konteks ini, terdapat dua golongan kata yang diterangkan oleh kata sifat dan membentuk pola-pola seperti berikut:

1) Kata Kerja Inti + Kata Nama
2) Kata Sifat Inti + Kata Nama

4.2.2.3.1 Kata Kerja Inti + Kata Nama

Kata nama juga boleh hadir dalam frasa kerja untuk menerangkan kata kerja inti. Dalam konteks ini, kata kerja inti diterangkan oleh golongan kata yang sama. Keadaan ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan pada rumus di bawah:

Frasa Kerja : Kata kerja inti + Kata Nama

Secara umumnya dalam bahasa Melayu, kata nama yang hadir bersama-sama kata kerja ini, lazimnya akan menduduki struktur objek. Namun, dalam konteks ini kata nama tersebut tidak berfungsi sebagai objek berdasarkan sifat opsyenalnya, iaitu kata adverba tersebut boleh mengalami proses pengguguran tanpa menjejaskan maksud asalnya.

Jadual 4.5:

Jumlah Kata Nama Sebagai Penerang Kata Kerja Dalam Baris Konkordans

Bentuk Kata Nama	**Jumlah**	**Peratusan (%)**
Kata Dasar	**34**	**82.9**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Kata Terbitan	**7**	**17.1**
JUMLAH:	**41**	**100**

Berdasarkan jadual di atas, kata nama dasar dilihat lebih banyak dan produktif dalam menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata kerja inti, iaitu sebanyak 82.9 %, manakala kata nama terbitan dilihat kurang produktif untuk berada dalam posisi ini. Contoh kata nama yang menjalankan fungsi adverba dapat dilihat seperti berikut:

Kata Nama Dasar

1) Mahu tak mahu akhirnya Alias *berjalan kaki* ke rumahnya.
2) Malique bertindak *berdiam diri* dan itulah caranya untuk membantah.

Kata Nama Terbitan

1) Kalau JC *bertukar fikiran*, esok boleh ikut Pak Lias dan ambil tiket untuk pulang ke Pulau Pinang.
2) Barangkali ke bahagian pengimej X-ray, atau sedang *menderita kesakitan* kemoterapi sepertinya semalam.

Dalam konteks ini, kata nama yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja dilihat tidak boleh berubah kedudukan. Jika berlaku perubahan posisi makna dan unit tatabahasa yang terhasil mengalami perubahan . Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hadir di sebelah kanan Kata kerja		Hadir di sebelah kiri Kata kerja
i)	*berjalan <u>kaki</u>*	*kaki berjalan
ii)	*berpakaian <u>preman</u>*	*preman berpakaian
iii)	*bertukar <u>fikiran</u>*	*fikiran bertukar

Dalam konteks ini, kata nama yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja tidak boleh berubah posisi. Hal ini demikian kerana jika berlaku perubahan posisi, frasa tersebut akan berubah menjadi klausa atau ayat. Keadaan ini disebabkan *kaki, preman* dan *fikiran* dapat berfungsi sebagai subjek dan *berjalan* serta *bertukar* telah berfungsi sebagai predikat.

4.2.2.3.1 Kata Sifat Inti + Kata Nama

Kata nama juga boleh hadir dalam frasa kerja untuk menerangkan kata kerja inti. Dalam konteks ini, kata sifat inti diterangkan oleh kata nama. Keadaan ini dapat dilihat seperti yang ditunjukkan pada rumus di bawah:

Frasa Sifat : Kata Sifat inti + Kata Nama

Secara umumnya dalam bahasa Melayu, kata nama diterangkan oleh golongan kata sifat dalam struktur penerang. Namun, dalam konteks ini kata sifat yang berfungsi sebagai inti dalam struktur frasa juga boleh diterangkan oleh kata nama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Jadual 4.6

Jumlah Kata Nama Sebagai Penerang Kata Sifat Dalam Baris Konkordans

Bentuk Kata Nama	**Jumlah**	**Peratusan (%)**
Kata Dasar	**2**	**100**
Kata Terbitan	**-**	**-**
JUMLAH:	**2**	**100**

Berdasarkan jadual di atas, kata nama dasar dilihat lebih produktif dalam menjalankan fungsi sebagai penerang kepada kata sifat inti, iaitu sebanyak 100% berbanding kata nama terbitan yang tidak ditemui dalam analisis data korpus. Contoh kata nama yang menjalankan fungsi adverba dapat dilihat seperti berikut:

i) Profesor Zaidah membelek-belek tembikar tersebut yang dihias dengan lakaran *berbentuk* *baji* sambil menyapu lembut dengan berusnya.

ii) Saya ingin seorang isteri yang *beragama* *Islam* juga.

Dalam konteks ini, kata nama yang berfungsi sebagai penerang kepada kata sifat tidak boleh berubah posisi. Hal ini demikian kerana jika berlaku perubahan posisi, frasa tersebut akan berubah makna dan menghasilkan frasa yang tidak gramatis..

4.2.2.4 Adverba Sebagai Penerang

Secara umumnya, perkataan- perkataan yang berfungsi sebagai penerang cara atau keadaan bagi sesuatu kata kerja dan kata sifat merupakan kata adverba. Selain itu, apabila wujud perkataan yang menerangkan kata adverba dalam struktur penerang,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

maka kata tersebut juga dikenali sebagai adverba. Dalam konteks ini, wujud sederetan penerang yang hadir sama ada dalam frasa kerja atau frasa sifat.



Rajah 4.4: Struktur Adverba Sebagai Penerang

Berdasarkan rajah di atas, wujud deretan penerang dalam struktur frasa kata inti. Dalam konteks ini, adverba yang menerangkan kata inti sama ada kata kerja atau kata sifat telah diterangkan oleh kata yang lain. Dalam konteks ini, kata adverba yang menerangkan adverba mempunyai kedudukan yang tidak tetap, iaitu boleh hadir di hadapan dan selepas kata inti dan adverba yang diterangkan itu. Untuk memudahkan perbincangan ini, adverba yang menerangkan adverba dapat dilihat berdasarkan jadual berikut:

Jadual 4.7

Jumlah Adverba Sebagai penerang Adverba Dalam Baris Konkordans

Bentuk Kata Kerja	**Jumlah**	**Peratusan (%)**
Golongan Kata Utama	**7**	**17.08**
Golongan kata Tugas	**34**	**82.92**
JUMLAH:	**41**	**100**

Berdasarkan jadual di atas, pola adverba yang menerangkan adverba sering diisi oleh golongan kata tugas, manakala golongan kata utama kurang produktif untuk berada pada posisi dan struktur ini. Berikut merupakan beberapa contoh adverba yang menerangkan adverba:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Adverba + Adverba (Kata Tugas)

Di Hadapan

1. "Maksud saya, bahasa pertuturan di sini, Benny." Melina sedikit ragu kerana bahasa Melayunya *tidak cukup meyakinkan*.
2. "Nak bunuh orang ke?" kata Samsul bergurau'. Bujei *hanya merengus kasar'*
3. Luka akan sembuh dan pagi *akan kembali riang*.

Di Belakang

1. Dia takut masa kita *terbuang begitu sahaja* apabila membantunya.
2. Profesor Zaidah perlu memberi keyakinan kepada pelajar-pelajarnya supaya projek itu tidak seharusnya *terhenti begitu sahaja*.
3. Dari anjung itu, *amat jelas sekali* pandangannya di lorong laluan sebelah luar halaman

Di Tengah

1. Kehadiran Adila bukanlah kemujuran, namun walaupun apa-apa alasannya, Adila *banyak sekali membantu*
2. "Jangan *berpisah terlalu jauh*. Macam-macam boleh terjadi di sini!"
3. Amira *bersuara agak perlahan* untuk tidak memeranjatkan kelawar-kelawar lain yang masih bergantungan di bumbung gua.

Golongan Kata Utama

1. "Kita sama-sama bertanggungjawab." Dr. zawawi bersuara setelah *lama mendiamkan diri.*
2. Manalah tahu tiba-tiba bom itu meletup ke mana dia pergi orang *segera menjauhkan diri.*
3. Namun dengan penuh keyakinan, dengan telunjuknya dia *cuba mengaut keras*
4. Kekasaran hanya untuk mempertahankan diri," *terang* Haji Awang *panjang lebar*
5. Tak perlu dia mendengar pelawaan sekali lagi, Bujei sudah sedia *duduk menghadap meja.*
6. Pancainderanya seolah-olah sudah tidak berfungsi dan dia terus sahaja *duduk menghadap kekosongan.*
7. Kali pertama alasan Azmarr, belum cukup belanja kerana dia baru sahaja *berpindah tempat bertugas* ke Semenanjung.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3 Adverba Dalam Struktur Keterangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjawab tujuan kajian yang kedua seperti yang dinyatakan dalam bahagian 1.3. Seperti definisi umum yang dibincangkan dalam bab 2 sebelum ini memperlihatkan bahawa unsur keterangan merupakan satu istilah yang digunakan untuk menamakan salah satu unsur gatra atau konstituen untuk sesuatu klausa secara minimum atau ayat kompleks sebaris dengan gatra-gatra yang lain seperti subjek, predikat, objek dan pelengkap. (Quirk & Greenbaum 1973; Asmah Haji Omar, 2008) Dalam struktur penerang, adverba yang hadir adalah pada peringkat frasa untuk menerangkan kata inti, sedangkan dalam struktur keterangan golongan ini akan menerangkan klausa atau ayat yang dikenali sebagai fungsi keterangan. Keterangan merupakan unsur periferi yang hadir pada bahagian sipian ayat, iaitu unsur sekunder yang diletakkan di luar unsur teras dan menjadi penerang lanjutan kepada unsur teras (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011). Keadaan ini dapat dilihat seperti rajah di bawah:



Rajah 4.5: Struktur Keterangan

Rajah di atas menunjukkan secara jelas bahawa bahagian keterangan yang berada pada posisi periferi ayat berada di luar ayat teras yang dibina daripada subjek dan predikat. Bahagian ayat ini merupakan bahagian yang bersifat pilihan dalam ayat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dan sekiranya gatra ini digugurkan, maka makna ayat teras masih lagi tidak terganggu. Keadaan ini dapat dilihat seperti di bawah:

(74a) Dia menjawab soalan ini dengan baik

(74b) Dia menjawab soalan ini Ø

Berdasarkan contoh (74) di atas, bahagian ajung ayat iaitu frasa "dengan baik" pada contoh (74a) boleh digugurkan dan makna yang terkandung pada ayat tersebut masih lagi tidak terjejas seperti pada contoh (74b). Justeru, ajung ayat merupakan unsur pilihan yang boleh digugurkan dan bergantung kepada rasional penutur dalam pengujarannya. Selain itu, bahagian ini boleh hadir lebih daripada satu posisi dalam ayat, iaitu pada bahagian awal ayat, tengah ayat dan akhir ayat. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

(75a) ***Dengan begitu tenang,*** ketua pembangkang telah menjawab isu itu
(75b) Ketua Pembangkang ***dengan begitu tenang*** telah menjawab isu tersebut
(75c) Ketua pembangkang telah menjawab isu tersebut ***dengan begitu tenang***

Berdasarkan contoh di atas, frasa *dengan begitu tenang* yang dalam fungsi keterangan bersifat luwes, iaitu posisi yang didudukinya boleh dipindahkan, sama ada hadapan, tengah atau pada bahagian akhir ayat dan makna yang terhasil masih lagi sama dan tidak terganggu seperti yang dilihat pada contoh (75a), (75b) dan (75c).


Berdasarkan analisis data korpus berkomputer, adverba dalam struktur keterangan ini boleh didapati dalam tiga bentuk, iaitu kata, frasa dan klausa yang berfungsi untuk memberi keterangan dalam satu struktur klausa atau beberapa peringkat yang lebih besar untuk menjalankan fungsi semantiknya sebagai pemberi maklumat tambahan kepada klausa utama atau ayat teras.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.1 Kata Membentuk Frasa Sebagai Keterangan

Seperti yang diperkatakan sebelum ini, keterangan merupakan salah satu gatra yang wujud dalam bahasa Melayu seperti gatra yang lain, iaitu subjek, predikat dan objek. Dalam konteks ini, gatra adverba dalam struktur keterangan atau juga dikenali sebagai bahagian ajung ayat diisi satu perkataan. Lazimnya, adverba bertaraf kata akan menjalankan fungsi sebagai penerang, namun berdasarkan tinjauan data korpus berkomputer terdapat beberapa kata adverba yang tidak berfungsi sebagai penerang, sebaliknya berfungsi sebagai keterangan dalam ayat. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:




Contoh di atas menunjukkan bahawa fungsi keterangan dijalankan oleh hanya satu kata sahaja, iaitu *tadi*. Dalam konteks ini, tadi tidak menerangkan perkataan atau kata inti dalam frasa, sebaliknya menerangkan keseluruhan ayat dan kata ini adalah bersifat opsyenal atau pilihan kerana perkataan tersebut boleh digugurkan tanpa mengubah maksud asal ayat yang diterangkan.

Berdasarkan analisis data korpus berkomputer, jumlah kata adverba yang menjalankan fungsi sebagai keterangan dapat dilihat seperti jadual di bawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Carta 4.2: Peratusan Kata Dalam Struktur Keterangan



Seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas, kata yang menjalankan fungsi dalam struktur keterangan boleh terdiri daripada dua bentuk, iaitu dasar dan terbitan. Adverba yang menjalankan fungsi sebagai keterangan dalam bentuk kata dasar lazimnya diisi oleh adverba jati. Berikut merupakan jumlah baris konkordans dan posisi untuk setiap kata dasar yang menjalankan fungsi keterangan:

Jadual 4.8

Jumlah Kata Dasar Dalam Struktur Keterangan dan Posisi

Kata dalam Struktur Keterangan	Posisi			Jumlah
	Awal	Tengah	Akhir	
1. Mungkin	139	141	1	281
2. Sekarang	70	23	47	140
3. Nanti	52	18	47	117
4. Kemudian	42	55	10	107
5. Tadi	18	14	51	83
6. Sentiasa	-	50	2	52
7. Sempat	2	37	-	39
8. Langsung	3	22	5	30
9. Esok	18	-	6	24

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

10. Dahulu	3	6	7	16
11. Kelmarin	6	2	3	11
12. Kelak	1	1	2	4
13. Lusa	-	-	1	1
JUMLAH:	**354**	**369**	**182**	**905**

Jadual di atas menunjukkan terdapat 13 kata adverb yang menjalankan fungsi keterangan berdasarkan analisis data korpus yang dilakukan. Selain itu, tinjauan yang dilakukan juga menunjukkan, kata yang menjalankan fungsi keterangan ini boleh berada pada posisi awal, tengah dan akhir. Posisi akhir merupakan posisi yang paling kerap untuk kata ini dalam struktur keterangan. Berikut merupakan contoh kata adverba yang berada pada posisi awal, tengah dan akhir ayat.

Posisi Awal

1. *Tadi*, dia diberitahu Faridah kemalangan
2. *Kelmarin*, majalah pelancongan dari Eropah mahu membuat rencana tentang tempat ini.
3. *Nanti*, saya siapkan barang-barang abang.

Posisi Tengah

1. Dia *tadi* tergelincir dan hanyut dibawa arus.
2. Perbincangan hangat sewaktu sarapan itu *kelmarin* masih menghantui dirinya.
3. Dia *nanti* pasti akan terpesona dengan keindahan kawasan tersebut.

Posisi Akhir

1. Dia cepat-cepat mahu mengqada fardu subuh yang tidak dapat ditunaikan di dalam kereta api *tadi*.
2. Pemain bola Selangor menjaringkan gol *kelmarin*
3. Sebahagian masanya akan dihabiskan di dalam kedai buku itu *nanti*

Pada contoh di atas memperlihatkan kata adverba *tadi, kelmarin* dan *nanti* boleh berada pada ketiga-tiga posisi keterangan iaitu awal, tengah dan akhir untuk member penerang yang lebih kepada ayat teras.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain daripada kata dasar, kata terbitan juga turut menjalankan fungsi adverba dalam struktur keterangan. Secara keseluruhannya, imbuhan *se-* merupakan imbuhan yang membentuk perkataan yang menjalankan fungsi ini. Menurut Asmah Haji Omar (2008: 202) sebagai awalan adverba, *se-* mempunyai fungsi sebagai penggubah golongan dan imbuhan ini boleh diimbuhkan kepada kata nama, kata kerja, kata bantu dan kata sifat. Berdasarkan analisis data korpus, jumlah adverba terbitan yang menjalankan fungsi keterangan adalah seperti berikut:

Jadual 4.9

Jumlah Kata Terbitan Dalam Struktur Keterangan dan Posisinya

Kata dalam Struktur Keterangan	**Posisi**			**Jumlah**
	Awal	**Tengah**	**Akhir**	
1. Sebenarnya	34	46	16	97
2. Sepatutnya	16	12	-	24
3. Seharusnya	7	13	-	20
4. Selalunya	16	4	-	20
5. Sememangnya	10	3	-	13
6. Seadanya	-	-	4	4
7. Seingatnya	3	-	-	3
8. Semestinya	2	-	1	3
9. Sesungguhnya	3	-	-	3
10. Semahunya	-	1	1	2
11. Sebelumnya	2	-	-	2
12. Sebolehnya	1	-	-	1
13. Selamanya	-	1	-	1
JUMLAH:	**94**	**80**	**22**	**196**

Berdasarkan analisis data korpus, terdapat 13 adverba terbitan yang menjalankan fungsi keterangan. Dalam konteks ini awalan kata dasar akan menerima awalan *se-* dan partikel *–nya* untuk membentuk pola *se-+ kata dasar + -nya*. Selain

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

itu, untuk adverba jenis ini posisi yang paling lazim ditemui adalah pada bahagian awal dan tengah ayat. Berikut merupakan beberapa contoh untuk adverba jenis ini:

1) *Sememangnya* di situ tempat agas bermain dan mengganggu, namun tidak dihiraukannya sangat
2) Ketawa yang kebodoh-bodohan itu *sebenarnya* terasa membodohi dirinya pula.

Bentuk ketiga yang ditemui untuk kata adverba yang menjalankan fungsi keterangan ialah bentuk majmuk atau rangkai kata dan gandaan. Dari segi bentuk majmuk atau rangkai kata, dalam tinjauan data korpus menemui adverba yang terdiri daripada kata bilangan dengan pola kata *bilangan + "kali"*. Berikut merupakan jumlah dan posisi untuk adverb jenis ini:

Jadual 4.10

*Jumlah **Kata Bilang + "kali"** Dalam Struktur Keterangan dan Posisinya*

Kata dalam Struktur Keterangan	Posisi			Jumlah
	Awal	Tengah	Akhir	
1. Sering kali	1	1	-	2
2. Kerap kali	1	-	-	1
3. Banyak kali	2	1	1	4
4. Beberapa kali	8	2	10	20
5. Setiap kali	12	6	4	22
6. Pertama kali	11	-	-	11
7. Dua kali	4	3	2	9
8. Enam kali	-	-	1	1
9. Tiga empat kali	1	-	-	1
10. Dua tiga kali	3	2	1	6
11. Berkali-kali	3	2	1	6
12. Sekali-kali	-	1	-	1
JUMLAH:	**46**	**18**	**20**	**84**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Secara keseluruhan terdapat 12 kata adverba yang dibentuk daripada pola *kata bilangan + "kali"*. Dalam konteks ini, jenis kata bilangan boleh terdiri daripada jenis kata bilangan tak tentu (*sering, kerap, banyak, beberapa, setiap*), kata bilang tentu (*pertama, dua, enam*) dan deretan kata bilang dan kata bilangan ganda. Berikut merupakan contoh adverba dalam pola ini:

Kata Bilangan Tentu + "kali"
1) *Pertama kali*, dia meninggalkan emaknya keseorangan. 2) *Dua kali*, dia berbuat demikian
Kata Bilangan Tak Tentu + "kali"
1) *Kerap kali* dia menceritakan hal bapanya. 2) *Beberapa kali* dia bertanya dengan Amah Siti tentang Sungai Besar
Kata bilangan + Kata Bilangan + "kali"
1) *Tiga empat kali* dia bangun dari kerusi lalu bergerak ke tingkap meninjau keluar 2) *Dua tiga kali* Amah Siti membawanya ke pasar.
Bentuk ganda
1) *Berkali-kali* Bujei melihat ke cermin untuk melihat dirinya yang sudah berubah itu 2) Benny *sekali-kali* tidak akan menduakannya

Selain daripada bentuk majmuk atau rangkai kata, terdapat juga adverba yang terdiri daripada bentuk gandaan yang membentuk pola *adverba ganda + -an* dan *se-+ adverba ganda + nya*. kata berimbuhan yang juga melalui proses penggandaan turut menjalankan fungsi sebagai keterangan. Contohnya:

Mudah-mudahan, jodoh mereka berkekalan

Setidak-tidaknya, mereka harus diberitahu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.2 Frasa Sebagai Keterangan

Secara umumnya, struktur keterangan paling kerap diisi oleh unit bahasa yang bertaraf frasa. Dalam konteks ini, frasa berfungsi untuk menerangkan predikat dalam struktur ayat. Secara umumnya, kebanyakan ahli bahasa bersetuju bahawa frasa sendi nama atau frasa proposisi paling kerap menjalankan fungsi ini dalam binaan ayat (Asmah Haji Omar,2007; Nik Safiah Karim *et al.*, 2008; Abdullah Hassan 2006). Selain itu, frasa yang menjalankan fungsi keterangan ini boleh berada pada posisi awal, tengah dan akhir. Jumlah frasa yang menjalankan fungsi keterangan dapat dilihat berdasarkan penanda kata sendi seperti berikut:

Jadual 4.11

Jumlah baris Konkordans dan Posisi Frasa Dalam Struktur Keterangan Berdasarkan Penanda Kata Sendi

Kata dalam Struktur Keterangan	Posisi			Jumlah
	Awal	Tengah	Akhir	
1. Di	21	-	1913	1937
2. Dengan	35	-	1387	1422
3. Ke	-	-	1034	1034
4. Dalam	57	3	532	592
5. Dari	19	-	462	481
6. Untuk	15	-	357	374
7. Daripada	2	-	308	310
8. Pada	28	-	229	257
9. Kepada	-	-	237	237
10. Tentang	1	-	141	142
11. Terhadap	-	-	81	81
12. Sejak	40	-	34	74
13. Bagi	19	-	42	61
14. Hingga	1	-	55	56
15. Antara	2	-	50	52
16. Demi	3	-	44	47
17. Secara	3	-	25	28
18. Semenjak	2	-	1	3
JUMLAH:	**248**	**3**	**6937**	**7188**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berdasarkan tinjauan data korpus, terdapat 18 kata sendi yang membentuk frasa untuk menjalankan fungsi sebagai keterangan. Dalam konteks ini, frasa yang menjalankan fungsi keterangan boleh berada pada ketiga-tiga posisi, iaitu awal, tengah dan akhir ayat. Namun, posisi akhir merupakan posisi yang paling lazim untuk frasa sebagai keterangan. Contoh frasa sebagai keterangan dapat dilihat pada contoh di bawah:

Posisi Awal
1(a). *Pada malam itu*, Ghazali dan Said bermalam di Rumah Rehat Gap 2(a). *Sejak malam tadi*, perutnya berkeroncong tidak berisi 3(a). *Secara tiba-tiba,* perubahan itu berlaku
Posisi Tengah
1(b). Ghazali dan Said *pada malam itu* bermalam di Rumah Rehat Gap 2(b). Perutnya *sejak malam tadi* berkeroncong tidak berisi 3(b). Perubahan itu *secara tiba-tiba* berlaku
Posisi Akhir
1(c). Ghazali dan Said bermalam di Rumah Rehat Gap *pada malam itu* 2(c). Perutnya berkeroncong tidak berisi *sejak malam tadi* 3(c). Perubahan itu berlaku *secara tiba-tiba*.

Pada contoh di atas, frasa pada malam itu, sejak malam tadi dan secara tiba-tiba telah menjalankan fungsi sebagai keterangan, iaitu memberi maklumat lanjut kepada ayat terasnya dan ketiga-tiga frasa tersebut boleh berada pada posisi awal, tengah dan akhir ayat.

Dari segi pola, berdasarkan data korpus berkomputer, frasa sendi yang berada dalam struktur keterangan boleh terdiri daripada beberapa jenis pola. Antaranya ialah

1. Kata Sendi + Kata Nama @ Frasa Nama
2. Kata Sendi + Kata Arah
3. Kata Sendi + Kata Sifat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Secara umumnya, kata sendi perlu menerima kata yang lain untuk berada dalam struktur ayat atau golongan kata ini bersifat endosentrik kerana strukturnya tidak mempunyai unsur diterangkan dan menerangkan yang dikenali sebagai hukum D-M.

4.3.2.1 Kata Sendi + Kata Nama @ Frasa Nama

Bentuk frasa sendi yang menjalankan fungsi keterangan ini mengandungi kata sendi sebagai perkataan yang berada di hadapan kata nama atau frasa nama. Berikut merupakan beberapa contoh frasa sendi yang berfungsi dalam struktur keterangan ayat.

1) "Apa khabar sekarang?" tegur Adila ketika dia sudah berdiri *di anjung*

2) Sesekali dia menampar agas yang singgah *pada mukanya*.

3) "Berat saya hendak maklumkan *kepada mak cik*," ujar Ghazali agak gusar.

4) Ada yang memakai terendak besar untuk melindungi kepala *daripada hujan*

Selain itu, pola ini juga boleh bergabung dengan kata arah sebagai unsur yang tidak wajib dan diikuti oleh frasa nama. Dalam konteks ini, kata arah ini boleh digugurkan.

1) Sepuluh orang kanak-kanak istimewa yang lain telah siap menunggu *di atas padang*

Sepuluh orang kanak-kanak istimewa yang lain telah siap menunggu *di Ø padang*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

2) Mereka sedang berbual-bual *di bawah kanopi putih,* khas untuk majlis perkahwinan mereka

   Mereka sedang berbual-bual *di Ø kanopi putih,* khas untuk majlis perkahwinan mereka

3) Sepanjang perjalanan, dia lebih suka berdiam diri dan sesekali merenung penumpang di dalam koc itu

   Sepanjang perjalanan, dia lebih suka berdiam diri dan sesekali merenung penumpang di Ø koc itu

4.3.2.2 Kata Sendi + Kata Arah

Dalam konteks ini, kata arah dilihat mampu untuk berdiri sendiri bersama-sama dengan kata sendi tanpa kehadiran frasa nama. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah.

1) Dengan sedikit kesilapan, tubuh mereka akan melayang *ke bawah*

2) Orang yang berada di bawah gunung sentiasa akan memandang *ke atas.*

3) kepalanya digelengkannya *ke kiri dan ke kanan*.

4) Dia bergerak *ke kanan*, sebuah rumah kelihatan sedang roboh ditolak arus

4.3.2.3 Kata Sendi + Kata Sifat

Kata sifat dilihat mempunyai kecenderungan yang agak tinggi untuk menjalankan fungsi keterangan, iaitu kata sifat ini akan membentuk frasa yang akan mengisi gatra yang berada di luar ayat teras bersama-sama kata sendi, iaitu tidak berada dalam posisi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

subjek mahupun predikat. Penerang predikat merupakan unsur periferi yang hadir pada bahagian ajung ayat, iaitu unsur sekunder yang diletakkan di luar unsur teras dan menjadi penerang kepada unsur teras (Norliza Hj. Jamaluddin, 2011). Berdasarkan tinjauan data korpus berkomputer, antara kata sendi yang sering hadir bersama-sama kata sifat adalah *dengan, secara* dan *sejak.*

Kata sendi *dengan* yang hadir bersama-sama kata sifat, lazimnya akan membawa pengertian gaya. Kehadiran frasa tersebut adalah pada bahagian ajung ayat. Keadaan ini dapat dilihat seperti contoh di bawah:

1) Bagi Roslan perkara begitu adalah biasa ketika menggunakan jalan tanah merah yang tidak diselia *dengan baik*.
2) "Gerenti dalam tangan aku punyalah," sambung Alias *dengan bangga*.
3) "Itu kita boleh dapatkan *dengan banyak* di sini.
4) "Ya ... ya ... saya mendengar." Kamarudin ingin mengetahui berita penting itu *dengan cepat*.
5) Pada mulanya kepulangan Dr. Zawawi, Rusdi, Amira, Jacinta, Itai dan Tau disambut *dengan gembira*.
6) “Tetapi sekiranya lebih, mungkin tulang mawas atau ungka." Amira menjawab *dengan jelas*.

Contoh di atas menunjukkan frasa sendi berada pada posisi paling belakang dalam struktur ayat, iaitu pada bahagian ajung ayat. Kehadiran frasa ini pada posisi tersebut lebih bersifat pilihan dan berfungsi sebagai maklumat tambahan yang ingin disampaikan. Dalam konteks ini, “dengan” dalam posisi ajung seperti yang dibincangkan adalah merujuk kepada adverb gaya. Justeru, kehadiran frasa ini dilihat cenderung hadir selepas predikat yang diisi oleh frasa kerja. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di atas, iaitu keterangan hadir selepas frasa kerja yang kata intinya terdiri daripada *diselia, sambung, dapatkan, mengetahui, disambut* dan *menjawab.*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Selain itu, dalam pola ini juga, kata penguat boleh hadir sebelum kata sifat dalam frasa sendi tersebut. Menurut Ahmad Khair Md. Noor (2009: 75) kehadiran kata penguat bersama-sama kata atau frasa adjektif merupakan satu bentuk peluasan untuk golongan kata ini. Keadaan ini mengukuhkan lagi bahawa kata penguat merupakan satu bentuk penanda kepada kata adjektif kerana kata ini sering hadir bersama-sama kata adjektif secara produktif.

Kata sendi *secara* akan berada di hadapan kata sifat. Penerang predikat ini akan membawa pengertian mengenai cara perbuatan dan tingkah laku yang dibuat. Keadaan ini dapat dilihat pada contoh di bawah:

(85) Mereka kini bergerak *secara senyap* dengan menjalankan kempen dari rumah ke rumah

(86) Pihak yang mendengar terasa *secara halus* dengan sindiran dan kata berkiasnya.

(87) Kerajaan persekutuan mahu negeri-negeri menjalankan pentadbiran *secara licin* dan mengurangkan program yang dianggap tidak berfaedah kepada rakyat

Kata sendi *sejak* akan berada di hadapan kata sifat yang bertugas membawa maksud penanda waktu atau masa. Keadaan ini dapat dilihat seperti contoh di bawah:

Sejak awal lagi dia sudah membuat telahan.

Lagipun hutan ini menjadi mainan saya *sejak kecil*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.3.3 Klausa atau Ayat sebagai Keterangan

Berdasarkan tinjauan data korpus yang dilakukan, struktur keterangan turut diisi oleh klausa atau ayat. Menurut Nik Safiah Karim *et al*. (2008) kehadiran klausa atau ayat yang dihubungkan oleh kata hubung keterangan akan membentuk ayat majmuk yang dikenali sebagai ayat majmuk pancangan keterangan. Dalam konteks ini, struktur keterangan mengandungi klausa atau ayat yang berfungsi sebagai keterangan ayat teras.

Ayat yang berfungsi pada gatra keterangan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Pertama, ayat yang hadir dalam struktur keterangan ini merupakan ayat kecil yang hadir untuk menerangkan ayat utama yang dikenali sebagai ayat teras. Kedua, kehadiran ayat dalam struktur keterangan ini akan dihubungkan dengan kata hubung tertentu seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah. Ketiga, kedudukan ayat dalam struktur keterangan ini dilihat mempunyai posisi yang tidak tetap, iaitu boleh hadir di belakang, di tengah dan di hadapan ayat induk. Berikut merupakan jumlah keterangan yang ditemui berdasarkan kata hubung yang dianalisis:

Jadual 4.11:

Jumlah Konkordans dan Posisi Ayat Dalam Struktur Keterangan Berdasarkan Penanda Kata Hubung

Kata dalam Struktur Keterangan	**Posisi**			**Jumlah**
	Awal	**Tengah**	**Akhir**	
1. kerana	5	-	588	593
2. ketika	42	-	247	289
3. kalau	203	4	40	247
4. walaupun	65	-	107	172
5. setelah	43	-	101	144
6. jika	22	-	114	136

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

7. sementara	19	-	32	53
8. supaya	-	-	47	47
9. agar	-	-	46	45
10. sewaktu	6	-	36	42
11. semasa	2	1	22	25
12. sekiranya	5	-	17	22
13. semoga	-	-	3	3
JUMLAH:	**414**	**5**	**1458**	**1817**

Berdasarkan tinjauan data korpus berkomputer, terdapat 14 penanda kata hubung yang menghubungkan ayat teras dengan ayat yang menjalankan fungsi keterangan. Berikut merupakan contoh-contoh ayat yang menjalankan fungsi sebagai keterangan ayat. berdasarkan 14 penanda kata hubung.

1) Kata orang dia mahu putus kasih *supaya* kita tidak diselubungi duka yang berpanjangan.
2) Azrul tahu, Ayu ulat buku *kerana s*elalunya dia akan berkampung halaman di kedai buku.
3) Selepas solat subuh, dia memanjatkan doa kepada Allah SWT *agar* dia mendapat hidayah daripada-Nya.
4) Malique bersuara bagai berminat dengan cerita O'Hara, lelaki yang hampir sebaya ayahnya *sekiranya* ayahnya masih hidup.
5) Dia masih sempat berdoa dalam hatinya *semoga* dia tidak mati di dalam hutan itu.
6) Dia memejamkan mata lalu membayangkan apa yang dilakukannya *kalau* dia tiada di situ.
7) Faridah mengeluh lagi, agak kuat dengusan nafasnya *hingga* menarik perhatian Anne
8) Keindahan akan menyerlah *jika* kita memahami makna yang tersembunyi seperti kabus yang sedang menyelubungi perbukitan.
9) Setahu MaIique bapanya telah meninggal dunia akibat malaria *semasa* dia masih kecil.
10) Sungai di negara ini di belakang rumah *sementara* di Eropah di hadapan rumah.
11) Polis hanya boleh membuat andaian bahawa mangsa mungkin telah dibawa ke tempat lain *setelah* kejadian kemalangan tersebut.
12) Mereka berkenalan *sewaktu* Kamarudin menjadi Pegawai Pemerintah di Pengkalan Hulu, Perak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

13) Mereka mula berkenalan *ketika* Kamarudin membayar bil penginapan dan perkenalan itu membawa ke jinjang pelamin
14) Dia masih termenung *walaupun* telefon telah diletakkan.

Seperti yang dinyatakan di atas, ayat yang menjalankan fungsi keterangan dilihat mempunyai posisi yang tidak tetap atau bersifat luwes. Namun, tidak semua ayat tersebut boleh berubah posisi. Hal ini demikian kerana, jika berlaku perubahan posisi, makna yang terhasil adalah tidak gramatis dan bercelaru. Berikut merupakan beberapa contoh ayat keterangan yang boleh dan tidak boleh berubah posisi.

Boleh Berubah Posisi

1. (a) Mereka berkenalan *sewaktu* Kamarudin menjadi Pegawai Pemerintah di Pengkalan Hulu, Perak.
   (b) Sewaktu Kamarudin menjadi Pegawai Pemerintah di Pengkalan Hulu Perak, mereka berkenalan

2. (a) Mereka mula berkenalan *ketika* Kamarudin membayar bil penginapan dan perkenalan itu membawa ke jinjang pelamin
   (b) Ketika Kamarudin membayar bil penginapan dan perkenalan itu membawa ke jinjang pelamin, mereka mula berkenalan

Salah satu posisi

1. (a) Kata orang dia mahu putus kasih *supaya* kita tidak diselubungi duka yang berpanjangan.
   *(b) *Supaya* kita tidak diselubungi duka yang berpanjangan, kata orang dia mahu putus kasih.
2. (a) Ayu ulat buku *kerana s*elalunya dia akan berkampung halaman di kedai buku.
   *(b) *kerana s*elalunya dia akan berkampung halaman di kedai buku, Ayu ulat buku.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan fokus kajian yang telah ditentukan, kajian ini telah menggunakan kaedah gatra dan unsur pengisi (*slot and filler*) untuk memperlihatkan adverba dalam struktur penerang dan keterangan sehingga membawa penghuraian secara deskriptif, empirikal dan teoritikal. Untuk menjawab tujuan kajian yang telah ditentukan pada peringkat awal kajian ini, pengkaji telah membangunkan data korpus dengan menggunakan peranti *antconc* Justeru, semua data yang dipilih, diteliti berdasarkan baris-baris konkordans yang diperoleh daripada data korpus berkomputer untuk melihat perilaku kata jenis ini dalam posisi dan kehadirannya dalam struktur sintaktik. Berdasarkan analisis dan perbincangan yang dilakukan, kata adverba dilihat diterangkan oleh Kata Sifat, Kata Kerja dan Kata nama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bahagian ini akan menyimpulkan segala maklumat penting berkaitan kajian adverba dalam struktur penerang dan keterangan dalam bahasa Melayu. Analisis berkaitan adverba yang menjadi data kajian telah dilakukan peringkat demi peringkat seperti yang telah dirancang dalam bab 3, iaitu berkaitan metodologi kajian. Beberapa dapatan kajian telah ditemukan dan membawa kepada jawapan bagi tujuan kajian yang diletakkan pada awal kajian ini. Rumusan yang dilakukan ini akan membincangkan perkara yang berkaitan kesesuaian data korpus berkomputer, dapatan kajian, implikasi kajian dan kajian hadapan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.2 Kesesuaian Pendekatan Data Korpus

Data korpus merupakan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini secara dominan untuk mendapatkan data bahasa daripada penggunaan sebenar bahasa Melayu. Penggunaan data korpus yang digunakan ini dilihat telah membawa kajian ini untuk menemukan dapatan-dapatan kajian yang berkaitan dengan golongan kata adverba dalam struktur penerang dan keterangan. Selain itu, penggunaan pendekatan ini penting untuk memastikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah bersifat deskriptif, iaitu menghuraikan perilaku sebenar adverba dalam dua gatra yang berbeza dengan menggunakan data sebenar yang seterusnya membawa kajian ini sebagai kajian yang bersifat empirikal. Dengan menumpukan kajian berkaitan adverba dalam struktur penerang dan keterangan bahasa Melayu melalui data sebenar pengguna bahasa (data korpus) sebagai asas kajian membuatkan kajian ini berbenar-benar segar kerana dapat memperlihatkan fungsi sebenar golongan kata ini dengan lebih mendalam dan keadaan ini menyebabkan kajian ini tidak terlalu dikongkong dengan rumus-rumus asas yang diberikan oleh penahu-penahu tempatan.

Menurut Norliza Hj Jamaluddin (2011: 227), menerusi data korpus, rumus atau model sesuatu bahasa dapat dihuraikan dengan tepat dan bentuk bahasa yang diteliti merupakan bahasa yang terbentuk secara tabii dan di luar sedar. Hal ini demikian kerana realiti penggunaan bahasa sebenar sering memperlihatkan penutur-penuturnya melanggar rumus-rumus bahasa yang telah ditetapkan oleh penahu-penahu yang dilihat sebagai suatu peraturan betul salah dalam penggunaan bahasa. Keadaan ini berlaku disebabkan rumus yang ditetapkan oleh penahu tidak semestinya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

selari dengan bahasa yang wujud pada minda pengguna bahasa. Justeru, melalui penggunaan data korpus yang mengumpul data bahasa sebenar, keadaan ini dapat dihuraikan dengan lebih jelas berkaitan aspek nahu yang dianggap relevan dan meluas penggunaannya agar jawapan sebenar kepada persoalan bahasa ini dapat dirungkai.

Dalam kajian ini, jumlah data yang besar telah dikeluarkan agar kajian ini benar-benar dapat menganalisis adverba dalam dua buah gatra ini. Data korpus yang dibangunkan sendiri telah membantu pengkaji untuk mendapatkan data secara sistematik. Hal ini demikian kerana kemudahan yang disediakan ini dilengkapi dengan sistem konkordans dan pengisihan data mengikut kesesuaian pengkaji. Sistem konkordans yang digunakan membolehkan penyenaraian adverba dalam fungsi sintaksis dapat dilihat dengan jelas dan tersusun serta proses pengisihan yang dilakukan memudahkan data dianalisis kerana telah disusun dengan sistematik berdasarkan abjad. Oleh itu, keadaan ini tidak membawa kepada data yang bersifat "tunggang-langgang" yang boleh mengganggu dapatan kajian, walaupun jumlah data yang dikeluarkan berada dalam kuantiti dan jumlah yang besar. Keadaan ini menunjukkan bahawa penggunaan data korpus yang dibangunkan ini membolehkan kajian yang sistematik dan tersusun dapat dilakukan hasil daripada data yang autentik dan andal.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.3 Dapat Kajian

Kajian ini telah meneliti fungsi adverba dalam dua struktur yang berbeza, iaitu struktur penerang dan keterangan dengan memberi penekanan kepada aspek struktural dalam melakukan analisis. Dalam konteks ini, aspek semantik hanya dilihat secara tidak langsung dalam memperlihatkan analisis posisi untuk golongan kata ini dalam posisi penerang. Keadaan inilah yang membezakan kajian ini dengan kajian adverba yang lain kerana kebanyakan perbincangan dan pengkajian adverba lebih melihat analisis berdasarkan makna-makna yang wujud dalam golongan kata tersebut. Hal ini demikian kerana golongan kata ini dilihat sukar untuk dianalisis kerana hanya dapat ditentukan berdasarkan aspek struktur atau fungsian tanpa dukungan dari segi semantik sebagaimana golongan kata yang lain seperti kata nama, kata kerja dan kata sifat.

Berdasarkan fokus kajian yang telah ditentukan, kajian ini telah menggunakan kaedah gatra dan unsur pengisi (*slot and filler*) untuk memperlihatkan adverba dalam struktur penerang dan keterangan sehingga membawa penghuraian secara deskriptif, empirikal dan teoritikal. Untuk menjawab tujuan kajian yang telah ditentukan pada peringkat awal kajian ini, pengkaji telah membangunkan data korpus dengan menggunakan peranti *antconc* Justeru, semua data yang dipilih akan diteliti berdasarkan baris-baris konkordans yang diperoleh daripada data korpus berkomputer untuk melihat perilaku kata jenis ini dalam posisi dan kehadirannya dalam struktur sintaktik. Dalam konteks ini, keputusan kajian berdasarkan analisis telah pun dinyatakan pada bab 4 dan akan dirumuskan pada bahagian ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pertama, fungsi kata adverba berdasarkan analisis data korpus dan pengujian secara teoritikal memperlihatkan golongan kata ini berfungsi seperti berikut:

1. Penerang Kata Kerja
2. Penerang Kata Sifat
3. Penerang Kata Adverba

Tiga golongan kata ini merupakan golongan kata yang paling kerap diterangkan oleh golongan kata adverba. Dalam konteks ini, kajian ini tidak membincangkan kehadiran adverba yang menerangkan kata nama dan frasa sendi nama disebabkan perbezaan pendekatan teori dan data yang digunakan. Dapatan yang ditemui dilihat selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Za'ba (1958) yang menunjukkan perbezaan antara dua jenis kata yang berfungsi sebagai penerang, iaitu sifat nama untuk kata sifat yang menerangkan kata nama dan sifat kata, iaitu semua perkataan yang menerangkan selain kata nama. Penerang yang hadir untuk menerangkan kata nama bukan merupakan adverba, sebaliknya kata tersebut merupakan golongan kata adjektif. Perbezaan yang dikemukakan oleh Za'ba antara adjektif dan adverba dilihat sangat jelas dan mempunyai asas yang kukuh serta menggambarkan perilaku sebenar golongan kata ini dalam bahasa Melayu.


Selain itu, kajian ini turut tidak memasukkan frasa sendi nama dalam analisis yang dilakukan. Teori yang digunakan, iaitu *slot and filler* dilihat kurang sesuai untuk menganalisis kata yang menerangkan frasa. Hal ini demikian kerana teori tersebut dilihat dapat digunakan dalam binaan *inti + penerang*. Dalam konteks ini, perbezaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

teori yang digunakan telah membawa dapatan kajian yang berbeza. Secara keseluruhannya, adverba dalam struktur penerang dapat dilihat seperti berikut:

Carta 5.1: Peratusan Fungsi Adverba



Berdasarkan data korpus yang dianalisis, kata kerja merupakan golongan kata yang paling kerap diterangkan oleh adverba, iaitu sebanyak 74 peratus daripada keseluruhan adverba yang ditemui dalam data korpus, manakala kata sifat merupakan golongan kata kedua dan diikuti oleh kata adverba. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji telah menemukan beberapa bentuk pola bagi adverba yang menjalankan fungsi adverba untuk penerang kata kerja dan kata sifat, iaitu:

<u>Pola Penerang Kata Kerja</u>

1) Kata Kerja Inti + Kata Sifat
2) Kata Kerja Inti + Kata Kerja
3) Kata Kerja Inti + Kata Nama

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Pola Penerang Kata Sifat

1) Kata Sifat Inti + Kata Sifat
2) Kata Sifat Inti + Kata Kerja
3) Kata Sifat Inti + Kata Nama

Dalam konteks ini, terdapat tiga bentuk pola untuk setiap kata yang diterangkan oleh adverba dan adverba yang berfungsi sebagai penerang tidak boleh disisipkan dengan sebarang perkataan di tengah-tengah dua perkataan tersebut. Secara keseluruhan, kata sifat merupakan golongan kata yang paling kerap menjalankan fungsi adverba kepada kata kerja dan kata sifat inti. Hal ini demikian kerana, menurut Norliza Haji Jamaluddin (2011), golongan kata sifat sememangnya menjalankan fungsi tipikalnya sebagai penerang.

Kedua, dari segi posisi, kata adverba yang hadir sebagai penerang bersama-sama kata inti mempunyai beberapa kategori, iaitu terdapat adverba yang boleh berada pada posisi kanan serta kiri kata kerja inti tanpa mengubah maksud asalnya dan terdapat kata adverba yang hanya boleh berada pada salah satu posisi sahaja. Dalam konteks ini, posisi adverba bersama-sama kata inti dalam kajian ini hanya dapat memberi gambaran umum berdasarkan data yang dianalisis. Hal ini demikian kerana untuk mendapat gambaran yang lebih jelas berkaitan posisi adverba ini, aplikasi teori berkaitan makna dan struktur perlu disepadukan untuk mendapat gambar dan perincian yang lebih jelas.

Ketiga, berdasarkan analisis data korpus berkomputer, adverba dalam struktur keterangan boleh didapati dalam tiga bentuk, iaitu kata, frasa dan klausa yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berfungsi untuk memberi keterangan dalam satu struktur klausa atau beberapa peringkat yang lebih besar untuk menjalankan fungsi semantiknya sebagai pemberi maklumat tambahan kepada klausa atau ayat teras. Seperti yang diperkatakan sebelum ini, keterangan merupakan salah satu gatra yang wujud dalam bahasa Melayu seperti gatra yang lain, iaitu subjek, predikat, objek dan sebagainya. Dalam struktur penerang, adverba yang hadir adalah pada peringkat frasa untuk menerangkan kata inti, sedangkan dalam struktur keterangan golongan ini akan menerangkan klausa atau ayat yang dikenali sebagai fungsi adverbial atau adjung. Keterangan merupakan unsur periferi yang hadir pada bahagian adjung ayat, iaitu unsur sekunder yang diletakkan di luar unsur teras dan menjadi penerang kepada unsur teras.

Secara umumnya, gatra keterangan mempunyai dua ciri penting, iaitu bahagian ajung ayat merupakan bahagian yang bersifat pilihan dalam ayat dan sekiranya gatra ini digugurkan, maka makna ayat teras masih lagi tidak terganggu. Selain itu, bahagian ini boleh hadir lebih daripada satu posisi dalam ayat, iaitu pada bahagian awal ayat, tengah ayat dan akhir ayat.

5.4 Implikasi Kajian

Kajian yang telah dilakukan berdasarkan tinjauan data korpus berkomputer terhadap adverba dalam struktur penerang dan keterangan ini memberi beberapa implikasi positif kepada beberapa aspek dalam bidang linguistik tempatan dan pihak-pihak yang boleh memanfaatkannya. Kajian ini telah meneliti kecenderungan fungsi adverba dalam struktur penerang dan keterangan. Fungsi dan peranan yang dilihat dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kajian ini dapat memperdalam lagi penghuraian dalam proses pemahaman berkaitan nahu bahasa. Seperti yang dibincangkan pada bahagian awal, walaupun terdapat ahli bahasa yang menghuraikan berkaitan kata adverba dan jenisnya, tetapi fungsi berdasarkan struktur secara mendalam tidak banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Justeru, kajian ini dapat menjadi salah satu koleksi khazanah ilmu untuk mereka yang memanfaatkannya atau mereka memanjangkan kajian ini kepada tinjauan aspek yang lebih mendalam.

Kajian ini juga dapat memberi kesan yang positif kepada pendidik-pendidik dalam bidang bahasa Melayu, sama ada di peringkat sekolah, mahupun di peringkat pengajian tinggi. Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pendidik untuk menambahkan ilmu mereka dan mendalami perkara berkaitan adverba bahasa Melayu agar mereka dapat memberi ilmu-ilmu yang baharu dan berguna kepada anak didik mereka. Untuk pelajar di peringkat pengajian tinggi, mereka perlu mengetahui secara mendalam untuk setiap ilmu linguistik yang mereka terokai. Justeru, kajian ini diharapkan dapat memberi serba sedikit pemahaman yang dapat menambahkan ilmu bahasa mereka terutama yang berkaitan fungsi dalam kedua-dua struktur.

Mereka yang terlibat dalam dunia penulisan juga boleh memanfaatkan ilmu yang terkandung dalam kajian ini agar mereka lebih jelas berkaitan fenomena sesuatu peraturan bahasa. Keadaan ini membolehkan mereka memperkayakan lagi khazanah ilmu yang mereka miliki dalam pemikiran dan minda mereka dan seterusnya mengetahui beberapa persoalan-persoalan bahasa yang berkaitan perilaku golongan kata ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.5 Kajian Hadapan

Berdasarkan penelitian dan pengalaman pengkaji dalam kajian ini, terdapat beberapa aspek yang boleh diterokai secara mendalam berkaitan tajuk ini. Hal ini demikian kerana aspek yang boleh dikaji dilihat agak luas dan berada di luar batasan kajian ini. Dalam konteks ini, pengkajian melihat beberapa aspek yang boleh diteliti secara mendalam dan keadaan ini dapat dilihat seperti berikut:

I. Kajian ini lebih tertumpu kepada peranan adverba dari aspek sintaksis berdasarkan fungsi yang ditunjukkan. Dalam konteks ini, pengkaji melihat perlunya kajian berkaitan aspek semantik untuk melengkapkan kosa ilmu ini. Hal ini demikian kerana, aspek makna dilihat sangat berperanan untuk membolehkan sesebuah perkataan menduduki sesuatu gatra dan berdasarkan tinjauan data korpus mendapati bahawa tidak semua perkataan daripada golongan yang sama boleh hadir dalam gatra yang sama atau hadir dengan perkataan yang sama disebabkan perbezaan semantik yang wujud.

II. Kajian ini hanya melibatkan pengkajian adverba pada peringkat struktural, iaitu fungsi golongan kata ini dalam struktur frasa dan ayat. Namun, pengkaji melihat bahawa perlunya kajian dalam ruang yang lebih luas, iaitu kajian adverba pada tahap wacana dengan menggunakan teori yang sesuai seperti teori fungsional.

III. Pengkaji melihat, perlunya satu kajian khas yang perlu dilakukan untuk melihat bentuk-bentuk kata adverba dalam bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana kajian ini hanya menumpukan pada bahagian fungsi dan posisi golongan kata ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.6 Kesimpulan

Penggunaan data korpus yang digunakan ini dilihat telah membawa kajian ini untuk menemukan dapatan-dapatan kajian yang berkaitan dengan golongan kata adverba dalam struktur penerang dan keterangan. Selain itu, penggunaan pendekatan ini penting untuk memastikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah bersifat deskriptif, iaitu menghuraikan perilaku sebenar adverba dalam dua gatra yang berbeza dengan menggunakan data sebenar yang seterusnya membawa kajian ini sebagai kajian yang bersifat empirikal. Berdasarkan fokus kajian yang telah ditentukan, kajian ini telah menggunakan kaedah gatra dan unsur pengisi (*slot and filler*) untuk memperlihatkan adverba dalam struktur penerang dan keterangan sehingga membawa penghuraian secara deskriptif, empirikal dan teoritikal. Dapatan-dapatan kajian yang ditemukan memperlihatkan sedikit perbezaan dengan pandangan yang dikemukakan oleh beberapa ahli bahasa disebabkan pendekatan dan kerangka teori yang digunakan adalah berbeza. Perbezaan ini dapat memberi perspektif yang berbeza dalam penghuraian berkaitan golongan kata ini serta diharapkan dapat memperkaya lagi wacana dan penyelidikan dalam bidang ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

RUJUKAN

Abdullah Hassan (1986). *Penerbitan Kata Dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Abdullah Hassan (1992). "Bahasa dan Linguistik: Definisi dan Perkembangan Sepintas Lalu". Dlm. Abdullah Hassan (Ed.). *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan (2005). "Kata Keterangan atau Adverba". *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya,* Jilid 1 (2005): [1]-20.

Abdullah Hassan (2006). *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Abdullah Hassan (2006). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Professional

Abdullah Hassan (2008). *Tatabahasa Pedagogi Untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional

Abdul Hamid Mahmood (2006). *Kursus menguasai bahasa Melayu mudah.* Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abdullah Yusof (2009). *Perluasan makna perkataan Bahasa Melayu sumbangan data korpus berkomputer*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

